KEMENTERIAN KERJA RAYA



# "KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT"

LAPORAN TAHUNAN 2014









## RASIONAL KULIT BUKU

**SEMUT DAN BOLA KRISTAL**

Semut adalah makhluk ciptaan tuhan yang kecil sifat fizikalnya. Semut merupakan salah satu kelompok yang paling "sosial" di dalam keluarga serangga dan hidup sebagai masyarakat yang berorganisasi (sistematik)."Kekurangan" fizikal semut tidak menjadi penghalang kepadanya untuk melakar perkara-perkara yang jauh lebih besar daripada bentuk fizikalnya.

Semut jika dilihat cara bekerja mereka, aspek kerja berpasukan atau '***teamwork***" merupakan tunjang kepada kejayaan mereka selain sifat tolarensi, mempercayai rakan sepasukan,bekerja secara sistematik dan tidak pernah menyerah kalah dan paling utama mereka sentiasa bersedia menghadapi cabaran di masa akan datang. Semut juga sentiasa bersedia Mengangkut benda yang lebih besar dan membina sarang yang sangat kompleks juga adalah hasil usaha "ganding bahu" mereka yang tidak pernah mengenal erti lelah dan jemu untuk mencuba, percaya kepada kekuatan secara berpasukan dan boleh di gambarkan sebagai "tiada yang mustahil" dalam visi mereka Sifat inilah yang akan menjadi cabaran dan penentu kepada kunci kejayaan di KKR.

Bola Kristal jernih (di dalamnya terdapat lanskap Bandaraya Kuala Lumpur) yang dipaparkan adalah metafora kepada impian dan cabaran besar yang perlu dipikul dan diharungi oleh warga KKR dalam memastikan industri pembinaan negara terus maju dan dapat bersaing di peringkat dunia.

Usaha ini akan menjadi nyata jika komitmen berterusan warga KKR dan agensi seterusnya memupuk sifat kerjasama berpasukan, tiada yang mustahil untuk merealisasikan sebarang perancangan dan visi yang di cita-citakan.

***#dreambig***
***#teamwork***
***#KKR AnualReport2014***

# Laporan Tahunan 2014
# Kementerian Kerja Raya

# SOROTAN 2014

1



3



2



1 **9-1-14**
Majlis Perasmian Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya

2 **23-1-14**
Majlis Anugerah Tangan Emas Bersama Perdana Menteri

3 **25-1-14**
Majlis Pembukaan Persimpangan Bukit Gambir Johor

5




5 **1-3-14**
Majlis Perasmian Jambatan Pulau Pinang II

6 **14-3-14**
Pembinaan Institut Latihan JKR di Melaka

4 **12-2-14**
Program Sesi Soal Jawab TV3
bersama YB Menteri Kerja Raya

4




6






**7** **14-4-14**
Makamah Pembinaan Pertama Malaysia

**8** **8-5-14**
Keselamatan Di Tapak Binaan Menteri Kerja Raya Ketuai Operasi Penguatkuasaan Bersepadu

**9** **12-6-14**
WorldSkills Malaysia Belia 2014










**10** **21-7-14**
Susur Keluar LATAR ke Jalan Kundang Dibuka







**11** **22-7-14**
Pelancaran Web Travel Smarter

**12** **8-8-14**
KSU Serah Tugas

# SOROTAN 2014










**13** **18-8-14**
Quantity Surveying International Convention 2014 & 'Malam Anugerah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia'

**14** **26-8-14**
Tahap Keselamatan dan Pencegahan Kawalan Denggi di Tapak Pembinaan

**15** **18-9-14**
International Construction Week 2014




**17** **16-10-14**
MyCESMM




**16** **14-10-14**
Hari Inovasi KKR 2014

**18** **21-10-14**
Projek Central Spine Road (2)

**19** **13-11-14**
Majlis MOC










**20** **6-12-14**
Himpunan Bumiputera Kebangsaan (IBS)

# PERUTUSAN Y.B MENTERI

KKR akan dan terus melaksanakan transformasi dalaman secara holistik dan pragmatik terutamanya dalam gaya dan proses kerja sedia ada.








**ASSALAMUALAKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM 1MALAYSIA**

## Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana penerbitan laporan Tahunan 2014 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang bekerja keras untuk menerbitkan Buku Laporan Tahunan Kementerian Kerja Raya ini.

Buku laporan ini memberi gambaran menyeluruh mengenai kejayaan dan pencapaian program serta aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Buku ini juga boleh dijadikan sebagai sumber maklumat kepada warga KKR dan agensi-agensi di bawahnya. Ia turut akan memanfaatkan para kontraktor dan pemain industri untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang peluang yang ditawarkan oleh KKR serta memahami penyampaian perkhidmatan KKR kepada rakyat.

Dalam ketidaktentuan ekonomi dunia dan cabaran globalisasi sepanjang tahun 2014, Malaysia tidak terkecuali menerima sedikit sebanyak kesannya ke atas sektor ekonomi, politik dan sosial negara ini. Cabaran-cabaran ini menuntut supaya penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dipertingkatkan. Warga KKR dan agensi di bawahnya perlu bergerak lebih pantas demi menyediakan persekitaran perkhidmatan yang kondusif berpaksikan kepada kesejahteraan rakyat.

Dalam konteks penyampaian perkhidmatan KKR khususnya, saya melihat cabaran utama bagi kementerian ini adalah untuk menerajui transformasi pembinaan negara dan penyelenggaraan aset kerajaan ke tahap yang lebih tinggi serta dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Untuk mencapai matlamat tersebut, kementerian ini sedang dan akan terus melaksanakan transformasi secara holistik dan pragmatik terutamanya dalam pengurusan kontrak dan pengurusan risiko serta proses kerja semasa.

Perkembangan pantas teknologi maklumat dan dasar langit terbuka kini menuntut penjawat awam terutamanya warga Kementerian Kerja Raya supaya lebih progresif dan responsif dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat serta melaksanakan tugas dengan pantas secara sistematik dan inovatif dalam membuat keputusan dan pelaksanaan bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Saya juga amat yakin dengan adanya warga kerja yang komited terhadap tugasan, bertanggungjawab, berintegriti dan bersungguh-sungguh dalam membuat perubahan, maka hasrat untuk melonjakkan Kementerian Kerja Raya ke tahap yang lebih gemilang akan tercapai. Semoga Kementerian ini terus menjadi peneraju sektor pembinaan negara dan penyelenggaraan aset Kerajaan.

Semua kejayaan dan pencapaian Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2014 telah direkodkan dalam buku laporan ini. Saya percaya ia boleh menjadi rujukan kepada semua pihak yang ingin memahami peranan dan fungsi Kementerian Kerja Raya. Akhir sekali, syabas dan tahniah di atas penerbitan Buku Laporan Tahunan ini.

Terima kasih.

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**
Menteri Kerja Raya

# KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA

Sepanjang tempoh tahun 2014, sebanyak **241 projek** pembangunan telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM3.74 bilion**.







## SALAM MUHIBBAH DAN SALAM 1MALAYSIA,

Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada seluruh warga KKR di atas usaha dan iltizam yang terbaik telah diberikan sepanjang tahun 2014 di dalam merealisasikan hala tuju KKR dengan lebih cemerlang. Seterusnya, ucapan syabas juga ditujukan kepada semua pihak dan sidang redaksi buku Laporan Tahunan KKR 2014 yang telah berusahadengan gigih untuk menghasilkan Laporan Tahunan KKR ini.

Tahun 2014 merupakan tahun yang telah mencatatkan pencapaian yang sangat cemerlang dan sangat membanggakan. Sepanjang tempoh tahun 2014, sebanyak 241 projek pembangunan telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM3.74 bilion. Sehingga 31 Disember 2014, prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 99.6% dan sebanyak 54 projek di bawah Kementerian Kerja Raya telah siap sepenuhnya. Tahun 2014 juga menyaksikan beberapa projek mega seperti Projek Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Pulau Pinang (JPP2) telah dibuka secara rasminya, serta Pembukaan 2 persimpangan bertingkat baru di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) iaitu Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya, Selangor serta Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184 km telah siap sepenuhnya pada tahun 2014.

Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua warga Kementerian dan Agensi yang telah memberikan kerjasama cemerlang sehingga menghasilkan pencapaian Key Performance Indicator atau KPI bagi tahun 2014 yang telah melebihi daripada sasaran yang ditetapkan. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada pihak pengurusan dan warga KKR dan Agensi yang telah bekerjasama dan memainkan peranan yang sewajarnya.

Dalam sektor pembangunan kontraktor dan keusahawanan kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (JPEB) yang menetapkan 6 inisiatif utama yang telah dan akan dilaksanakan bagi memacu peningkatan dan keupayaan kontraktor Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi. Selain turut menganjurkan program '**Himpunan IBS Kebangsaa**n' dengan jayanya.

Bagi memastikan industri pembinaan Negara dapat bersaing di peringkat yang lebih kompetitif, Akta Pendaftaran Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967 dan Akta Juruukur Bahan 1967 telah dipinda bagi memuatkan keperluan dasar perdagangan bebas dan mengamalkan prinsip persaingan perdagangan. Alhamdulillah, ketiga-tiga Rang Undang-undang Profesional iaitu RUU Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014, RUU Arkitek (Pindaan) 2014, RUU Juruukur Bahan (Pindaan) 2014 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada sesi yang lepas.

Menutup tirai 2014, alhamdulillah dengan kerjasama dan komitmen jitu semua warga KKR dan agensinya, saya yakin yang KKR telah mempamerkan prestasi pencapaian yang membanggakan dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020

.

**"Ke Arah Kesejahteraan Rakyat"**

Sekian, terima kasih



**DATO' SRI ZOHARI BIN HAJI AKOB**
Ketua Setiausaha

## Laporan Tahunan 2014

# Kementerian Kerja Raya





ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YB MENTERI
KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA

STRATEGI KKR **03**

Pelan Strategik Organisasi 2013-2014 **04-05**
Visi, Misi, & Moto **06-07**
Fungsi **08**
Pencapaian Piagam Pelanggan KKR Tahun 2014 **09**

CARTA ORGANISASI **10-11**
KETUA-KETUA AGENSI **12-13**
PENCAPAIAN KPI **14-15**
PENGURUSAN KEWANGAN **17**

Perbelanjaan Pembangunan **18-19**
Perbelanjaan Mengurus **20-21**

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR **23**

Jalan Raya & Jambatan **24-33**
Bangunan **34-39**
Lebuhraya **40-49**

PENYENGGARAAN FASILITI **51**

Penyenggaraan Jalan **52-55**
Penyenggaraan Bangunan **56-57**

KONTRAKTOR DAN INDUSTRI BINAAN **59**

Kontraktor **60-63**
Industri Binaan **64-71**

PENGURUSAN PROFESIONALISME **73-87**
PEMBANGUNAN MODAL INSAN **89-107**
PENGURUSAN PELANGGAN DAN TRANFORMASI **109-131**
HUBUNG JALIN RAKYAT DAN ANUGERAH **133**

Tanggungjawab Korporat **134-139**
Anugerah **140-141**

PENGURUSAN BENCANA DAN KRISIS **143-147**
PENERBITAN **148-149**

**"PENGURUSAN ORGANISASI YANG CEMERLANG PERLU BERPAKSIKAN KEPADA TAHAP PROFESIONALISME YANG TINGGI DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT. KITA PERLU MEMILIKI CIRI-CIRI RESPONSIF, PEKA, IMEJ YANG BERSIH, WARGA KERJA YANG KOMITED, MEMBUDAYAKAN ILMU SERTA MENGUTAMAKAN PRESTASI. KOMPONEN KEPIMPINAN MERUPAKAN FAKTOR PALING KRIKITAL DALAM MENENTUKAN KEJAYAAN TRANSFORMASI SESEBUAH ORGANISASI KERANA IANYA MENENTUKAN HALA TUJU DAN MATLAMAT ORGANISASI MELALUI PENGGEMBLENGAN SUMBER SECARA STRATEGIK."**



**YB. MENTERI KERJA RAYA**
**Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai Kanan (Soc) JKR Malaysia Tahun 2014**
**11 Jun 2014**











# 01





## STRATEGI KKR

Pelan Strategik Organisasi 2013-2014 **04-05**
Visi, Misi, & Moto **06-07**
Fungsi **08**
Pencapaian Piagam Pelanggan KKR Tahun 2014 **09**

# PELAN STRATEGIK ORGANISASI 2013-2014

## TERAS STRATEGIK

Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengkaji dan mengemaskini teras strategik supaya selaras dengan keperluan semasa industri pembinaan dan kejuruteraan negara. Enam teras yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:.



# NILAI-NILAI TERAS BERSAMA

## Bagi melaksanakan tugas teras dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya dengan berkesan, warga Kerja Raya mengamalkan tujuh nilai bersama :




Kepimpinan

Integrasi

Akuantabiliti

Profesionalisme

Komunikasi

Cepat, Tepat, Integriti (ICT)

Produktif, Kreatif, Inovatif (PCI)

# RINGKASAN KESELURUHAN:

**Laporan Pelan Strategik KKR 2013 – 2015 sehingga Disember 2014**

| TERAS | BIL. PELAN TINDAKAN | STATUS PENCAPAIAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | ● (hijau) | ● (kuning) | ● (merah) | BT | JUMLAH |
| Teras 1 | 12 | 1 | 11 | - | - | 12 |
| Teras 2 | 4 | 2 | 2 | - | - | 4 |
| Teras 3 | 14 | 6 | 8 | - | - | 14 |
| Teras 4 | 8 | 6 | 2 | - | - | 8 |
| Teras 5 | 8 | 5 | 3 | - | - | 8 |
| Teras 6 | 18 | 9 | 8 | - | 1 | 18 |
| **JUMLAH** | 66 | 29 | 34 | - | 1 | 64 |

STATUS: ● Tindakan selesai ● Dalam tindakan ● Tidak Capai /Perlu tindakan selanjutnya BT Belum terima

Mesyuarat Semakan semula Pelan Strategik KKR 2013 – 2015 diadakan pada 26 September 2014 , keputusan mesyuarat seperti berikut :

- 66 Pelan Tindakan asal
- 3 Pelan Tindakan dimansuhkan
- 1 Pelan Tindakan baru dicadangkan

**Jumlah keseluruhan 64 Pelan Tindakan**



# VISI
## PENERAJU PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA YANG UNGGUL MENJELANG 2020



# MOTO

## “KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT”

# MISI

## 1 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan disenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi

## 2 INDUSTRI PEMBINAAN

Membangun, mengembang dan memantapkan industri pembinaan negara dan perkhidmatan profesional yang berdaya saing di pasaran global

## 3 TENAGA KERJA

Memastikan pembangunan kapasiti dan keupayaan kontraktor, profesional dan tenaga kerja sektor pembinaan dilaksanakan selaras dengan dasar negara

# FUNGSI

i Merancang pembangunan rangkaian jalan Persekutuan di seluruh negara

ii Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek jalan Persekutuan dan lain-lain projek di bawah seliaan KKR

iii Mengawal selia kerja penyenggaraan jalan Persekutuan yang diswastakan dan Bangunan Gunasama Persekutuan seluruh Negara (kecuali Wilayah Tengah Semenanjung Malaysia)

iv Pembangunan usahawan Bumiputera di dalam sektor pembinaan

v Memantau pembinaan, operasi, pengendalian tol dan penyenggaraan lebuh raya bertol

vi Merancang dan menyelaras urusan sumber manusia dan kewangan (mengurus dan pembangunan) KKR dan JKR

vii Memantau jabatan dan agensi di bawah kawalannya

viii Memantau pelaksanaan projek pembangunan Kementerian Pelanggan yang dilaksanakan oleh JKR

ix Memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada CIDB di dalam pembangunan industri pembinaan negara dan tenaga kerja mahir

x Memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada LJM, LAM dan LJBM di dalam program pembangunan tenaga kerja profesional bagi pasaran dalam dan luar negara

# PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2014

| Bil. | Piagam Pelanggan | Bahagian | Ukuran | Jan | Feb | Mac | April | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis | Jumlah | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Memastikan laporan Lawatan Pemantauan Jalan Persekutuan disediakan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh lawatan. | BPF | Bil. | | 2 | 2 | 5 | 1 | 1 | 1 | 2 | 5 | 0 | 5 | 5 | 29 | |
| | | | LS | TL | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | |
| | | | % | | **100** | **100** | **100** | **100** | **100** | **100** | **100** | **100** | **0** | **100** | **100** | **100** | |
| 2 | Memastikan laporan Lawatan Pemantauan Bangunan Gunasama Persekutuan disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh lawatan. | BPF | Bil. | | 34 | 30 | | 34 | 30 | 0 | 23 | 41 | 57 | 64 | 64 | 377 | |
| | | | LS | TL | 0 | 0 | TL | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | |
| | | | % | | **100** | **100** | | **100** | **100** | **0** | **100** | **100** | **100** | **100** | **100** | **100** | |
| 3 | Membayar tuntutan perunding dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh penerimaan invois. | BPJ | Bil. | 1 | 1 | | | | 2 | 1 | | 1 | 0 | 2 | 1 | 9 | |
| | | | LS | 0 | 0 | TB | TB | TB | 0 | 0 | TB | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | |
| | | | % | **100** | **100** | | | | **100** | **100** | | **100** | **0** | **100** | **100** | **100** | |
| 4 | Memproses dan meluluskan permohonan Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) dalam tempoh 20 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima. | BPKU | Bil. | | 2 | | | | 1 | 3 | | 1 | | 2 | 0 | 9 | |
| | | | LS | TPK | 0 | TPK | TPK | TPK | 0 | 0 | TPK | 0 | TPK | 0 | 0 | 0 | |
| | | | % | | **100** | | | | **100** | **100** | | **100** | | **100** | **0** | **100** | |
| 5 | Memproses dan meluluskan permohonan Pembaharuan Pengiktirafan Taraf Bumiputera dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima. | BPKU | Bil. | 1191 | 1236 | 1071 | 1299 | 1203 | 1122 | 1228 | 1083 | 1071 | 1154 | 1117 | 888 | 13663 | Permohonan yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh lengkap diterima disebabkan kerana pegawai proses/ pegawai pengesyor menghadiri mesyuarat, kursus, bengkel dll. |
| | | | LS | 0 | 17 | 8 | 6 | 3 | 10 | 0 | 0 | 3 | 2 | 0 | 0 | 49 | |
| | | | % | **100** | **98.6** | **99.3** | **99.5** | **99.8** | **99.11** | **100** | **100** | **99.72** | **99.83** | **100** | **100** | **99.64** | |
| 6 | Memastikan setiap aduan pelanggan yang berasas diambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja daripada tarikh aduan diterima. | UKK | Bil. | 610 | 485 | 384 | 471 | 489 | 454 | 273 | 373 | 361 | 424 | 338 | 462 | 4787 | |
| | | | LS | 25 | 40 | 28 | 44 | 27 | 29 | 27 | 25 | 20 | 8 | 47 | 17 | 337 | |
| | | | % | **95.90** | **90.52** | **92.71** | **90.66** | **94.48** | **93.61** | **90.11** | **93.30** | **94.46** | **98.11** | **92.49** | **95.89** | **93.40** | |

NOTA :
***LS** = Jumlah Melebihi Standard (Tidak Mencapai Standard)
**%** = Peratus Pencapaian [(Bil.- LS)/ Bil.] x 100
**TL** = Tiada Laporan
**TB** = Tiada Bayaran
**TPK** = Tiada Proses Kelulusan
= Laporan Tidak dikemukakan

# CARTA ORGANISASI KKR



**MENTERI KERJA RAYA**
YB. Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof



**KETUA SETIAUSAHA**
Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob

**UNIT AUDIT DALAM**
**KETUA AUDIT DALAM**
Pn. Norazian Binti Nordin

**UNIT INTERGRITI**
PENGARAH
Dato' Moh Samsudin Bin Yusoff

**BAHAGIAN PENASIHAT UNDANG-'UNDANG**
**KETUA NASIHAT UNDANG-" UNDANG**
En. Noor Hisham Bin Ismail

**UNIT KPI**
**KETUA UNIT KPI**
En. Muhammad Shah Bin Osmin

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
Pn. Noreha Binti Mohd Ripin



**TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**
YB. Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin





**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DP)**
**SEKTOR DASAR & PEMBANGUNAN**
Datuk Haji Zainudin Bin Zakaria

**BAHAGIAN PERANCANG JALAN**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
Dr. Jamilah Binti Mohd Marjan

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENSWASTAAN**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
Dato' Mohd Shafiq Bin Abdullah

**BAHAGIAN DASAR & ANTARABANGSA**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
Kosong

**BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
Dato' Embok Masek bin Md. Taher

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
Dato' Yahaya Bin Hasan

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)**
**SEKTOR PENGURUSAN**
Tuan Haji Sarani Bin Dollah

**BAHAGIAN PERANCANG KORPORAT**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
Puan. Wangi Binti Jusoh

**BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
En. Mat Naain Bin Mat Jusoh

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
Puan Saadah Binti Haji Abu Bakar

**BAHAGIAN KEWANGAN**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
En. Mohd Jais Bin Abd Kadir

**BAHAGIAN AKAUN**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
En. Ahmad Hamzah Bin Dolrahim

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**
**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
En. Ahmad Zaini Bin Zaba'ai

# KETUA-KETUA AGENSI

**KETUA PENGARAH**
**JABATAN KERJA RAYA (JKR)**
**Y.Bhg Dato' Ir. Haji Annies Bin Md Ariff**



**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
**LEMBAGA PEMBINAAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**
**Y.Bhg Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim**





**KETUA PENGARAH**
**LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)**
**Y.Bhg Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md. Salleh**







**KETUA DIPERTUA**
**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (LJBM)**
**Y.Bhg Dato' Abdul Manaf Bin Haji Hashim**



**KETUA DIPERTUA**
**LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (LJM)**
**Y.Bhg Dato' Ir. Haji Annies Bin Md Ariff**




**KETUA DIPERTUA**
**LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA (LAM)**
**Y.Bhg Ar. Prof Datuk Dr. Amer Hamzah Bin Mohd Yunus**



# PENCAPAIAN KPI 2014








| KPI | Sasaran 2014 | Pencapaian |
|---|---|---|
| **Penilaian Kriteria Kualitatif** | | |
| **SRI & MKRA** | | |
| **SRI** | | |
| **1. Peranan Kerajaan dalam Perniagaan** | | |
| 1.1 Bilangan anak syarikat di bawah KKR yang dilupuskan pegangan | 2 anak syarikat | 100% |
| **MKRA** | | |
| **1. Pelaksanaan projek Kerajaan** | | |
| 1.1 Mengurang peratusan permohonan lanjutan masa (EOT) untuk projek JKR | 20% < 20% EOT | 54% |
| 1.2 Pembinaan jalan dan bangunan yang memenuhi "green criteria" | 100% (20 projek) | 120% |
| 1.3 Penjimatan perbelanjaan dari kos asal projek Lima Tahun Rancangan Malaysia, untuk projek bernilai RM50 juta dan ke atas | 10% penjimatan | 0% |
| **2. Penggunaan Industrialised Building System (IBS) dalam pembinaan projek Kerajaan** | | |
| 2.1 Peratusan projek IBS ditender dan direka menggunakan sistem pra-fabrikasi | 80% | 131% |
| **3. Keselamatan dan Kualiti Jalan raya** | | |
| 3.1 Kerja-kerja pemulihan di lokasi Blackspot | 75 lokasi (60 jalan persekutuan, 15 lebuh raya) | 100% |
| 3.2 Peratusan pengurangan kadar kemalangan pada 2014 di lokasi-lokasi blackspots yang dibaikpulih pada tahun 2011 | 60% Sasaran dinaikkan daripada 50% ke 60% | 140% |
| 3.3 Menyediakan lintasan penjalan kaki berisyarat untuk sekolah | 35 lokasi | 100% |
| 3.4 Peratusan pengurangan kadar kemalangan pada tahun 2014 di lintasan pejalan kaki yang dibina pada tahun 2011 | 70% Sasaran dinaikkan daripada 50% ke 70% | 135% |



| KPI | Sasaran 2014 | Pencapaian |
|---|---|---|
| 3.5 Menambahbaik dan mengekalkan jalinan jalan raya di kawasan yang strategik dan mempunyai nilai-nilai ekonomi | 15 Lokasi | 100% |
| 3.6 Menggantikan/Baikpulih 15 jambatan rosak | 9.33% (Kumulatif: 85%) | 150% |
| 3.7 Kerja-kerja pemulihan dan penambahbaikan Lebuh Raya Pan Borneo yang telah disiapkan penghujung tahun 2014 | 30 projek | 100% |
| **4. Penambahbaikan kualiti jaringan Lebuh raya** | | |
| 4.1 Kemajuan fizikal pembinaan Persimpangan Seri Kembangan untuk menambahbaik pergerakan trafik | 80% (Kumulatif: 50% daripada kemajuan fizikal) Sasaran dinaikkan daripada 40% | 123% |
| **5. Peningkatan kemampuan kontraktor tempatan** | | |
| 5.1 Penilaian tahap kemampuan kontraktor (SCORE RATING) | 2,000 | 157% |
| **6. Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT) ke atas papan tanda dan penanda jalan di Daerah Kuantan** | | |
| 6.1 Peratusan penyiapan kerja-kerja naiktaraf Papan Tanda dan Tanda Jalan di Kuantan | 100% | 100% |
| **7. Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera** | | |
| 7.1 Peratusan pencapaian Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera | 100% | 123% |
| **Pencapaian kategori** | | **97%** |
| **Jumlah pencapaian (90%)** | | **97%** |
| **Pencapaian teknikal (100%)** | | **108%** |







**"SETAKAT SEPTEMBER 2014, JUMLAH NILAI PROJEK YANG TELAH DIREKODKAN ADALAH SEBANYAK RM69 BILION. DARIPADA RM69 BILION INI, 39 PERATUS ATAU RM27 BILION NILAI PROJEK UNTUK BUKAN KEDIAMAN, 33 PERATUS (RM23 BILION) UNTUK KEDIAMAN, DIIKUTI 22 PERATUS (RM15 BILION UNTUK INFRASTRUKTUR DAN 6 PERATUS RM4 BILION) UNTUK KEMUDAHAN SOSIAL."**

**YB. MENTERI KERJA RAYA**
**Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama (Moc) Berkenaan Tadbir Urus, Integriti Dan Pencegahan Rasuah Dalam Industri Pembinaan**
**13 November 2014**











# 02

# PENGURUSAN KEWANGAN

Perbelanjaan Pembangunan **18-19**
Perbelanjaan Mengurus **20-21**

# PENGURUSAN KEWANGAN

## Perbelanjaan Pembangunan

**Kementerian Kerja Raya telah menerima peruntukan sebanyak RM3,741.2 juta dan bilangan projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan P27 Rolling Plan Keempat bagi tahun 2014, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RP4, RMKe-10) adalah sebanyak 241 projek.**

### Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-10 Bagi Tahun 2014

Berdasarkan Laporan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Keempat, RMKe-10 yang dikeluarkan oleh ICU, JPM, Kementerian Kerja Raya menduduki kedudukan ke-5 dengan prestasi perbelanjaan 99.6% pada akhir tahun 2014

| Bil. | Kementerian | | Peruntukan (RM juta) | Perbelanjaan | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | RM | % |
| 1. | MinDef | Kementerian Pertahanan Malaysia | 3,144.2 | 3,152.7 | 100.0 |
| 2. | KWP | Kementerian Wilayah Persekutuan | 878.5 | 878.5 | 100.0 |
| 3. | KBS | Kementerian Belia dan Sukan | 121.7 | 121.4 | 99.8 |
| 4. | KPM | Kementerian Pelajaran Malaysia | 4,035.1 | 4,020.1 | 99.6 |
| **5.** | **KKR** | **Kementerian Kerja Raya** | **3,741.2** | **3,726.5** | **99.6** |
| 6. | KKLW | Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah | 3,916.7 | 3,897.4 | 99.5 |
| 7. | MITI | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri | 635.9 | 632.2 | 99.4 |
| 8. | KPKT | Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan | 2,162.9 | 2,150.2 | 99.4 |
| 9. | KPDNKK | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan | 28.6 | 28.4 | 99.3 |
| 10. | NRE | Kementerian Sumber Asli | 1,267.5 | 1,257.6 | 99.2 |

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-10 Bagi Tahun 2014 sehingga 31 Disember 2014 (10 Kedudukan Teratas)

Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2014, daripada 241 projek yang dilaksanakan, sebanyak 54 projek telah siap sepenuhnya, 182 projek dalam pelaksanaan dan baki 5 projek masih dalam perancangan.

Sasaran Kementerian Kerja Raya bagi peratusan bilangan projek sakit adalah di bawah (<) 2% dan di bawah (<) 3% bagi projek lewat jadual. Sehingga 31 Disember 2014, peratusan bilangan projek sakit dan lewat jadual masing-masing ialah 1.66%% (4 projek) dan 0.41% (1 projek) sahaja, iaitu mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

**RMKe-10**
**RP4 (2014)**
**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**RM3,741.2 juta**
Peruntukan Diterima Di Bawah Peruntukan Pembangunan Kementerian Kerja Raya P27

**241** Bilangan Projek

### Prestasi Perbelanjaan P27

**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-10 Bagi Tahun 2014 Sehingga Disember 2014**




Rajah 1: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-10 Bagi Tahun 2014 Sehingga Disember 2014

### Status Projek

Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2014, daripada 241 projek yang dilaksanakan.




Carta 1: Status Projek

### KPI Projek

Peratusan bilangan projek sakit adalah di bawah (<) 2% dan di bawah (<) 3% bagi projek lewat jadual.

**Projek Lewat Jadual**




1 projek daripada 241 projek

**Projek Sakit**




4 projek daripada 241 projek

Carta 2: KPI Projek

# PENGURUSAN KEWANGAN

## Perbelanjaan Mengurus

**Pada tahun 2014, Kementerian Kerja Raya telah menerima peruntukan Belanja Mengurus berjumlah RM2,605,544,000 juta. Walaubagaimanapun, setelah menerima sekatan sebanyak RM79,600,000, baki peruntukan adalah sebanyak RM2,525,893,000. Sehingga 28 Disember 2014, jumlah perbelanjaan sebenar bagi Belanja Mengurus adalah sebanyak RM2,473,060,428.66 iaitu 97.9%.**

### Prestasi Perbelanjaan Mengurus

| Tahun | Jumlah ( RM Juta ) | | % |
|---|---|---|---|
| | Peruntukan | Perbelanjaan | |
| 2013 | 2,485.8 | 2,454.3 | 98.7 |
| 2014 | 2,525.9 | 2,473.1 | 98.4 |

Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus

### Prestasi Perbelanjaan Mengurus tahun 2014 berbanding 2013




*Nota: Perbelanjaan 2014 adalah sehingga 28 Disember 2014*

Rajah 2: Prestasi Perbelanjaan Mengurus tahun 2014 berbanding 2013

### Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Program / Aktiviti (Mengikut Objek Am) Bagi Tahun 2014

| PROGRAM / AKTIVITI | | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan | |
|---|---|---|---|---|
| | | | RM | % |
| 10000 | Emolumen | 555,842,400.00 | 539,761,687.61 | 97.11 |
| 20000 | Perkhidmatan & Bekalan | 1,501,824,396.00 | 1,478,779,995.92 | 98.47 |
| 30000 | Aset | 6,377,140.00 | 5,485,929.85 | 86.02 |
| 40000 | Pemberian & Kenaan Tetap | 461,739,064.00 | 461,436,208.25 | 99.93 |
| 50000 | Perbelanjaan – perbelanjaan Lain | 110,000.00 | 102,688.72 | 93.35 |
| **JUMLAH** | | **2,525,893,000.00** | **2,485,566,510.35** | **98.40** |

Jadual 3 : Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Program / Aktiviti (Mengikut Objek Am) Bagi Tahun 2014

### Peruntukan Dan Prestasi Perbelanjaan Bagi Tahun 2014




Rajah 3 : Peruntukan Dan Prestasi Perbelanjaan Bagi Tahun 2014



### Prestasi Perbelanjaan Pembayaran Bil Kementerian Kerja Raya

Pada tahun 2014, prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kementerian Kerja Raya mencapai 100% hasil daripada pemantauan berterusan yang dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006 yang berkuatkuasa mulai 1 November 2006. Daripada jumlah keseluruhan 64,195 bil yang berjaya diselesaikan dalam tempoh tersebut, sebanyak 59,192 iaitu 86.54% daripada jumlah keseluruhan itu telah diselesaikan dalam masa 7 hari.

| Tempoh | 1 – 7 Hari | | 8 – 14 Hari | | Lebih 14 Hari | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil | % | Bil | % | Bil | % | |
| Januari - Disember 2014 | 59,192 | 92.21 | 4,999 | 7.79 | 4 | 0.01 | 64,195 |

Jadual 4 : Laporan Pembayaran Bil Tahun 2014




Carta 3: Prestasi Keseluruhan Pembayaran Bil
Kementerian Kerja Raya
Tahun 2014

### Prestasi Pelaksanaan Penggunaan eP Dalam Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Bagi Tahun 2014

Pada tahun 2014, prestasi Penggunaan eP Dalam Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan adalah sebanyak 75.5%. Pengguna eP adalah sebanyak 72 PTJ, yang terdiri daripada 35 PTJ kawasan Lembah Klang dan 37 PTJ kawasan luar Lembah Klang.

| JUMLAH PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH TRANSAKSI (RM) | PERBELANJAAN MELALUI ePEROLEHAN (%) |
|---|---|---|
| **71,182,804.00** | **53,709,033.00** | **75.45** |

Jadual 5 : Peruntukan dan Transaksi melalui ePerolehan pada Tahun 2014

***"THE CONSTRUCTION SECTOR IS AN IMPORTANT CONTRIBUTOR TO OUR ECONOMY. THE SECTOR CONTRIBUTES ABOUT 3.7% OF MALAYSIA'S GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), HAS A MULTIPLIER EFFECT OF 6.8 TIMES AND CREATES EMPLOYMENT OF ABOUT 1 MILLION, OR APPROXIMATELY, 9% OF THE TOTAL WORKFORCE IN MALAYSIA."***

**YB. MENTERI KERJA RAYA**
***9th Malaysian Road Conference 2014and PIARC International Seminar On Slopes, Road Foundation Drainage And Stormwater Management***
**10 November 2014, Sunway Piramid, Selangor**











# 03

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Jalan Raya & Jambatan **24-33**
Bangunan **34-39**
Lebuhraya **40-49**

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Jalan Raya dan Jambatan

### PROJEK CENTRAL SPINE ROAD (CSR)

Projek Central Spine Road (CSR) bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 390km. Skop projek ini melibatkan cadangan membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada kepada empat lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM6.6 bilion dan dibahagikan kepada 6 pakej utama seperti berikut:

**Pakej 1:** Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (51km)

**Pakej 2:** Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (63km)

**Pakej 3:** Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (107km)

**Pakej 4:** Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (56km)

**Pakej 5:** Raub ke Bentong, Pahang (60km)

**Pakej 6:** Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (53km)

Projek ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas. Keutamaan kerajaan dalam RMKe-10 ialah untuk melaksanakan sebahagian daripada Pakej 3 dari Gua Musang, Kelantan ke Kg. Relong, Pahang iaitu lokasi kerap berlaku kemalangan. Kos keseluruhan projek yang telah diluluskan adalah sebanyak RM1,014 juta. Pada masa ini, sebahagian daripada jajaran projek ini iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Felda Chegar Perah 2 sepanjang 13.2km telah pun siap dan dibuka kepada pengguna. Projek CSR bakal menjadi laluan alternatif yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna yang ingin menuju ke Kelantan menerusi Gua Musang apabila siap kelak.







Kos keseluruhan projek CSR yang diluluskan adalah sebanyak RM1,014 juta dan sebahagian jajaran projek sepanjang 13.2km telah siap dan dibuka kepada pengguna.












**PERASMIAN JALAN DAN LAWATAN KERJA KE KAPIT, SARAWAK**

Komitmen Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam pembangunan infrastruktur jalanraya diteruskan dengan lawatan kerja YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya ke kawasan sekitar Kapit pada 25 Ogos 2014.

Pada lawatan ini juga, YB Menteri telah merasmikan Jalan Rh. Kuta/SK. Rantau Panjai yang terletak 60 kilometer dari Kapit.

Beliau turut melawat Jalan Ulu Sibau/Ng. Antaroh hingga Rh. Juntan.

Taklimat projek telah disampaikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

# **PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR**

## Jalan Raya dan Jambatan







Lawatan Tapak YB Menteri Kerja Raya bersama pengarah JKR Kuching

### LAWATAN KERJA PROJEK LEBUHRAYA PAN-BORNEO JAJARAN SARAWAK

Sebagai tanda keseriusan Kementerian Kerja Raya (KKR) menaiktaraf Lebuhraya Pan Borneo (LPB), satu lawatan kerja telah diadakan pada 15 November 2014 di dua lokasi jajaran lebuhraya itu dan diketuai oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya.

Dalam lawatan kerja tersebut, Menteri Kerja Raya bersama-sama pihak pengurusan atasan Kementerian dan Agensi serta pihak media telah meninjau tapak projek menaik taraf Jalan Kuching–Serian, Batu 10 Hingga Batu 15.

Cadangan menaik taraf jalan tersebut merupakan satu dari cadangan hasil Kajian Highway Network Development Plan (HNDP) pada tahun 1992dan skop projek adalah menaik taraf jalan sediada dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong dua (2) haladengan piawai U5 sepanjang 8.5 km berpembahagi jalan.Projek ini dijadual untuk ditender pada bulan Mei 2015.

Satu lagi lokasi yang dilawati ialah jejambat Jalan Tun Jugah - Jln Song - Upland Interchange yang telah siap dinaik taraf pada 18 April 2013 melibatkan skop kerja membina jejambat baru empat lorong dual-carriageway di persimpangan Jalan Song dengan Jalan dari Bandar Kuching ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.Taklimat di lokasi lawatan telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak, Ir. Zuraimi Haji Sabki.

## LAWATAN KERJA LEBUHRAYA PAN BORNEO – JAJARAN SABAH





Lawatan kerja pihak pengurusan Kementerian Kerja Raya (KKR) ke dua lokasi projek naiktaraf Lebuhraya Pan-Borneo jajaran Sabah telah diadakan pada 5 Disember 2014 bagi melihat kemajuan kerja projek-projek tersebut.

Dua lokasi tersebut adalah Projek Naiktaraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Pakej 1A dan 1B yang dinaiktaraf kepada 6 lorong 2 hala dan Projek Naiktaraf Jalan Donggongon ke Simpang Papar Spur, Pakej 1A dan 1B yang dinaiktaraf kepada 4 lorong 2 hala.

Projek naik taraf ini bertujuan untuk memberi keselesaan dan meningkatkan keselamatan pengguna dan dalam masa yang sama, membantu menyuraikan kesesakan lalulintas.

Rombongan KKR diketuai YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof Menteri Kerja Raya dan disertai timbalannya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin. Taklimat kemajuan kerja pula telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, Dato' Ir. John Anthony



YB Menteri Kerja Raya sedang meneliti salah satu peta Jalan Pan Borneo

## PERSIDANGAN 9TH MRC 2014 DAN SEMINAR ANTARABANGSA PIARC

Persidangan Jalan Raya Malaysia (MRC) kesembilan dan Seminar Antarabangsa Permanent International Association of Road Congresses (PIARC) on Slopes, Road Foundation Drainage and Stormwater Management 2014 telah diadakan di Sunway Pyramid Convention Centre 10 sehingga 12 November 2014.

Persidangan dwi tahunan ini merupakan anjuran bersama Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) serta turut disokong oleh Chartered Institution of Highways and Transportation (Malaysian Branch) dan Intelligent Transport System Association of Malaysia (ITS Malaysia).

Ucapan aluan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd. Noor bin Yaacob, presiden Persatuan Kejuruteran Jalan Malaysia (REAM) manakala perasmiannya telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia. Persidangan tiga hari itu menjadi medan pembentangan hasil penyelidikan, perbincangan dan pertukaran idea mengenai teknologi terkini berkaitan dengan pembangunan, pembinaan, pengurusan dan penyenggaraan jalan, lebuhraya serta agenda berkaitan infrastruktur.

Antara pengisian lain adalah pembentangan 60 kertas kerja serta tiga ceramah oleh pakar-pakar tempatan dan antarabangsa. Persidangan ini turut dihadiri oleh pengurus dari organisasi sektor korporat termasuk pegawai-pegawai kerajaan.






YB Menteri Kerja Raya melawat Tapak Pameran Konsensi RR Road Safety Sdn. Bhd

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Jalan Raya dan Jambatan

### PROJEK PEMBINAAN DAN NAIKTARAF JALAN DI KEDAH

Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke projek pembinaan dan naiktaraf jalan pada 21 Februari 2014. YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof turut mengadakan kunjungan hormat terhadap YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah di Kediaman Rasmi Menteri Besar Kedah.

Antara projek yang dilawati YB Menteri Kerja Raya adalah Jalan Baru Lencongan Timur dari Persimpangan Jalan Tun Razak (Fasa 1), Jalan Baru Lencongan Timur dari Persimpangan Alor Mengkudu ke Persimpangan Jalan Tun Razak (Fasa 2A) serta projek membaik pulih dan menaiktaraf Jalan Alor-Setar-Kuala Nerang-Durian Burung.

Apabila projek ini siap kelak, ia akan melancarkan lagi pergerakan trafik dari selatan ke kawasan pertumbuhan pembangunan baru di Pokok Sena dan Durian Burong di sempadan Thailand. Ia juga bakal menjadi jalan pintas dan memberi akses menyeluruh di sebelah Timur Bandaraya Alor Setar. Ia juga akan memberi impak kepada pergerakan trafik yang lebih lancar memandangkan jalan yang sedia berdekatan dengan Jalan Langgar telah mencapai LOSE-F pada waktu puncak dan membuka koridor baru untuk pertumbuhan pembangunan.












Lebuh raya KB-Kuala Krai mula dibina







## PROJEK JALAN KOTA BHARU – KUALA KRAI (PAKEJ 1B: PASIR HOR KE KADOK)



Majlis Pecah Tanah Projek Jalan Kota Bharu – Kuala Krai (Pakej 1B: Pasir Hor ke Kadok) telah disempurnakan oleh YAB. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri pada 1 April 2014 di tapak majlis pecah tanah lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai di Tiong, Kota Bharu, Kelantan.

Projek membina Projek Jalan Kota Bharu – Kuala Krai sepanjang 73.5km menghubungkan Kuala Krai, Kelantan dengan Simpang Pelangai di sempadan Pahang dan Negeri Sembilan. Projek yang merupakan sebahagian Cental Spine Road (CSR) ini merupakan cadangan jalan baru selari dengan Jalan Persekutuan FT08. Skop pembinaan projek ini ialah 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5. Kerja-kerja rekabentuk dan pelan pengambilan tanah telah disiapkan sepenuhnya pada tahun 2007.



Projek yang bermula dari Wakaf Siku, Kota Bharu ke Kg. Dusun Damar, Kuala Krai dibahagikan kepada tiga pakej utama iaitu Pakej 1: Wakaf Siku ke Kadok, Kota Bharu (12.5km), Pakej 2: Kadok, Kota Bharu ke Bukit Tiu, Machang (28.5km) dan Pakej 3: Bukit Tiu, Machang ke Kg. Dusun Damar, Kuala Krai (32.5km).

Laluan baru ini dapat menampung aliran trafik yang semakin meningkat setiap tahun di laluan persekutuan sedia ada dan meningkatkan tahap kemudahsampaian, keselesaan serta keselamatan pengguna jalan raya. Projek ini juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur dan ekonomi di sepanjang koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Turut hadir ialah YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan, Dato' Sri Tengku Adnan Tengku Mansur, Menteri Wilayah Persekutuan serta pemimpin-pemimpin tempatan

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Jalan Raya dan Jambatan

### MENGGANTIKAN JAMBATAN BUKIT KUANG DI JALAN PERSEKUTUAN 3, KEMAMAN, TERENGGANU

Projek menggantikan Jambatan Bukit Kuang di Jalan Persekutuan 3, Kemaman Terengganu adalah merupakan salah satu projek Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang telah diluluskan Kerajaan dalam RMKe-9. Projek ini dibina adalah bertujuaan memberi keselesaan kepada awam bagi mengatasi kesesakan lalulintas diwaktu puncak terutamanya di sekitar kawasan industri Telok Kalong.

Bagi menambahkan keselesaan pengguna jalan raya di samping mengurangkan risiko kemalangan, jalan dan jambatan ini telah dibina mengikut piawaian JKR U5 berasaskan empat lorong dua hala *(4-lane dual-carriageway)* dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Walaupun projek ini Cuma sepanjang 3.07km, ianya merupakan laluan utama di Bahagian Timur Semenanjung yang menghubungkan Chukai dan Kuala Terengganu.

**Skop Kerja Utama projek ini adalah:**

- Pembinaan jambatan baru berasaskan 4 lorong 2 hala *(4-lane dual-carriageway)* mengikut piawaian JKR U5 sepanjang 970.0m.
- Menaiktaraf jalan sediaada sepanjang 3.07 km berasaskan 4 lorong 2 hala *(4-lane dual-carriageway)* mengikut piawaian JKR U5.

| | |
|---|---|
| **Kos Projek** | **RM 224,604,596.64** |
| **Tarikh Siap** | **17 November 2014** |
| **Pelanggan** | **Kementerian Kerja Raya** |












## MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN 3 DARI PERSIMPANGAN BERTINGKAT JABOR-JERANGAU KE PERSIMPANGAN BERTINGKAT SG.ULAR, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR



Persimpangan Bertingkat Sg. Ular ke Persimpangan Pelabuhan Kuantan, Pahang sepanjang 2.65km adalah merupakan sebahagian jajaran Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan 3 Dari Persimpangan Bertingkat Jabor-Jerangau Ke Persimpangan Bertingkat Sg. Ular, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang panjang keseluruhannya lebih kurang 12.65km.

Objektif utama projek ini adalah untuk menaiktaraf infrastruktur jalanraya bagi menampung pertambahan bilangan lalulintas yang menggunakan laluan ini berikutan kewujudan Bandar Pelabuhan Kuantan *(Kuantan Port City-KPC)*. Pembangunan ini disasarkan mampu menarik pelaburan berbillion ringgit menjelang 2020, dan sekali gus membantu Wilayah Ekonomi Pantai Timur *(East Coast Economic Region -ECER)* dan Zon Ekonomi Khas pertama negara yang terletak dalam lingkungan itu untuk menjadi hab perindustrian dan logistik serta pembangunan industri dan penempatan di kawasan berhampiran.



Bagi menambah keselesaan pengguna jalan raya di samping mengurangkan risiko kemalangan, jalan ini telah dibina mengikut piawaian JKR R5 berasaskan 4 lorong 2 hala *(4-lane dual-carriageway)* dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Walaupun projek menaiktaraf jalan ini cuma sepanjang 2.65km, ianya merupakan laluan yang amat penting bagi menghubungkan pelabuhan Kuantan dan rangkaian lebuhraya.

**Skop kerja utama projek ini adalah:**

- Menaiktaraf jalan sediada sepanjang 2.65 km kepada 4 lorong 2 hala dengan pembahagi jalan *(4-lane dual carriageway)* berdasarkan piawaian JKR R5.



Rujukan Gambar :
Pandangan di CH 500.00 berdekatan persimpangan lampu isyarat.
Pandangan di CH1000.00
Pandangan di CH800.00
Pandangan di CH1750.00

| | |
|---|---|
| **Kos Projek** | **RM20,418,385.30** |
| **Tarikh Siap** | **9 Julai 2014** |
| **Pelanggan** | **Kementerian Kerja Raya** |



# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Jalan Raya dan Jambatan

### CENTRAL SPINE ROAD-PAKEJ 3: GUA MUSANG, KELANTAN KE KG.RELONG, PAHANG (SEKSYEN 3F1: KG.KUBANG RUSA KE KG.SG.YU)

Seksyen 3F1: Dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Sg. Yu, Pahang sepanjang7.0 km, yang merupakan sebahagian jajaran Pakej 3, Projek Central Spine Road telah siap dibina dan dibuka kepada laluan trafik pada 10 Januari 2014. Seksyen ini adalah sambungan daripada Seksyen 3F2 dari Kg. Sg. Yu ke Felda Chegar Perah 2 sepanjang 6.1 km yang telah dibuka kepada laluan trafik pada 5 Julai 2013 yang lepas. Dengan pembukaan kedua-dua seksyen ini, jarak perjalanan asal sepanjang 19.1 km telah dipendekkan kepada 13.1 km. Walaupun pengurangan hanya sepanjang 6 km, namun tempoh masa perjalanan dapat dikurangkan daripada 45 minit kepada 10 minit sahaja.

Bagi menambahkan keselesaan pengguna jalan raya di samping mengurangkan risiko kemalangan, jalan ini telah dibina mengikut piawai JKR R5 berasaskan empat lorong dua hala *(4 lane dual-carriageway)* dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Walaupun dibina di kawasan yang ecologically-sensitive iaitu berdekatan Taman Negara, aspek alam sekitar tidak diabaikan. 3 buah jambatan eco-bridge telah dibina mengikut rekabentuk khusus bagi laluan hidupan liar di kawasan tersebut.



**Skop kerja utama projek ini adalah:**

- Pembinaan jalan baru 4 lorong 2 hala dengan pembahagi jalan (4 - lane dual carriageway) sepanjang 7.0 km berdasarkan piawaian JKR R5.
- Pembinaan 3 buah jambatan (pembinaan jambatan hidupan liar: ECO-BRIDGE).

| | |
|---|---|
| **Kos Projek** | **RM158,711,000.00** |
| **Tarikh Siap** | **15 November 2014** |
| **Pelanggan** | **Kementerian Kerja Raya** |











| | |
|---|---|
| **Kos Projek** | **RM101,452,246.10** |
| **Tarikh Siap** | **14 Mei 2014** |
| **Pelanggan** | **Kementerian Kerja Raya** |

## PROJEK MENYIAPKAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF PERSIMPANGAN DI BANDAR SULTAN SULAIMAN / PINTU 2 NORTHPORT, PELABUHAN KLANG, SELANGOR

Projek Menaiktaraf Persimpangan Di Bandar Sultan Sulaiman/ Pintu 2 Northport, Pelabuhan Klang, Selangor adalah merupakan sebuah projek kerajaan persekutuan bertujuan menyelesaikan masalah penyuraian trafik daripada Pelabuhan Utara, Klang ke Lebuhraya Shapadu dan ke Bandar Pelabuhan Klang terutama di Persimpangan Bandar Sultan Sulaiman.

**Skop kerja projek ini adalah :**

- Pembinaan Ramp A Jalan Kurau menggunakan satu struktur spine beam bertingkat dari Ch 650 ke Ch 1130 dan kerja ramp yang berkaitan.
- Pembinaan Ramp B Jalan Kurau menggunakan satu struktur spine beam bertingkat dari Ch 0 ke Ch 140 dan kerja ramp yang berkaitan.
- Pembinaan underbridge Jalan Parang (arah timur) menggunakan satu struktur spine beam bertingkat dari Ch 480 ke Ch 655 yang kemudiannya bertemu dengan ramp sediaada di Jalan Parang serta kerja-kerja ramp yang berkaitan.
- Pembinaan underbridge Jalan Parang (arah barat) yang merangkumi satu struktur spine beam dari Ch 480 ke Ch 655 yang merentangi di atas jalan-jalan lencongan yang dicadangkan dan kerja-kerja ramp yang berkaitan.
- Kerja-kerja pembaikan dan pembinaan semula di sepanjang Jalan Kurau dan Jalan Parang.
- Pengalihan dan perlindungan kedua-dua kemudahan bawah tanah dan atas tanah serta talian air utama, termasuk TNB, Telekom dan Syabas serta sistem lampu isyarat.
- Pembinaan lampu isyarat, tanda-tanda trafik dan lampu jalan yang baru

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Bangunan

### PEMBINAAN BANGUNAN ASRAMA KOLEJ PROFESIONAL MARA, AYER MOLEK, MELAKA







Projek ini melibatkan skop kerja pembinaan yang mengandungi :-

1. Blok asrama empat (4) tingkat berkapasiti 800 orang pelajar
2. Dua (2) unit rumah warden (Kelas D)
3. Bangunan Rumah Pam
4. Tempat Letak Kereta

| | |
|---|---|
| Kos Projek | RM 18.4 Juta |
| Tarikh Siap | 23 Julai 2014 |
| Pelanggan | Majlis Amanah Rakyat (MARA). Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah |

### PEMBINAAN IBU PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN JOHOR,PASIR GUDANG, JOHOR

| | |
|---|---|
| Kos Siling | RM 46 juta |
| Tarikh Serah | 2 Januari 2015 |
| Kaedah | Konvensional In-House |
| Pemilik | LembagaPelabuhan Johor |







## POLITEKNIK BALIK PULAU (PBU), PULAU PINANG, (BANGUNAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN-REKA & BINA

Projek Politeknik Balik Pulau ini telah dibiayai di bawah peruntukan PFI Kementerian Pendidikan Malaysia. Jabatan Kerja Raya melalui Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi (CPPT) selaku Pejabat Pengurus Program dan Y.Bhg. Datin Seri Ir. Hamidah Binti Mat Daud selaku Pegawai Penguasa telah diberikan mandat bagi menyempurnakan pelaksanaan projek ini sehingga siap sepenuhnya.





| | |
|---|---|
| **Kos Siling** | **RM 46 juta** |
| **Tarikh Siap** | **7 Ogos 2013** |
| **Tarikh Serah** | **2 Januari 2015** |
| **Kaedah** | **Konvensional In-House** |
| **Anugerah** | **Anugerah Pengurusan Projek Terbaik 2014 Kategori Pasukan Pengurusan Pembinaan – Naib Johan** |
| | **Anugerah Kontraktor Cemerlang 2014 (Infrastruktur dan Bangunan ) - Johan** |

## THE DESIGN, CONSTRUCTION, COMPLETION, EQUIPPING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF TUARAN HOSPITAL, SABAH (76 BEDS)






Pembinaan Hospital ini adalah merupakan sebahagian daripada program di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 yang dilaksanakan secara reka dan bina bersebelahan Hospital Tuaran sediaada.

Skop kerja utama projek ini adalah membina hospital dengan kapasiti 76 katil. Selain daripada itu, ianya juga mmpunyai kemudahan tempat letak kenderaan, lif, CCTV, urau, cafeteria dan ruang permainan kanak-kanak.

Hospital ini dibangunkan pada 23 November 2010 dan siap sepenuhnya pada 21 Febuari 2014, sebelum diserahkan kepada Kementerian Kesihatan pada 16 A

| | |
|---|---|
| **Tarikh Serah Projek** | **RM 133,579,000.00** |
| **Pelanggan** | **21 Feburari 2014** |
| **Skop Projek** | **16 April 2014** |
| **Kaedah** | **Kementerian Kesihatan Malaysia** |
| **Anugerah** | Pembinaan Komplek Pakar Mateniti yang mempunyai semua jenis perkhidmatan berkaitan Materniti bermula penilaian pra mengandung, penjagaan antenatal, pengurusan rawatan bersalin dan perawatan postnatal |

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Bangunan

KKR 2 adalah pelan induk enam blok pejabat dan berlokasi strategik di Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur dan menyediakan 37-tahap ruang kerja untuk Jabatan Kerja Raya (JKR). Menara ini terdiri daripada tiga 'facades' iaitu 'A' & 'B' dicerminkan dengan 'C' di belakang.

### KOMPLEKS KERJA RAYA 2

Projek Kompleks Kerja Raya 2 terdiri daripada pembinaan secara Reka dan Bina bangunan menara 37 tingkat dan 7 tingkat podium parkir. Bangunan direkabentuk bagi mencapai GBI Platinum dengan sasaran BEI 90 kWhr/m2/year. Dengan kos Sistem Mekanikal RM 31.8 Juta terdiri dari Penyaman Udara jenis High Efficiency Water Cooled Chiller dan Air Cooled Chiller, Sistem Pencegahan Kebakaran, Sistem Pengurusan Bangunan (BMS), Lift (High Zone -6m/s dan Low Zone -4 m/s) dan Gondola, Sistem Bekalan Air Dalaman dan Sanitari (Rain Water Harvesting and Grey Water), Sistem LPG.

Terdapat peralatan tambahan GBI seperti Sistem Non Chemical Condensate Water Treatment untuk Cooling Tower, Heat Recovery Wheel, Sistem Refrigerant Gas Leak Detector & Recovery, Auto Tube Cleaning untuk chiller dan Electronic Air Filter untuk AHU. Projek bermula pada 1 Disember 2009 dan CPO dikeluarkan pada 13 Oktober 2014.

| | |
|---|---|
| Kos Projek | RM309.3 Juta |
| Tarikh Siap | 14 Mei 2014 |
| Pelanggan | Kementerian Kerja Raya |









### LAWATAN KERJA NAIKTARAF HOSPITAL KUALA LUMPUR

Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek menaiktaraf Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 10 Februari 2014. Antara kawasan yang ditinjau ialah projek pembinaan Parkir Kereta Bertingkat, menaiktaraf wad dan lanskap hospital tersebut.

Beliau telah diberi taklimat mengenai perlaksanaan projek tersebut di perkarangan HKL. Pada masa yang sama juga, beliau turut menekankan supaya pihak kontraktor mengutamakan keselamatan pesakit yang berada di hospital tersebut dan menyiapkan projek naiktaraf tersebut dalam jangka masa yang telah ditetapkan.






Khidmat HKL lebih mantap
Pusat perubatan tertua negara dinaik taraf menjadi hospital premier menjelang 2017



## ULANGTAHUN KE 38 BMDAM

*Building Materials Distributors Association of Malaysia (BMDAM)* telah menyambut ulangtahunnya yang ke 38 tahun dan ia telah diraikan dalam satu majlis makan malam di Hotel Sunway Resort and Spa pada 20 November 2014.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh  Encik Yang Kian Lock, presiden BMDAM manakala perasmiannya telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia.

Persatuan yang ditubuhkan sejak 1976 ini merupakan persatuan yang mengumpulkan pembekal dan pengedar bahan binaan selain bertindak sebagai suara pemain industri binaan untuk menyampaikan hasrat mereka kepada pihak Kerajaan dan persatuan lain







YB Menteri Kerja Raya menyampaikan Anugerah Kepada Pembekal Barang Binaan Terbaik

## HIMPUNAN INDUSTRILIASE SYSTEM (IBS) BUMIPUTERA KEBANGSAAN

Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menganjurkan seminar Himpunan IBS Bumiputera Kebangsaan selama dua hari bermula pada 6 sehinnga 7 Disember 2014 bertempat di Hotel Pullman, Kuching.

Tujuan penganjuran seminar ini adalah adalah memberi pendedahan kepada kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera bahawa Sistem Binaan Berindustri atau lebih dikenali sebagai Industrialised Building System (IBS)  mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk pembinaan, mempercepatkan tempoh pembinaan serta seterusnya mengurangkan tahap kebergantungan terhadap pekerja asing dalam industri pembinaan negara.

Menurut ucapan perasmian yang telah disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof pelaksanaan Industrialise Building System (IBS) ini telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan melalui 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 1/2013 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan yang mana seterusnya didokong kuat menerusi Roadmap IBS 2011–2015 yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Malah menurut beliau lagi, dalam Rolling Plan Ke–4, Rancangan Malaysia Ke–10 (RMKe–10), sejumlah 161 buah projek atau 19% daripada 848 jumlah keseluruhan projek bangunan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya yang dilaksanakan secara IBS.









# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Bangunan





### PENCEGAHAN KAWALAN DENGGI DI TAPAK BINAAN

YB Menteri Kerja Raya YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof telah melakukan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu terutama bagi pencegahan denggi di salah satu tapak projek seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) iaitu projek naiktaraf hospital Kuala Lumpur Jalan Pahang, yang diadakan pada 26 Ogos 2014.

Pemeriksaan secara bersepadu itu turut melibatkan Lembaga Pembangunan Indsutri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Imigresen, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Lembaga Arkitek, Lembaga Jurutera, dan Lembaga Juruukur Bahan antara lain bertujuan untuk memastikan agar kontraktor sentiasa mengikuti dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan berkaitan pembinaan.

"Selepas melakukan pemeriksaan di tapak ini kami telah mengarahkan enam tapak pembinaan di kawasan projek ini untuk menghentikan kerja-kerja pembinaan selama tujuh hari berkuatkuasa esok berikutan risiko menjadi sarang pembiakan jentik-jentik yang boleh membawa wabak denggi," kata YB Menteri Kerja Raya dalam sidang media selepas memeriksa dan meninjau tapak projek naik taraf HKL itu.

Ujarnya lagi kontraktor itu perlu membersihkan tapak berkenaan dan semua kerja-kerja pembinaan dalam tempoh tujuh hari.

Usaha ini adalah selaras dengan penubuhan pasukan Petugas Khas bagi menangani peningkatan kes denggi yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin.





## PROJEK MEMBINA BLOK RAWATAN HARIAN HOSPITAL RAJA ZAINAB II KOTA BHARU

Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke Kelantan bagi melihat kemajuan kerja projek di bawah seliaan Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) di negeri Kelantan yang diadakan pada 22 September 2014.

Projek yang dilawati adalah Projek Cadangan Membina Blok Rawatan Harian (Ambulatory Care Centre) dan Haemodialisis Hospital Raja Zainab II, Kota Bharu, serta bangunan-bangunan sokongan.

Projek ini merupakan projek Kementerian Pelanggan iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada sebelah petangnya, YB Menteri Kerja Raya telah merasmikan Kursus Pemantapan Integriti Kontraktor anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) KKR bersama Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Negeri Kelantan bertempat di Sekolah Kebangsaan Bunohan, Tumpat.

Kursus ini dihadiri lebih 200 kontraktor Bumiputera dan diadakan bagi memberi kesedaran akan kepentingan integriti dalam urusan seharian selain membolehkan para kontraktor untuk memohon dan memperbaharui Lesen Taraf Bumiputera.






## KURSUS UBAHSUAI BANGUNAN (B28) OLEH PKMM

Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) negeri Kelantan telah menganjurkan Kursus Bangunan – Ubahsuai (B28) di Sekolah Kebangsaan Bunohan pada 13 September 2014.

Kursus tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin dan dihadiri oleh lebih 120 orang Kontraktor Bumiputera gred G1 dan G2 negeri Kelantan.

Kursus yang berlangsung selama sehari ini bertujuan memberi pengetahuan kepada kontraktor bumiputera teknik pengubahsuaian bangunan yang betul disamping menambah sub kepala pendaftaran kontraktor.

Turut hadir ialah Setiausaha BPKU, Dato' Yahaya Hassan dan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Kelantan, Datuk Ir Syed Abdul Rahman Syed Abdullah.






# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Lebuhraya

### PROJEK LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 (LPT2)

Pada Julai 2004, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan projek LPT2 dari Jabor ke Kuala Terengganu sepanjang lebih kurang 184km. Projek ini merupakan sambungan daripada Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1. LPT2 adalah laluan alternatif bagi Jalan Persekutuan 14 dan Jalan Persekutuan 3. LPT2 dibina dengan skop 4 lorong 2 hala yang merangkumi pembinaan plaza tol, kawasan rehat & rawat, hentian sebelah, sistem telekomunikasi, pusat kawalan trafik, bangunan pentadbiran dan depoh penyelenggaraan. Pembinaan LPT2 dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia melalui 12 Pakej utama. Secara keseluruhannya, jajaran LPT2 sepanjang 184km ini telahpun dibuka secara berperingkat mulai 22 Ogos 2011 sehingga 29 Januari 2015.



LPT2 Bukit Besi-Paka mula beroperasi

FADILLAH Yusof memberi cenderamata kepada pemandu kenderaan dalam majlis pembukaan lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 itu di Plaza Tol Bukit Besi, Dungun, Terengganu, semalam.







Lawatan YB Menteri Kerja Raya Ke LPT2 Pada 21 Oktober 2014








## PEMBUKAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT SUNGAI BUAYA

Lokasi Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya ini terletak di antara Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung dan Persimpangan Bertingkat Rawang iaitu di KM436 Lebuhraya Utara Selatan. Kerja-kerja pembinaan Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya ini telah dimulakan pada Jun 2011 dan mengambil masa 30 bulan untuk dilaksanakan. Skop pembinaan persimpangan ini merangkumi pembinaan persimpangan bertingkat jenis trumpet serta pembinaan jalan susur sepanjang 2 km dari persimpangan bertingkat tersebut ke jalan FT1028 (Bandar Baru Sungai Buaya) termasuk pembinaan plaza tol dengan kemudahan surau, tandas dan tempat letak kenderaan. Kos pembinaan persimpangan bertingkat ini adalah sebanyak RM86.55 juta ditanggung sepenuhnya oleh pihak PLUS dan kos pengambilan tanah pula sebanyak RM14.81 juta adalah ditanggung oleh Kerajaan.

Pembinaan Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya siap sepenuhnya pada penghujung November 2013 dan telah dirasmikan pembukaannya oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 9 Januari 2014. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya serta timbalannya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Pendidikan II, YB P. Kamalanathan dan Pengerusi Majlis Tindakan Kerajaan Persekutuan Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar.

Dengan pembukaan Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya ini, ianya telah memberikan akses lebih mudah penduduk di sekitar Sungai Buaya, Sungai Choh, Serendah dan utara Rawang untuk ke Lebuhraya Utara-Selatan. Ia juga memendekkan masa perjalanan antara 15 – 20 minit bagi jarak sepanjang 15km bagi pengguna untuk ke Bandar Baru Baharu Sungai Buaya dari arah Kuala Lumpur berbanding menggunakan Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung sediada. Selain itu, ianya juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan persekitaran kawasan koridor iaitu di Bandar Baharu Sungai Buaya, Bukit Sentosa dan Sungai Choh. Para pengguna Lebuhraya PLUS juga mempunyai alternatif tambahan untuk keluar masuk ke Lebuhraya PLUS dari dua persimpangan bertingkat sediada kepada tiga persimpangan bertingkat


YAB. Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri merasmikan pembukaan Persimpangan Sungai Buaya











# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

"JSAHMS merupakan Jambatan yang **terpanjang di Asia Tenggara**".



## Lebuhraya

### PEMBUKAAN JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MUA'DZAM SHAH

Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah telah dibuka sepenuhnya dalam satu majlis perasmian yang disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mac 2014. Majlis Perasmian yang diadakan di Persimpangan Bertingkat Batu Maung ini turut diserikan dengan kehadiran YAB Tun Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, YB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan YAB Dato' Seri Haji Mukhriz Bin Tun Dr. Mahathir, Menteri Besar Kedah.

Jambatan sepanjang 24km ini merupakan jambatan terpanjang di Asia Tenggara dengan kos pembinaan sejumlah RM4.5 billion. Ianya menghubungkan Batu Maung di bahagian pulau dan Batu Kawan di tanah besar. Pembinaan Jambatan ini merupakan hasil kerjasama erat di antara negara China dan Malaysia terutama dalam aspek kejuruteraan yang melibatkan penggunaan ciri-ciri teknologi terkini seperti Sistem Galas Getah Redaman Tinggi (High Damping Rubber Bearing - HDRB) bagi rekabentuk tahan gempa (seismic design) melebihi 7.5 pada Skala Ritcher.




Nanti detik bersejarah
Kenderaan awam percuma disediakan pada perasmian Jambatan Kedua Pulau Pinang
Cadang nama Agong







### PERASMIAN JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH

Jambatan Kedua Pulau Pinang atau nama rasminya Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, dirasmikan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak pada 1 Mac 2014 dengan disaksikan lebih 10,000 orang.

Perdana Menteri yang diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor tiba pada kira-kira 8.30 malam untuk merasmikan jambatan sepanjang 24km itu, yang merupakan jambatan terpanjang di Asia Tenggara. Turut mengiringi Najib ialah Menteri Kerja Raya YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof Yusof dan Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng.

Acara bersejarah penuh warna-warni itu turut disaksikan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Tun Jeane Abdullah, bekas Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Duta Khas Malaysia ke India dan Asia Selatan Datuk Seri S. Samy Vellu serta Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

**Dirasmi Pada**
**1 MAC 2014**

**Panjang**
**24 KM** Didarat
**17 KM** Dilaut

**Kos Pembinaan**
**4.5**
**BILLION**

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Pengerusi Gerakan Pulau Pinang Teng Chang Yeow, Ketua Pegawai Eksekutif Pihak berkuasa Pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCIA) Datuk Redza Rafiq dan barisan exco kerajaan negeri.

Jambatan sepanjang 24 kilometer dengan 17 kilometer daripadanya merentasi laut dan tujuh kilometer di daratan, bakal merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri terutama di zon perindustrian tanah besar di Batu Kawan. Selain mengurangkan kesesakan di Jambatan Pulau Pinang, jambatan itu yang diilhamkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan direalisasikan Abdullah, akan merapatkan lagi pembangunan sosial dan ekonomi antara Batu Maung di kawasan pulau dan Batu Kawan di tanah besar.

Projek mega itu yang menelan kos RM4.5 bilion dikendalikan oleh kontraktor China Harbour Engineering Co Ltd (CHEC) dan Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) sebagai pemegang konsesi untuk 45 tahun. Selain dibina dengan reka bentuk bersifat lestari alam sekitar, JK2PP mempunyai kelebihan kerana menggunakan sistem galas getah redaman tinggi (HDRB) yang mampu menahan kesan gegaran gempa bumi sehingga 8.2 pada skala richter pada jarak 300km daripada punca gempa bumi.

HDRB adalah produk daripada getah asli yang direka bentuk oleh Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak di United Kingdom, iaitu makmal milik Lembaga Getah Negara dan dihasilkan sepenuhnya di dalam negara. Pada 30 April tahun lepas, Najib menjadi pemimpin pertama negara yang menggunakan laluan JK2PP dari bahagian pulau ke tanah besar untuk menghadiri satu majlis di Kepala Batas, Seberang Perai.—BERNAMA



**FAKTA : JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH**

- Jambatan terpanjang di Asia Tenggara dan menjadi mercu tanda negara Malaysia yang ke enam selepas KLCC, Menara KL, KLIA, Sirkit Antarabangsa Sepang dan Putrajaya.
- Spesifikasi khas : Menggunakan Sistem Galas Getah Redaman Tinggi (HDRB) yang mampu menahan kesan gegaran gempa Bumi sehingga 8.2 pada skala Richter pada jarak 300 kilometer daripada punca gempa bumi.
- Menggunakan rekabentuk asas cerucuk berdiameter 2.3 meter jenis 'bored piled' sedalam 130meter-antara yang paling dalam didunia.
- Ujian bebanan statnamik dengan kekuatan 54 MN Keatas cerucuk, antara ujian terbesar di dunia.
- Kompleks plaza Tol Pertama di Malaysia mencapai penarafan platinum sebanyak 87% untuk Indeks Bangunan Hijau (GBI) Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang telah dianugerahkan 'Green Apple Award' pada bulan Jun 2013 kerana mengaklipasi ciri-ciri pembinaan hijau dan lestari.
- Jambatan Kedua Pulau Pinang juga pertama menggunakan Papan Tanda Dinamik (DRS) yang mampu memberi maklumat mengenai keadaan trafik di Jambatan pertama dan Jambatan Kedua Pulau Pinang kepada para pengguna secara langsung.
- Lebuhraya bahagian darat merupakan PERTAMA DI Malysia direka bnetuk untu keperluan menghadap sebanyak 50 milimeter bagi tempoh 20 tahun akan datang.
- Jambatan PERTAMA mengunakan penghadang boleh ubah perinkat TL-4 anatara penghubung median yang terletak pada jarak setiap dua kilometer d atas jambatan. Penghadang itu mampu menahan kesan pelanggaran kenderaan berat seperti lori dan bas.
- Jambatan PERTAMA di Malaysia yang memasang Noise Reduction Seismic Expansion Joint.
- Jambatan PERTAMA di Malaysia mempunyai kenderaan elektrik sebagai kenderan peronda, untuk melakukan rondaan dijambatan dan juga di Lebuhraya bahagian darat.
- Ia adalah idea asal Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dicetuskan pada tahun 1995

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Lebuhraya

### PECAH TANAH LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE)

Majlis Pecah Tanah Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat Taiping-Banting ini telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 25 Mei 2014 bertempat di Teluk Intan, Perak. Majlis Pecah Tanah ini turut dihadiri YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya dan YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak.

Projek Lebuhraya Pantai Barat sepanjang 233km ini bermula di Persimpangan Jalan Negeri B18 di Banting, Selangor dan berakhir di susur persimpangan bertingkat Plaza Tol Changkat Jering, Lebuhraya Utara Selatan. Ianya dijangka siap dalam tempoh 5 tahun dengan anggaran kos pembinaan RM5.04 billion.

Jajaran Lebuhraya Pantai Barat ini akan memangkin pertumbuhan ekonomi di bandar-bandar yang terlibat seperti Banting, Shah Alam, Kuala Selangor dengan Teluk Intan, Setiawan, Bandar Baru Sri Iskandar, Beruas dan Taiping serta menyediakan satu jajaran yang efisien dan mampu memendekkan masa perjalanan. Projek Lebuhraya ini juga dijangka akan memberi dengan sekurang-kurangnya 25,000 peluang pekerjaan semasa pembinaan dan 1,000 pekerjaan semasa beroperasi kelak.






Gambar Majlis Pecah Tanah Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat Taiping-Banting

### LAWATAN RASMI BERSAMA YB MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA KE KOMPLEKS KASTAM, IMIGRESEN & KUARANTIN (CIQ), BANGUNAN ISKANDAR JOHOR BAHRU

Tarikh & Masa Program:
14/08/2014

Tempat:
Kompleks Kastam, Imigresen & Kuarantin (CIQ), Bangunan Iskandar Johor Bahru

Description:
Lawatan Rasmi Bersama YB Menteri Komunikasi dan Multimedia ke Kompleks Kastam, Imigresen & Kuarantin (CIQ), Bangunan Iskandar Johor Bahru



Sesi Taklimat Oleh Ketua Pengarah LLM



Lawatan Turun Pandang YB Menteri Kerja Raya dan YB Menteri Komunikasi



Lawatan Sekitar Komplek CIQ










## SEMINAR INTELLIGENT TRANSPORT SYSTEM (ITS) MALAYSIA 2014

ITS Malaysia (ITSM), dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) telah menganjurkan satu seminar bertajuk "State of Industry and Future of Intelligent Transport System (ITS) in Malaysia" hari ini bertempat di Persada PLUS.

Seminar yang dihadiri oleh seramai 150 peserta ini diadakan pada 25 November 2014. Tujuan seminar adalah untuk memberi fokus kepada industri ITS di Malaysia supaya dapat memberi peluang dan keperluan kepada industri dalam meningkatkan kesedaran, komitmen dalam industri ITS pada masa kini dan akan datang antara pihak awam dan swasta.

Antara objektif seminar adalah untuk menyediakan platform untuk agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan ITS berbincang dan bertukar pengalaman yang menjurus kepada keperluan industri dalam penggubalan dasar dan strategi pembangunan ITS di negara ini.

Perasmian seminar telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail Md. Salleh, Presiden ITS Malaysia yang juga merupakan Ketua Pengarah LLM.






Lebuh raya BEE kurangkan kesesakan di KL

## PERASMIAN SAMBUNGAN LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BEE)

Sambungan Lebuhraya Sungai Besi sepanjang 12.3 km telah dibuka secara rasminya oleh YB. Datuk Rosnah bt. Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia pada 15 April 2014. Sambungan lebuh raya tersebut menghubungkan secara langsung empat jalan raya utama iaitu Lebuhraya Sungai Besi, Jalan Istana, Jalan Lingkaran Tengah Satu (MRR1) dan Jalan Lingkaran Tengah Dua (MRR2). Pembukaan sambungan lebuhraya ini bukan sahaja memendekkan jarak perjalanan daripada 20km kepada 10 km, malah mengurangkan masa perjalanan dari kawasan barat Kuala Lumpur ke timur Kuala Lumpur pada waktu puncak yang biasanya 45 minit kepada 10 minit sahaja. Pengguna juga telah dikecualikan daripada kutipan tol di Plaza Tol Loke Yew selama satu bulan.

# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Lebuhraya

### PERASMIAN PUSINGAN-U BERTINGKAT, LEBUHRAYA SHAH ALAM

Pusingan-U Bertingkat di KM 37.5 Lebuh Raya Shah Alam (LSA) telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia pada 24 April 2014. Pusingan-U Bertingkat ini dibina untuk meningkatkan keselesaan dan keselamatan serta memberi manfaat kepada semua pengguna lebuh raya khususnya penduduk sekitar USJ, Subang Jaya dan Bandar Sunway. Penjimatan masa yang dianggarkan lebih kurang 15 minit tanpa melalui persimpangan bertingkat lampu isyarat di jalan kewajipan akan mengurangkan limpahan trafik ke LSA.






### SUSUR KELUAR KUNDANG MENAMBAHBAIK PENYURAIAN TRAFIK

YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof , Menteri Kerja Raya telah merasmikan Jalan Susur Keluar Bertol Dari Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) ke Laluan B149 Kundang pada 21 Julai 2014. Persimpangan ini merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan bagi menambahbaik sistem penyuraian trafik di Kundang, Kuang dan kawasan sekitarnya.







## MoU BERSAMA DBKL

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pelaksanaan Pengurusan Lalulintas bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Star Radio Group di Menara DBKL pada 20 Mei 2014. MoU ini merupakan hasil daripada Bengkel Blue Ocean Strategy anjuran DBKL pada bulan September 2013 yang bertujuan mencari jalan penyelesaian terbaik dan pendekatan terbaru bagi membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di dalam bandaraya dan rangkaian lebuh raya sekitar Kuala Lumpur yang semakin mencabar. Dengan termeterainya MoU ini diharapkan ianya dapat memberi nilai tambah kepada usaha-usaha pengurusan lalulintas di Kuala Lumpur demi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

## PELANCARAN WEB TRAVEL SMARTER

Travel Smarter adalah merupakan inisiatif bersama syarikat-syarikat konsesi melalui Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM). Ianya adalah merupakan pelan komunikasi dan kempen yang dilaksanakan secara menyeluruh yang bertujuan untuk mendidik, memberitahu dan mewujudkan kesedaran kepada orang ramai khususnya pengguna-pengguna lebuh raya terhadap perkara yang berkaitan dengan lebuh raya tol. Antaranya adalah berkaitan latar belakang dan faedah pembangunan lebuh raya di Malaysia, info trafik secara langsung trafik dan juga Journey Planner.

Secara amnya, Kempen Travel Smarter ini mempunyai platform yang berbeza seperti berikut :
Kempen secara digital melalui :

Laman sesawang **www.travelsmarter.com.my** yang mengandungi perkara-perkara berikut :

- Maklumat am lebuhraya
- Infografik
- Journey Planner yang membantu pengguna jalan perjalanan mereka dan membuat anggaran kos dan jarak perjalanan ke destinasi yang dituju sama ada melalui lebuhraya atau jalan tanpa tol.
- Artikel-artikel berhubung lebuh raya di Malaysia
- Soalan-soalan lazim berkaitan lebuh raya
- Wawancara/temuramah di stesyen-stesyen tv
- Penyiaran artikel di akhbar-akhbar harian
- Kempen-kempen di radio





# PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

## Lebuhraya

### PELAKSANAAN SISTEM KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK

Kerajaan telah meletakkan sasaran 80% penembusan bayaran tol secara elektronik di semua lebuh raya menjelang tahun 2015. Bagi mencapai hasrat kerajaan, LLM akan terus memastikan langkah progresif dan efektif dilaksanakan oleh semua syarikat konsesi lebuh raya untuk meningkatkan peratus penggunaan Sistem Kutipan Tol Secara Elektronik (ETC) di lebuh raya masing-masing selaras dengan sasaran yang ditetapkan.

Pelaksanaan sistem kutipan tol elektronik telah dilaksanakan sepenuhnya di Plaza Tol Kempas dan Perling mulai 11 Januari 2014 serta Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau mulai 22 November 2014. Penggunaan sistem ETC secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan trafik di plaza tol berkenaan. Pelaksanaanya juga selaras dengan agenda nasional untuk meningkatkan penggunaan ETC sepenuhnya di semua lebuh raya menjelang 2020.

Sepanjang tahun 2014, pelbagai inisiatif dan kempen telah dilaksanakan untuk mencapai sasaran penggunaan sistem ETC bagi lebuh raya dalam bandar dan lebuh raya antara bandar. Antara program promosi berterusan yang telah dijalankan untuk meningkatkan penggunaan ETC adalah seperti berikut:-

- Pemberian percuma kad Touch n Go;
- Pengguna Touch n Go juga akan mendapat diskaun tol untuk setiap musim perayaan.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap penggunaan sistem ETC, pelbagai median telah digunakan untuk tujuan mempromosikan sistem tersebut. Antaranya adalah:

**i) Laporan Televisyen**
- Laporan khas berkaitan penggunaan ETC di TV3, RTM and Astro Awani
- Segmen khas di Selamat Pagi Malaysia, RTM

**ii) Radio**
- Kolobrasi dengan radio Hot FM, Fly FM dan Star Radio Group Traffic Team bagi mempromosi penggunaan ETC

**iii) Media Sosial**
- Pemantauan Media Sosial
- Jalinan bersama blogger
- Whatsapps
- Wechat

**iv) Iklan di Akhbar Harian**

**v) Pengiklanan Di Pawagam**

Pengiklanan dan promosi berkaitan penggunaan ETC di pawagam

**vi) Roadshow**
- Promosi di Kawasan Rehat & Rawat (RnR)





Pelbagai perkhidmatan juga turut disediakan oleh syarikat konsesi untuk pengguna tambah nilai Touch n Go dan SmartTag bagi memudahkan urusan harian. Sebagai contoh:

**Pusat Khidmat Pelanggan**




**Touch 'n Go Spot**




**Kaunter Pandu Lalu**



**Lorong Tambah Nilai**



**Touch 'n Go Hub**




**Touch 'n Go Mobile Hub**




**ATM Bank**




**Agen Peruncitan & Stesen Minyak**



**“SEJUMLAH RM32.7 JUTA TELAH DIBELANJAKAN PADA TAHUN 2013 BAGI *REHABILITATIVE WORKS* DI 74 LOKASI *BLACK SPOT* DI JALAN PERSEKUTUAN DAN 10 LOKASI DI LEBUH RAYA.**

**YB. MENTERI KERJA RAYA**
**Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya & Lebuhraya Dan Travel Smarter**
**22 Julai 2014, Persada PLUS**













# 04





# PENYENGGARAAN FASILITI

Penyenggaraan Jalan **52-55**
Penyenggaraan Bangunan **56-57**

# PENYENGGARAAN FASILITI

## Penyenggaraan Jalan

### PROGRAM CABUTAN UNDI KERJA PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN TAHUN 2014

Kerja Undi Penyenggaraan Jalan Persekutuan tahun 2014 melibatkan 581 buah projek dengan kos berjumlah RM28 juta telah dilaksanakan secara serentak di seluruh Malaysia pada 5 Jun 2014. Program ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Kerja Raya di negeri Johor Darul Takzim. Daripada keseluruhan projek tersebut, sebanyak 412 projek dengan kos RM20 juta dilaksanakan di Semenanjung, 81 projek di Sarawak dan 88 projek di Sabah dengan kos masing-masing sebanyak RM4 juta.

Sehingga tahun 2014, sejumlah 1,325 projek melibatkan kos RM135.4 juta telah siap sepenuhnya. Ini adalah satu pencapaian yang boleh dibanggakan dan turut membuktikan kontraktor yang terpilih telah menunjukkan tahap komitmen yang cukup tinggi dalam memastikan kerja-kerja ini disempurnakan seperti yang dijadualkan.

Tujuan utama kerja undi ini adalah untuk membuka peluang kepada kontraktor kecil untuk sama-sama terlibat dalam kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan. Kerja undi ini meliputi kerja berkala bukan pavemen seperti kerja mengecat garisan jalan, membaiki penghadang jalan, pembaikan longkang, perabot jalan dan papan tanda jalan. Bagi mempercepatkan proses pemilihan kontraktor Kementerian Kerja Raya memutuskan agar pengagihan kerja dibuat secara undi.

Kementerian Kerja Raya telah mengambil pendekatan sejajar dengan tatacara perolehan semasa dimana kerja undi yang ditawarkan bernilai RM50 ribu dan ke bawah untuk kontraktor kelas G1. Secara tidak langsung, lebih banyak kerja undi dapat ditawarkan dan lebih ramai kontraktor kecil yang akan mendapat peluang disamping mempercepat proses pemilihan kontraktor untuk melaksana kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan.








YB Menteri Kerja Raya menyaksikan proses cabutan undi oleh kontraktor.



## TRANSFORMASI PAPAN TANDA DAN TANDA ARAH : *PROGRAM PUBLIC SERVICE DELIVERY TRANSFORMATION (PSDT)*

Program PSDT adalah sebuah cetusan idea dari YAB Perdana Menteri, iaitu program transformasi penyampaian perkhidmatan awam yang memberikan impak yang besar kepada rakyat dalam masa yang singkat *(fast track with big impact)*.

Projek ini adalah satu projek perintis bertujuan untuk menangani banyak aduan yang disuarakan oleh orang ramai tentang kelemahan papan tanda arah di seluruh negara, yang menyebabkan pengguna jalan raya sering sesat ketika menuju destinasi mereka.

Projek ini telah bermula pada April 2014 dan siap sepenuhnya pada Oktober 2014 dangan kos RM8 juta melibatkan 14 persimpangan iaitu bermula dari Tol Kuantan sehingga ke Pusat Bandar Kuantan. Untuk mendapatkan tahap kepuasan pengguna jalan berkenaan projek tersebut maka telah dilaksanakan kajian kepuasan dan mendapati bahawa hampir 90% mengakui bahawa sistem papan tanda baru dan tanda yang dicat pada permukaan jalan telah memudahkan mereka mencari destinasi yang dituju.

Projek PSDT ini juga adalah diharapkan akan menjadi pemangkin kepada penambahbaikan papan tanda dan cat destinasi di permukaan jalan di seluruh Malaysia, agar akhirnya akan tercapai matlamat besar: "Anda tidak akan sesat apabila memandu di Malaysia".

Sebelum



Selepas



Sebelum




Selepas




Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas



# PENYENGGARAAN FASILITI

## Penyenggaraan Jalan





### PERJANJIAN TAMBAHAN PERJANJIAN PENSWATAAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Dalam usaha untuk menambahbaik mutu perkhidmatan bagi penyenggaraan jalan Persekutuan, Kementerian Kerja Raya sentiasa membuka ruang untuk bekerjasama dan berbincang bagi penambahbaikan aspek penyenggaraan bersama pihak konsesi yang terlibat. Setelah mengadakan beberapa rundingan, majlis mendatangani perjanjian tambahan kedua berkaitan Perjanjian Penswastaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan pada pada 9 Disember 2014 di Bilik Mesyuarat Seroja, KKR di antara kerajaan Malaysia dengan syarikat konsesi swasta.

Untuk perjanjian tambahan kedua, perjanjian dimeterai antara kerajaan Malaysia dengan syarikat konsesi Gammerlite Sdn Bhd, Lintasan Resources Sdn Bhd, PPES Works Sdn Bhd, HCM Engineering Sdn Bhd dan Endaya Construction Sdn Bhd. Wakil Kerajaan ialah YBhg Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, KSU Kementerian Kerja Raya. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg Dato' Zainuddin Bin Zakaria, TKSU (DP) bersama-sama dengan pegawai kanan Kementerian dan syarikat konsesi

## PROGRAM LINTASAN PEJALAN KAKI SEARAS 1MALAYSIA

Program Lintasan Pejalan Kaki Searas 1Malaysia ini merupakan cetusan idea Kementerian Kerja Raya yang diterajui oleh Menteri Kerja Raya. Program ini diperkenalkan bagi meningkatkan aspek keselamatan para pelajar yang sering terdedah kepada bahaya ketika melintas jalan terutama di hadapan pintu masuk sekolah pada waktu puncak. Ia merupakan satu kaedah alternatif bagi menggantikan jejambat biasa yang mana kos pembinaan yang tinggi berbanding Lintasan Pejalan Kaki ini.  Kementerian Kerja Raya mensasarkan 35 lokasi pembinaan lintasan di seluruh negara sehingga penghujung tahun 2014.

Sehingga kini, sebanyak 150 lokasi telah berjaya dilaksanakan dan program ini juga  juga akan diteruskan untuk tahun 2015 sebanyak 35 lokasi di seluruh negara.








# PENYENGGARAAN FASILITI

## Penyenggaraan Bangunan

### PENYENGGARAAN KOMPLEKS KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN BANGUNAN GUNASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN (BGKP)

Kementerian Kerja Raya berperanan memantau dan menyelia 68 Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan (BGKP) di seluruh Malaysia iaitu 64 daripadanya telah diswastakan kepada tiga buah syarikat konsesi mengikut zon. Di samping itu, pengurusan dan penyenggaraan tiga BGKP di Zon Tengah pula telah dilaksanakan secara terma kontrak. Manakala satu BGKP di Zon Tengah iaitu Kompleks Kerajaan Jalan Duta telah diurus dan disenggara sendiri oleh Pejabat Pengurus Bangunan, KKR.

Di samping itu, setelah penstrukturan semula KKR pada Mei 2014, KKR telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelia pengurusan penyenggaraan fasiliti Kompleks Kementerian Kerja Raya melalui kontraktor yang dilantik iaitu TMR Urusharta Sdn.Bhd. Di antara skop yang terlibat meliputi penyenggaraan peralatan jentera dalam bangunan, sistem elektrik, sistem perhubungan telefon, lanskap dan kemudahan seperti dewan, gimnasium, surau, gelanggang tenis, kafeteria serta tempat letak kenderaan.

### Pencapaian 2014

**(a) Kompleks KKR**

Sepanjang Tahun 2014, kerja-kerja pengubahsuaian telah dilaksanakan di lokasI berikut bagi memberi keselesaan semasa bertugas iaitu :

| Lokasi | Blok | Tingkat |
|---|---|---|
| Bilik Pegawai Khas Menteri Kerja Raya | A | 4 |
| Bilik Mesyuarat Melati dan Bilik Latihan Akruan KKR | B | 6 |
| Ruang Pejabat Unit Integriti | B | 13 |

Jadual 6: kerja-kerja pengubahsuaian telah dilaksanakan mengikut lokasi

Pada tahun 2014 juga, sebanyak 1876 aduan telah diterima melibatkan kerosakan telefon, peralatan, kebersihan dan landskap (**Carta 4**). Kesemua aduan telah dilaporkan kepada konsesi dalam tempoh 12 jam setelah diterima/dikesan untuk diambil tindakan.




Carta 4 : Peratus pecahan aduan yang diterima mengikut skop penyenggaraan.



**(b) Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan**

Pada tahun 2014, KKR telah menerima maklumbalas berhubung mutu perkhidmatan dan pengurusan penyenggaraan BGKP di seluruh Malaysia seperti **Rajah 4**




**Skala Penilaian**

| | |
|---|---|
| Sangat Lemah | 0-19% |
| Lemah | 20-39% |
| Sederhana | 40-59% |
| Baik | 60-79% |
| Sangat Baik | 80-100% |

Rajah 4: maklumbalas berhubung mutu perkhidmatan dan pengurusan penyenggaraan BGKP di seluruh Malaysia

Selain itu, sebanyak 469 Laporan Ketidakakuran (LKA) telah dikeluarkan oleh pegawai pemantau BPF sepanjang 2014 meliputi Zon Selatan & Sarawak (156 LKA), Zon Utara & Sabah (173 LKA) dan Zon Timur (140 LKA). Pecahan keseluruhan LKA yang dikeluarkan mengikut skop penyenggaraan adalah seperti **Carta 5**.




- PART1: General Requirements Of Services
- PART2: General Scope Of Services Rendered
- Part3 : Scope Of Works On Mechanical And Electrical
- PART4: Scope Of Works On Civil, Structural And Architectural
- Schedule 4: Master Agreed Procedures

Carta 5: Peratus pecahan LKA yang dikenakan mengikut skop penyenggaraan.

## "PROGRAM PEMBANGUNAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA PERLU DILAKSANAKAN BAGI MEMASTIKAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA SENTIASA BERKEMAHIRAN DAN MEMPUNYAI PENGETAHUAN YANG MELUAS DALAM INDUSTRI PEMBINAAN."

**YB. TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**
**Majlis Perasmian Seminar Memperkasa Kontraktor Bumiputera**
**14 Oktober 2014, Politeknik Mukah Sarawak**













# 05





# KONTRAKTOR DAN INDUSTRI BINAAN

Kontraktor **60-63**
Industri Binaan **64-71**

# KONTRAKTOR & INDUSTRI BINAAN

## Kontraktor

### PROGRAM PEMERKASAAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA

Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) telah memperkemaskan dan mengadakan pelbagai program pembangunan kapasiti Kontraktor Bumiputera. Usaha ini adalah selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 September 2013 di Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera di Dewan Agung Tun Chanselor UiTM Shah Alam, Selangor.

Melalui KKR, sebanyak 264 program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 dan secara keseluruhan sehingga bulan Oktober 2014, sebanyak 23,534 peserta yang terdiri daripada kontraktor Bumiputera gred G1 hingga G7.

Antara program pembangunan kapasiti yang dilaksanakan oleh KKR untuk sepanjang tahun 2014 adalah:

#### 18 Mac 2014

**Seminar Memperkasa Kontraktor Bumiputera** di Dewan Besar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang dan melibatkan seramai 250 orang kontraktor Bumiputera. Seminar ini memberi pendedahan kepada mereka mengenai urusan pengiktirafan bumiputera, aspek inspektorat dan penguatkuasaan dan elemen integrity dalam pengurusan pembinaan.

#### 22 Mac 2014

**Seminar Memperkasa Kontraktor Bumiputera di Politeknik Mukah Sarawak**
Pada seminar ini juga para kontraktor mendapat peluang untuk berinteraksi dan bertukar pendapat selain menjalin satu hubungan jaringan sesama kontraktor.  Seramai seratus kontraktor telah menjadi peserta seminar ini yang telah dirasmikan pembukaannya oleh YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya manakala perasmian penutupannya oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof , Menteri Kerja Raya.









## LAWATAN LUAR DAN MISI PERDAGANGAN

Bagi meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dengan negara-negara luar, Kementerian Kerja Raya terlibat dalam misi-misi perdagangan dan lawatan kerja melibatkan pengurusan atasan KKR yang mengetuai delegasi berkaitan. Lawatan kerja ini juga bertujuan untuk mempromosi kepakaran Malaysia dalam bidang pembinaan disamping menjalinkan kerjasama dengan negara-negara yang berpotensi untuk sektor pembinaan. Pada tahun 2014, sebanyak tujuh (7) misi perdagangan dan lawatan kerja yang telah dilaksanakan.
Di samping mengadakan lawatan ke luar negara, terdapat beberapa kunjungan hormat telah dilakukan oleh delegasi luar ke atas Menteri Kerja Raya. Antaranya ialah seperti berikut:

Kunjungan Hormat Mr. Khaw Boon Wan, Menteri di Ministry of National Development, Singapura ke atas Menteri Kerja Raya Malaysia, 8 Mei 2014;




Kunjungan Hormat TYT Dr. Makio Miyagawa, Duta Jepun ke Malaysia ke atas Menteri Kerja Raya Malaysia, 8 Julai 2014




Kunjungan Hormat TYT Akihiro OHTA, Menteri di Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism, Jepun ke atas Menteri Kerja Raya Malaysia, 14 Ogos 2014





Kunjungan Hormat TYT Essa Mohamed Al-Mannai, Duta Qatar ke Malaysia ke atas Menteri Kerja Raya Malaysia, 30 September 2014




# KONTRAKTOR & INDUSTRI BINAAN

## Kontraktor

### SEMINAR CUKAI BARANGAN & PERKHIDMATAN (GST) KEPADA KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BINAAN

Kementerian Kerja Raya telah mendapat peruntukan khas daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM 260,400.00 untuk menganjurkan sebanyak 14 siri Seminar Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) Kepada Kontraktor Dan Usahawan Binaan Bumiputera di seluruh negara.

Objektif utama penganjuran ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera berkenaan pelaksanaan sistem percukaian GST oleh Kerajaan pada tahun 2015. Disamping itu, ia juga dapat memberi pengetahuan tentang impak pelaksanaan GST kepada industri pembinaan.

Penganjuran seminar satu hari ini akan melibatkan 300 kontraktor dan usahawan binaan seluruh Malaysia bagi setiap siri di mana setiap negeri akan menganjurkan seminar ini di hotel atau dewan yang bersesuaian bagi memudahkan para peserta yang datangnya daripada segenap pelusuk negeri yang terbabit untuk membuat perancangan logistik dan penginapan masing-masing. Tempoh seminar ialah satu hari bermula 9.00 pagi hingga 5.00 petang bagi setiap siri dan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan membantu dengan menyediakan penceramah

JELAJAH SEMINAR GST KONTRAKTOR DAN USAHAWAN TAHUN 2014

**Pulau Pinang**





**Perak**





**Johor**





JELAJAH SEMINAR GST KONTRAKTOR DAN USAHAWAN TAHUN 2014

**Kuantan**






**Melaka**





**Negeri Sembilan**





**Sabah**






**Terengganu**





**Wilayah Persekutuan**





# KONTRAKTOR & INDUSTRI BINAAN

## Industri Binaan

### STATISTIK PENCAPAIAN KEMAHIRAN KONTRAKTOR, TENAGA KERJA DAN PROFESIONAL

**PERKARA**

Melatih, menilai dan mengakreditasi Kemahiran Tenaga Kerja Industri Pembinaan



**SASARAN**

> **32,700** -Pekerja mahir bertauliah

> **6,000** – Pekerja dilatih dalam kerja-kerja yang memberi nilai tambah

> **80%** - Pekerja mahir diserap dalam industri pembinaan



**PENCAPAIAN**

> **32,825** -Pekerja mahir bertauliah

> **9,865** – Pekerja dilatih dalam kerja-kerja yang memberi nilai tambah

> **93%** - Pekerja mahir diserap dalam industri pembinaan

**PERKARA**

Membangunkan kompetensi pengurus projek



**SASARAN**

> **500**
Pengurus projek



**PENCAPAIAN**

> **713**
Pengurus projek

**PENGANJURAN MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2014, ICW 2014**
**17 – 19 SEPTEMBER 2014**











Minggu Pembinaan Antarabangsa (*International Construction Week 2014 – ICW 2014*) telah diadakan dari 17 – 19 September 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. ICW 2014 merupakan program kali ke-13 yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) sejak penganjuran pertamanya bermula pada tahun 1999. ICW 2014 ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya pada 18 September 2014.

Penganjuran ICW 2014 bertemakan *"Building A Better Tomorrow"* memberi penekanan kepada peningkatan kualiti binaan, kompetensi, produktiviti melalui pendedahan kepada inovasi terkini, produk atau komponen, perkhidmatan, teknologi canggih dan amalan terbaik oleh pakar-pakar industri dari dalam dan luar negara untuk mencapai matlamat pembangunan lestari. ICW 2014 melibatkan pelbagai aktiviti seperti pameran, seminar, persidangan, pertandingan reka bentuk, pemberian anugerah industri pembinaan, karnival kerjaya dan padanan perniagaan. Kesemua aktiviti tersebut telah dilaksanakan dengan kerjasama beberapa jabatan Kerajaan, syarikat swasta dan persatuan industri pembinaan.

# KONTRAKTOR & INDUSTRI BINAAN

## Industri Binaan

Antara seminar dan persidangan yang dianjurkan semasa program ICW 2014 adalah seperti berikut:

- ***International Construction Conference***
  Program ini telah dianjurkan oleh persatuan The Chartered Institute of Building (CIOB) pada 17 September 2014 di PWTC, Kuala Lumpur. Persidangan ini merangkumi pelaksanaan projek mega di Malaysia, pembangunan mapan dalam pembinaan dan pembangunan nuklear.

- ***Asean Real Estate & Infrastructure Summit (REI ASEAN)***
  Program ini telah dianjurkan pada 17 September 2014 oleh United Business Media (UBM) Sdn. Bhd. Persidangan ini meliputi pembentangan mengenai pelaburan hartanah di luar negara dan potensi sesuatu pembangunan pelaburan hartanah. Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

- ***Konvensyen Strategik Pengurusan Aset Kerajaan 2014 (KONSPAK)***
  KONSPAK telah dianjurkan pada 17 – 18 September 2014 oleh Malaysian Asset & Project Management (MAPMA) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Program ini berkaitan dengan perbincangan mengenai pengurusan aset Kerajaan melalui pemakaian pekeliling yang berkaitan oleh semua kementerian dan agensi Kerajaan.

- ***Konvensyen Usahanita Binaan 2014 (KUBINA)***
  KUBINA telah dianjurkan oleh Kementerian bersama dengan CIDB pada 18 September 2014. Program yang julung kalinya diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada penggiat industri pembinaan wanita tentang cabaran dan kejayaan yang dikecapi oleh tokoh-tokoh korporat wanita. Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya.



- ***6th Malaysian Construction Summit***
  Program ini telah dianjurkan oleh persatuan Malaysian Builders Association Malaysia (MBAM) pada 19 September 2014. Persidangan ini membincangkan perspektif pasaran mengenai projek-projek pembinaan, pasaran pembinaan serta amalan terbaik dalam pembinaan. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia.

- ***Seminar Ecobuild Southeast Asia***
  Seminar ini dianjurkan melalui kerjasama antara CIDB, Suruhanjaya Tenaga, Agensi Nuklear Malaysia, Malaysian Industry-Government Group of High Technology (MiGHT), Malaysian Structure Steel Association (MSSA) dan UBM. Seminar ini bertemakan kelestarian dan telah dibuka secara percuma kepada orang ramai dari 17 – 19 September 2014. Antara topik yang dibincangkan adalah aplikasi teknologi hijau dalam pembinaan bangunan, infrastruktur dan penggunaan dan penjimatan kuasa dalam pembinaan. Selain itu, Seminar on Business Opportunities juga telah dianjurkan dengan kerjasama Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) yang bertujuan memberi pendedahan peluang perniagaan di negara-negara luar iaitu Ivory Coast, Guinea, Afrika Selatan, Indonesia dan Myanmar.

- ***International Building Information Modelling (BIM) Day***
  Seminar ini telah diadakan pada 22 September 2014 di PWTC dan telah dihadiri seramai 400 peserta. Antara topik pembentangan program seminar ini adalah pelaksanaan BIM di Australia, Hong Kong dan United Kingdom.

  Selain itu, pertandingan reka bentuk bagi pelajar-pelajar jurusan pembinaan dan penganugerahan kepada pengiat-pengiat industri pembinaan turut diadakan semasa ICW 2014 seperti berikut:

**Program BIM**

**400** Pesertat

Negara Terlibat

**Australia, Hong Kong & United Kingdom**

**Program IBM**

**42** Syarikat Terlibat

**145.36**

Juta Jualan



- ***Open Ideas Competition***
  Pertandingan yang dianjurkan oleh MSSA adalah merupakan program tahunan yang dijalankan bagi meningkatkan kemampuan pelajar untuk mereka bentuk struktur bangunan menggunakan keluli. Program ini telah mendapat sambutan daripada pelajar-pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta seluruh Malaysia.

- ***Construction Industry Excellence Award (MCIEA) 2013***
  MCIEA merupakan acara tahunan CIDB bagi memberi penganugerahan kepada penggiat industri pembinaan dalam beberapa kategori yang dipertandingkan iaitu anugerah kontraktor terbaik, anugerah projek terbaik, anugerah pencapaian antarabangsa, anugerah khas dan individu serta anugerah tokoh jurubina. Majlis penganugerahan ini telah diadakan pada 18 September 2014 di Hotel The Majestic dan dihadiri oleh lebih 700 penggiat industri.

  Program padanan bisnes iaitu program Incoming Buying Mission (IBM) telah diadakan pada 18 September 2014 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Program ini merupakan program yang dianjurkan oleh MATRADE dan telah dihadiri oleh wakil-wakil 12 syarikat dari negara luar dan 42 buah syarikat dari Malaysia. Sebanyak RM154.36 juta jualan telah diperolehi hasil daripada padanan bisnes tersebut.

  Kementerian Kerja Raya melalui CIDB telah menerima maklum balas yang amat baik daripada para peserta dan pengunjung di mana ICW 2014 ini telah berjaya menambah pengetahuan, berkongsi masalah, pengalaman dan kepakaran serta membina jaringan niaga di kalangan usahawan. Dianggarkan seramai lebih 15,000 peserta dan pengunjung telah turut serta dalam program-program ICW 2014. Peratus kehadiran pengunjung berbanding sasaran adalah seperti di Lampiran A.

  Perbelanjaan bagi menjayakan program ICW 2014 adalah sebanyak RM700,000 daripada peruntukan Kementerian Kerja Raya dan CIDB. Manakala, CIDB telah berjaya mengutip sebanyak RM218,000 bagi hasil kutipan yuran penyertaan peserta dan hasil jualan meja majlis MCIEA.

## CIPAA & PENAMBAHBAIKAN AKTA PERKHIDMATAN PROFESIONAL

- ***Penguatkuaasan CIPAA***
  Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 11 April 2014, telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Kerja Raya, untuk menguatkuasakan Akta Pembayaran Dan Adjudikasi Industri Pembinaan atau dalam bahasa Inggeris sebagai Construction Industry Payment and Adjudication Act (CIPAA) 2012. Penguatkuasaan CIPAA adalah tepat terkena pada masanya, selari dengan perasmian Mahkamah Tinggi Pembinaan Kuala Lumpur dan Shah Alam pada 14 April 2014. Tarikh penguatkuasaan CIPAA 2012 adalah pada 15 April 2014.

- ***Menambahbaik Akta Perkhidmatan Profesional: Akta Pendaftaran Jurutera, Akta Arkitek dan Akta Juru ukur Bahan***
  Pembentangan 3 Rang Undang-undang Profesional yakni RUU PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN)2014, RUU ARKITEK (PINDAAN) 2014, RUU JURUUKUR BAHAN(PINDAAN) 2014 telah diluluskan di Dewan Rakyat, Parlimen pada 27 November 2014 (Khamis) dan di Dewan Negara pula pada 18 November 2014 (Khamis). Input dilampirkan.

# KONTRAKTOR & INDUSTRI BINAAN

## Industri Binaan

### LIBERALISASI PEMBINAAN

- ***Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas***

  Bagi meningkatkan lagi liberalisasi dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan, halangan-halangan yang menghalang proses liberalisasi ini perlu dikenalpasti dan dikurangkan. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan trade in service melalui pembukaan pasaran.

  Salah satu langkah bagi mengurangkan halangan perdagangan adalah dengan mengkaji semula dan menambah baik komitmen dalam Free Trade Agreement (FTA). Ini bagi memastikan Malaysia mendapat pulangan terbaik melalui FTA yang telah ditandatangani.

  Pada tahun 2014, pihak MITI bersama KKR telah mengkaji semula beberapa FTA seperti berikut bagi tujuan penambahbaikan komitmen untuk sektor pembinaan dan perkhidmatan profesional:

  i. ASEAN-Japan Comprehensive Partnership Agreement (AJCEP)
  ii. ASEAN-China Free Trade Agreement (Third Revised Package Since 2007)
  iii. Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA)
  iv. ASEAN Framework Agrement on Services (AFAS) 10
  v. ASEAN Hong Kong Free Trade Agreement

- ***Mutual Recognition Agreement (MRA)***

  MRA yang melibatkan Kementerian Kerja Raya adalah ASEAN Chartered Professional Engineers Coordinating Committee (ACPECC) dan ASEAN Architect Council (AAC) yang merupakan landasan bagi menetapkan standard dan akreditasi terhadap kelayakan jurutera dan arkitek di peringkat ASEAN.

  Sepanjang tahun 2014, sebanyak tiga (3) siri mesyuarat telah diadakan bagi memenuhi komitmen komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 terutamanya di bawah Asean Framework Agreement on Services (AFAS). Senarai mesyuarat dan rundingan adalah seperti berikut:

  i. Mesyuarat Bil 77 ASEAN Coordinating Committee Services, Yangon, Myanmar, 9-15 Februari 2014;
  ii. Mesyuarat Bil 78 ASEAN Coordinating Committee Services, Can Tho, Vietnam,25-30 Mei 2014; dan
  iii. Mesyuarat Bil 79 ASEAN Coordinating Committee Services, Bali, Indonesia, 21-25 September 2014.



**Projek Luar Negara**

***Kerjasama ASEAN dalam Pembangunan Infrastruktur***

Terdapat dua forum kerjasama ASEAN dalam pembangunan infrastruktur di rantau ini iaitu:

i) Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) yang ditubuhkan pada 20 Julai 1993; dan
ii) Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) yang ditubuhkan pada 24 Mac 1994.

Kedua-dua forum ini adalah sebagai landasan untuk memajukan ekonomi di antara negara terutamanya di kawasan-kawasan sempadan. Di bawah Kumpulan Kerja Infrastruktur dan Pengangkutan (WGIT), KKR berperanan secara aktif dalam melaporkan perkembangan dan status projek di Malaysia yang disenaraikan dalam pemantauan kedua-dua forum ini.

Selain itu, terdapat juga forum Joint Commission Meeting (JC) dan Joint Development Strategy (JDS) bagi membincangkan secara isu spesifik pembangunan wilayah di sempadan antara Malaysia dan Thailand yang dihadiri oleh Bahagian ini.

Pada tahun 2014, mesyuarat yang telah dihadiri adalah seperti berikut:

i. 7th IMT-GT Post Summit Planning Meeting; 13-15 August 2014, Bangkok,Thailand;
ii. 9th Working Group Malaysia - Thailand Committee on Joint Development Strategy for Border Areas (JDS) Meeting, Kota Bharu, Kelantan, 12 October 2014.

***Penglibatan Dalam Misi Perdagangan***

Kementerian Kerja Raya melalui agensi CIDB juga terlibat dalam beberapa misi perdagangan di peringkat antarabangsa untuk mempromosi kepakaran Malaysia dalam bidang pembinaan serta mengambil peluang untuk menjalin kerjasama dengan negara-negara yang berpotensi untuk sektor pembinaan.

Misi perdagangan ini dilaksanakan adalah selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Promosi Perdagangan Antarabangsa (JPPPA) yang dianggotai oleh YB Menteri Kerja Raya pada 24 Jun 2011. Jawatankuasa ini bertanggungjawab sebagai penyelaras dan mempromosi perdagangan antarabangsa.

Sepanjang tahun 2014, misi-misi perdagangan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. CIDB's Fact Mission to Morocco, 13 January 2014 – 17 January 2014
ii. CIDB's Fact Finding Mission to Kazakhstan, 30 January 2014 – 3 February 2014;
iii. CIDB: Briefing on China Construction Outlook , 17 February 2014;
iv. CIDB: Construction mission to Myanmar in Conjunction with Myanmar Infrastructure Summit 2014, 18 March 2014 – 19 March 2014;
v. CIDB: Construction Mission to Bali, Indonesia in conjunction with REAAA & PIARC Event 2014, 21 April 2014 – 25 April 2014;
vi. CIDB: Follow Up Mission to Astana & Almaty, Kazakhstan in conjunction with Astana Economic Forum , 20 May 2014 - 26 May 2014;
vii. CIDB: Attachment Program for Officials from the Ministry of Construction, Myanmar 9 June 2014 – 13 June 2014;
viii. CIDB's Working Visit to Ankara & Istanbul Turkey , 16 June 2014 – 21 June 2014;
ix. CIDB's Follow Up Mission to Istanbul, Turkey , 16 July 2014 – 19 July 2014;
x. CIDB's Working Visit to New Delhi, India, 27 August 2014 – 29 August 2014;
xi. CIDB: Business opportunity Seminar, Exhibition and Business Matching In Conjunction with International Construction Week (ICW 2014) , 17 September 2014 – 19 September 2014;
xii. CIDB: Seminar on Infrastructure Development Project opportunities in South Africa, 1 October 2014;
xiii. CIDB's Participation in Build Tech Asia 2014, Singapore , 14 October 2014 – 16 October 2014;
xiv. CIDB: Project Focused Mission to Jakarta and Bandung, Indonesia, 3 November 2014 – 8 November 2014;
xv. CIDB's Participation in Konstruksi Indonesia 2014, 3 November 2014 – 8 November 2014;
xvi. CIDB: Technical Mission to Delhi & Lucknow, India, 20 November 2014 – 23 November 2014.

# KONTRAKTOR & INDUSTRI BINAAN

## Industri Binaan

### KURSUS INDUKSI KAD HIJAU CIDB

Program Kad Hijau merupakan salah satu inisiatif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam mewujudkan dan melaksanakan sistem pengurusan keselamatan di tapak binaan. Inisiatif ini bertujuan untuk membolehkan semua pekerja binaan yang menjalankan kerja-kerja pembinaan memiliki Kad Hijau CIDB sebagai prasyarat melindungi keselamatan individu semasa berada di tapak binaan. Kad Hijau CIDB amat penting kerana kegagalan melaksanakan program Kad Hijau CIDB akan menyebabkan tindakan tertib dikenakan CIDB di bawah peraturan-peraturan kontraktor (1995) - Peraturan 15(1), Akta LPIPM (520), 1994 di mana pendaftaran kontraktor dibatalkan, digantung atau ditarik balik.

Personel Binaan yang memiliki Kad Hijau yang sah akan diberikan perlindungan di bawah Pelan Takaful Personel Binaan berkelompok CIDB. Pelan ini adalah merupakan satu bentuk perlindungan berdasarkan konsep Hibah Pemberian/Hadiah) yang mana pembayarannya tertakluk kepada budi bicara dan pertimbangan CIDB. Ianya bertujuan untuk memberi sumbangan kepada personel binaan yang ditimpa kemalangan atau kepada keluarga (penama) jika berlaku kematian. Ianya juga adalah selaras dengan dasar kerajaan dalam mewujudkan budaya masyarakat penyayang dan prihatin.










KURSUS INDUKSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN
BAGI PEKERJA BINAAN (SICW) : KAD HIJAU CIDB
17 MEI 2014
CIDB
MALAYSIA
KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

**"AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) TELAH MEMBUKTIKAN KECEMERLANGAN DALAM MELATIH DAN MELAHIRKAN PEKERJA MAHIR TEMPATAN UNTUK BERKHIDMAT DALAM INDUSTRI BINAAN NEGARA. SEJAK DARI PENUBUHANNYA PADA 1997 SEHINGGA KINI, JUMLAH PELATIH YANG TELAH DILAHIRKAN OLEH ABM TELAH MENCAPAI LEBIH DARIPADA 200,000 ORANG DENGAN 75 PERATUS DARIPADANYA BERJAYA DISERAPKAN KE DALAM INDUSTRI."**



**YB. MENTERI KERJA RAYA**
**Majlis Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia**
**30 April 2014, Dewan FELDA Kuala Lumpur**









# 06

## PENGURUSAN PROFESIONALISME

# PENGURUSAN PROFESIONALISME

## PINDAAN AKTA-AKTA PROFESIONAL

Seawal 2008, Kerajaan telah membuat keputusan untuk membuka pasaran tempatan, termasuk, sektor perkhidmatan yang melibatkan perkhidmatan profesional iaitu kejuruteraan, kesenibinaan dan bidang juruukur bahan kepada pemegangan ekuiti asing sebanyak 100%. Selaras dengan itu, akta-akta profesional terlibat yang mengawal perkhidmatan berkaitan -iaitu- Akta Pendaftaran Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967, Akta Juruukur Bahan 1967- telah dipinda bagi memuatkan keperluan dasar perdagangan bebas dan mengamalkan prinsip persaingan perdagangan. Seiringan dengannya, turut dipinda dalam akta-akta berkenaan ialah kawalan-kawalan terhadap amalan profesionalisme perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan supaya kualiti pendidikan profesional di institusi-institusi pendidikan tempatan dan penyampaian perkhidmatan profesion berkaitan menetapi piawaian antarabangsa yang terbaik di dunia.

Pembentangan 3 Rang Undang-undang Profesional yakni **RUU PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN)2014, RUU ARKITEK(PINDAAN) 2014, RUU JURUUKUR BAHAN(PINDAAN) 2014** telah diluluskan di Dewan Rakyat, Parlimen pada 27 November 2014 (Khamis) dan di Dewan Negara pula pada 18 November 2014 (Khamis). Secara ringkas, akta-akta yang mengawal profesion yang dipinda akan mendaftar dibawah Lembaga profesional masing-masing sesiapa saja tanpa mengira kewarganegaraan yang mempunyai kelulusan yang diiktiraf, bagi membolehkan mereka mengamalkan kerjaya mereka dalam pasaran tempatan.

Pindaan-pindaan ini juga membolehkan profesional luar sama seperti profesional tempatan, mendaftarkan syarikat-syarikat perundingan dengan Lembaga professional masing-masing bagi mendapat lesen amalan (practice license) dan seterusnya berdaftar dengan pendaftar syarikat bagi menjalankan urusan perniagaan mereka di pasaran tempatan.

Untuk makluman, perniagaan syarikat ini boleh dijalankan semula sebagai khidmat perseorangan, sebagai pemilikan tunggal, perkongsian, dan sebagai badan korporat iaitu Sendirian Berhad.

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang disediakan, baik oleh profesional asing mahupun profesional tempatan, kawalan diadakan melalui pindaan dalam akta untuk melindungi kepentingan awam, beberapa langkah kawalan perundangan diadakan. Antaranya ialah:

(i) Lembaga profesional hanya mendaftarkan graduan yang mempunyai kelulusan yang menepati standard yang ditetapkan;

(ii) Seterusnya, pada peringkat profesional, lembaga mendaftarkan (a) mereka yang mempunyai dan memaparkan Technical Competence; dan (b) mereka yang mempunyai kepakaran yang sama melalui program-program yang diakredit;

(iii) Semua profesional yang ingin menjalankan perniagaan sebagai submitting person hendaklah menduduki dan lulus peperiksaan baru yang diperkenalkan melalui pindaan akta ini -iaitu- competency exams yang menguji pemahaman terhadap perundangan tempatan, peraturan-peraturan terpakai oleh badan-badan berkuasa, yang kebanyakannya, melibatkan piawaian-piawaian serta keperluan tempatan; dan

(iv) Selain itu, lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh Badan Profesional mempunyai tempoh sahlaku untuk setahun sahaja. Lesen-lesen ini hendaklah diperbaharui setiap tahun, dengan profesional berkenaan membuktikan  bahawa ia telah menjalani program-program pembangunan kapasiti berterusan yang diakredit oleh lembaga-lembaga berkaitan.



## PENDAFTARAN LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (LJBM)

Pada tahun 2014, LJBM telah meluluskan pendaftaran 58 Juruukur Bahan Berdaftar dan 235 Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar. Sementara itu, bagi kategori Firma Juruukur Bahan Perunding, sebanyak 5 Ketuanpunyaan Tunggal, 9 Badan Korporat, 3 Perkongsian dan 1 Firma Perunding Pelbagai Disiplin telah didaftarkan.

**Bilangan Individu Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2014**




Carta 6 : Bilangan Individu Berdaftar Juruukur Bahan Mengikut Kategori Sehingga 2014

| Kategori | Bil. |
|---|---|
| Juruukur Bahan Berdaftar | 1018 |
| Juruukur Bahan Berdaftar Sementara | 1 |
| Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar | 1271 |
| **Jumlah** | **2290** |

Jadual 7 : Bilangan Individu Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2014

**Bilangan Firma Juruukur Bahan Perunding Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2014**




Carta 7 : Bilangan Firma Juruukur Bahan Perunding Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2014

| Kategori | Bil. |
|---|---|
| Ketuanpunyaan Tunggal / Sole Proprietor FS | 163 |
| Badan Korporat / Body corporate FC | 111 |
| Perkongsian / Partnership FP | 45 |
| Perunding Pelbagai Disiplin / MDP FM | 12 |
| **Jumlah** | **331** |

Jadual 8 : Bilangan Firma Juruukur Bahan Perunding Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2014

# PENGURUSAN PROFESIONALISME








***QS INTERNATIONAL CONVENTION (QSIC) 2014.***

*QS International Convention 2014 (QSIC)* yang bertemakan *'Wind of Change'* telah diadakan pada 18-19 Ogos 2014 di Pullman Kuala Lumpur Bangsar. Ucaptama telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof , Menteri Kerja Raya Malaysia. Seramai 453 orang peserta dari dalam dan luar negara telah menghadiri konvensyen tersebut. Konvensyen yang berlangsung selama dua hari ini adalah anjuran bersama Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM), Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM), *Taylor's University* dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

## MALAM ANUGERAH LEMBAGA JUUUKUR BAHAN MALAYSIA 2014

Malam Anugerah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia ialah sambutan tahunan untuk mengiktiraf pencapaian cemerlang profesional kami dalam bidang yang berbeza seperti khidmat masyarakat, inovasi, pembangunan teknologi dan alam sekitar. Pada tahun ini, ia telah diadakan pada 18 Ogos 2014 di Hotel Pullman Bangsar bersempena QS International Convention (QSIC).

Malam Anugerah 2014 telah dirasmikan oleh oleh YB. YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia diiringi oleh Timbalan Menteri, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Ketua Setiausaha Kementerian Dato' Sri Zohari bin Haji Akob serta tetamu terhormat lain yang mewakili pelbagai agensi di bawah Kementerian dan penaja. Tulang belakang pada malam tersebut ialah yang Y.Bhg Datuk Yasmin Yusof.

Empat kategori anugerah telah disampaikan seperti berikut:-



Anugerah Penerima Emas Sr Ong See Lian




Anugerah Penerima Perdana KPK Quantity Surveyors (Semenanjung) Sdn Bhd

### 18TH PACIFIC ASSOCIATION OF QUANTITY SURVEYORS CONGRESS (PAQS).

PAQS Kongres ke-18 telah diadakan di Hong Kong pada 06-10 Jun 2014, anjuran Hong Kong Institution of Surveyors. Tema kongres tersebut adalah '*Thinking Outside the Box* – Meeting New Challenges fo Cost Management'. Delegasi daripada Malaysia diketuai oleh Y. Bhg Dato' Sr Abdull Manaf, Yang DiPertua, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan disertai oleh 53 orang delegasi yang lain.



Cik Tiong Mei Chuan menerima sijil penghargaan beliau untuk Pertandingan Esei Iwata



Sr Hj Jailani menerima Pingat PAQS dari Pengerusi PAQS, Puan Xu, bagi pihak Sr Datuk Hj Mohd Isahak




### 9TH INTERNATIONAL COST ENGINEERING COUNCIL – IX WOLD CONGRESS PADA 20-23 OKTOBER 2014.

*9th International Cost Engineering Council – IX Wold Congress* telah diadakan pada 20-22 Oktober 2014 di Milan, Itali. Tema kongres tersebut telah dipilih oleh *Italian Association of Total Cost Management (AICE)* bersama *Federation of Scientific and Technical Association (FAST)* ialah *'Re-Engineering Total Cost Management'.*

# PENGURUSAN PROFESIONALISME

## PENDAFTARAN ARKITEK TAHUN 2014

Pada tahun 2014, jumlah pendaftaran individu Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) adalah seperti berikut:

| LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA | Pendaftaran Baru 2014 | Jumlah Ahli Berdaftar (setakat 31.12.2014) |
|---|---|---|
| Arkitek Profesional | 52 | 1,879 |
| Arkitek Graduan | 176 | 1,954 |
| Pelukis Pelan Bangunan | 0 | 169 |
| Perekabentuk Dalaman | 5 | 516 |
| **Jumlah** | **233** | **4,518** |

Jadual 9: Jumlah Pendaftaran Individu




Carta 8 : Pendaftaran Baru 2014




Carta 9 : Jumlah Ahli Berdaftar (setakat 31.12.2014)

- Arkitek Profesional
- Arkitek Graduan
- Pelukis Pelan Bangunan
- Perekabentuk Dalaman



## PENDAFTARAN PRAKTIS PERUNDING SENIBINA

Pada tahun 2014, jumlah pendaftaran praktis Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) adalah seperti berikut:

| Kategori | Pendaftaran Baru 2014 | Jumlah Praktis Berdaftar (setakat 31.12.2014) |
|---|---|---|
| Ketuanpunyaan Tunggal | 15 | 1,107 |
| Perkongsian | 33 | 132 |
| Pertubuhan Perbadanan Arkitek | 49 | 272 |
| Pertubuhan Perbadanan Pelbagai Disiplin | 10 | 41 |
| **Jumlah** | **107** | **1,552** |

Jadual 10 : Jumlah Pendaftaran Praktis Perunding Senibina




Carta 10 : Pendaftaran Baru 2014




Carta 11 : Jumlah Praktis Berdaftar (setakat 31.12.2014)

- Ketuanpunyaan Tunggal
- Perkongsian
- Pertubuhan Perbadanan Arkitek
- Pertubuhan Perbadanan Pelbagai Disiplin

# PENGURUSAN PROFESIONALISME

## PENDAFTARAN PRAKTIS PERUNDING REKABENTUK DALAMAN

Pada tahun 2014, jumlah pendaftaran Praktis Perunding Rekabentuk Dalaman Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) adalah seperti berikut:

| Kategori | Pendaftaran Baru 2014 | Jumlah Ahli Berdaftar (setakat 31.12.2014) |
|---|---|---|
| Ketuanpunyaan Tunggal | 42 | 1116 |
| Perkongsian | 3 | 100 |
| Pertubuhan Perbadanan Rekabentuk Dalaman, | 11 | 244 |
| **Jumlah** | **56** | **1460** |

Jadual11: Jumlah Pendaftaran Praktis Perunding Rekabentuk Dalaman




Carta 12 : Pendaftaran Baru 2014




Carta 13 : Jumlah Praktis Berdaftar (setakat 31.12.2014)

- Ketuanpunyaan Tunggal
- Perkongsian
- Pertubuhan Perbadanan Rekabentuk Dalaman,

**3,887**

**Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah diluluskan olen LAM bagi tahun 2014**



## PEPERIKSAAN PROFESIONAL BAHAGIAN III OLEH LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Peperiksaan Profesional Bahagian III bertujuan untuk menentukan seseorang calon berpengalaman, kompeten dan mencapai kematangan bagi melaksanakan tugas dan memenuhi tanggungjawab serta obligasi sebagai seorang Arkitek Profesional.





Peperiksaan di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid

## PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN

Pada tahun 2014, sebanyak 3,887 Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan oleh Arkitek Profesional dan 720 oleh Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar.

## PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI PERUNDINGAN ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2014 LAM telah terlibat dalam beberapa mesyuarat berhubung dengan ASEAN Architect Council.

(i) ASEAN Architect Council (AAC) meeting No. 20
Yangon, Myanmar 12 February 2014

(ii) 79th Meeting of Coordinating Committee on Services and Other Related Meeting ASEAN Council
Bali, Indonesia 22 – 27 September 2014.

(iii) APEC Architect Project Sixth Central Council Meeting
Vancouver, British Columbia, Canada 6 – 7 October 2014

Delegasi Malaysia terdiri daripada Tan Sri Ar Haji Esa Mohamed, Dr Amer Hamzah Mohd Yunus (tiada dalam gambar), Ar Mohd Zulhemlee dan Ar Mustapha Kamal.



Delegasi Malaysia yang turut serta dalam Mesyuarat APEC Architect Project Sixth Central Council Meeting 2014




Acara tandangan memorandum antara tuan rumah APEC Architect Project Sixth Central Council Meting 2014. Kanada diwakili oleh Michael Ernest iaitu presiden kepada Canada Board of Architect Institute bersama wakil Malaysia iaitu Tan Sri Ar Haji Esa Mohamed




# PENGURUSAN PROFESIONALISME

## PENDAFTARAN JURUTERA DAN AMALAN PERUNDING KEJURUTERAAN

Pendaftaran Jurutera dan amalan perunding kejuruteraan adalah melibatkan kategori individu (Jurutera Profesional, Jurutera Siswazah, Jurutera Sementara serta Pemeriksa Bertauliah) dan kategori pendaftaran syarikat amalan kejuruteraan perunding (pertubuhan perbadanan, amalan multi disiplin, perkongsian dan pemilik tunggal).




Carta 14 : Pecahan Pendaftaran Individu & Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan




Carta 15 : Pecahan Pendaftaran Individu & Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan






Carta 16 : Jurutera Siswazah Berdaftar Mengikut Disiplin Sehingga Tahun 2014

Carta 17: Jurutera Profesional Berdaftar Mengikut Disiplin Sehingga Tahun 2014

# PENGURUSAN PROFESIONALISME

## SIRI JERAYAWARA LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (LJM) 2014-2015

Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk meliberalisasikan sektor Perkhidmatan Profesional termasuk perkhidmatan kejuruteraan, LJM telah mengambil tindakan untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (REA 1967) bagi memudah cara liberalisasi perkhidmatan kejuruteraan profesional di Malaysia dan memperketat kawalselia bagi memastikan kualiti perkhidmatan professional tempatan dan asing di tahap terbaik demi memelihara keselamatan dan kepentingan orang awam.

LJM dengan sokongan Kementerian Kerja Raya telah menganjurkan Siri Jerayawara (roadshow) 2014-2015 bertemakan "Staying Relevant" untuk memberi penerangan lanjut mengenai pindaan-pindaan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan status terkini pindaan Akta tersebut. Ia juga bagi mendidik para jurutera mengenai peranan, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Jurutera Profesional dalam industri pembinaan serta keperluan mematuhi secara ketat dengan akta, peraturan, dasar, pekeliling, kod dan spesifikasi yang mengawal profesion.

Siri roadshow ini merupakan kesinambungan daripada beberapa siri Seminar Proposed Amendments to the Registration of Engineers Act 1967 (due to Liberalisation) di seluruh Malaysia yang telah dijalankan pada tahun 2012.

Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof berbesar hati merasmikan pembukaan siri roadshow yang berlangsung di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur pada 29 September 2014.

Lebih 800 peserta terdiri daripada Jurutera Profesional, Jurutera Siswazah, Syarikat Perunding Kejuruteraan, pemaju, Kontraktor, pihak berkuasa tempatan, jabatan kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan telah hadir di tiga lokasi berbeza di sepanjang tahun 2014. Para peserta memberi maklum balas positif ke arah liberalisasi, konsep pasaran terbuka dan menerima baik cadangan pindaan serta bersedia ke arah pengoperasian REA 1967.

Berikut adalah lokasi-lokasi, tarikh dan topik siri roadshow 2014-2015:

| Tarikh | Lokasi | Tajuk Kertas Pembentangan |
|---|---|---|
| 29.9.2014 | Kuala Lumpur | • Amendment to The Registration of Engineers Act 1967<br>• Professional Practice & Code of Conduct for Engineers<br>• The Professional Competency Examination<br>• Responsibility & Accountability of Stakeholders in Construction<br>• Industries<br>• Certificate of Completion & Compliance |
| 20.10.2014 | Penang | |
| 24.11.2014 | Johor Bahru, Johor | |
| 26.1.2015 | Kuching, Sarawak | |
| 26.2.2015 | Kuantan, Pahang | |
| 30.3.2015 | Kota Kinabalu, Sabah | |
| 18.5.2015 | Miri, Sarawak | |
| 24.8.2015 | Petaling Jaya, Selangor | |

Jadual 12 : lokasi-lokasi, tarikh dan topik siri roadshow 2014-2015

**Fakta :**

Persepsi keseluruhan jurutera berdaftar terhadap BEM adalah baik. Secara umumnya lebih daripada 90% jawapan positif diterima.






Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof merasmikan pembukaan Siri Jerayawara LJM 2014-2015 di SDCC Kuala Lumpur.

Peserta Taklimat Cadangan Pindaan REA 1967(Kuala Lumpur)






Ucapan alu-aluan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Annies bin Md. Ariff, Presiden LJM



Sesi Soal Jawab dengan para peserta



Peserta Taklimat Cadangan Pindaan REA 1967(Johor Bahru)

# PENGURUSAN PROFESIONALISME

## PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN MALAYSIA KE PERSADA GLOBAL

Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014 telah diluluskan oleh Parlimen pada 18 Disember 2014. Pindaan kepada Akta ini bertujuan untuk meliberalisasikan profesion kejuruteraan di Malaysia secara berperingkat sehingga mencapai 100% jika perlu, selaras dengan keputusan Kerajaan yang mengkehendaki sektor perkhidmatan dibuka untuk penyertaan dan pemegangan ekuiti asing sehingga 100%.

Pembukaan sektor perundingan kejuruteraan dilihat sebagai peluang terbaik untuk membolehkan firma-firma perunding kejuruteraan tempatan memperluaskan perdagangan di peringkat global. Langkah membenarkan pegangan ekuiti kepada Jurutera asing dan saham terbuka kepada sesiapa dalam syarikat kejuruteraan merupakan langkah berani yang akan membantu terutamanya syarikat kejuruteraan perunding yang tidak dapat berkembang disebabkan kekurangan modal dan kemahiran.

Melalui pindaan kepada akta ini, syarikat kejuruteraan berpeluang meneroka pasaran luar Negara di samping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam negara. Penerajuan Malaysia sebagai regional hub untuk perkhidmatan kejuruteraan profesional dalam tempoh terdekat perlu menjadi misi semua yang terlibat.

Sebagai langkah kawalan pula, aspek pemilikan ekuiti dan keanggotaan pengarah syarikat akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut komitmen kerajaan kepada Perjanjian Perdagangan Bebas dan keperluan liberalisasi yang bersifat progresif.

## MEMASTIKAN KESELAMATAN AWAM

Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014 juga bertujuan melindungi keselamatan dan kepentingan awam dengan mengambilkira beberapa perkara seperti berikut:

i) memperketat kawalan perundangan terhadap amalan kejuruteraan oleh Jurutera Profesional, Jurutera Siswazah, Teknologis Kejuruteraan dan Pemeriksa Tapak bagi memastikan keselamatan, kesihatan, kepentingan rakyat dan negara sentiasa terpelihara;

ii) mengadakan peraturan bagi memastikan kelayakan-kelayakan berkaitan Jurutera Profesional, Jurutera Siswazah, Teknologis Kejuruteraan dan Pemeriksa Tapak menepati benchmark antarabangsa dan berlandaskan standard perlakuan profesional yang tinggi;

iii) menyediakan pathway yang teratur dan bersesuaian dengan graduan dan pekerja bidang kerja kejuruteraan terlibat bagi meningkatkan kecekapan serta upward mobility dalam kerjaya mereka; dan

iv) mengadakan langkah-langkah kawalan ataupun safeguard measures untuk memastikan kualiti perkhidmatan kejuruteraan tempatan ditingkatkan.



## PENDAFTARAN TEKNOLOGIS KEJURUTERAAN, PEMERIKSA TAPAK DAN JURUTERA PROFESIONAL DENGAN PERAKUAN AMALAN

Pindaan Akta ini telah memasukkan pendaftaran Teknologis Kejuruteraan dan Pemeriksa Tapak sebagai sebahagian daripada pasukan kejuruteraan di bawah pemantauan LJM untuk memastikan keseluruhan spektrum kerja-kerja kejuruteraan dapat diawasi dengan teliti bagi memastikan kualiti dan keselamatan kerja-kerja yang terlibat adalah terjamin.

LJM juga memperkenalkan Skim Pelesenan 2 Tahap. Jurutera Profesional Tahap Pertama boleh diambil bekerja sebagai seorang jurutera dengan had dan hak tertentu di bawah Akta manakala Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan akan mempunyai semua hak-hak yang diberikan kepada seorang Jurutera Profesional dalam Akta yang sebelumnya.

## SUMBANGAN SEKTOR KEJURUTERAAN KEPADA PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI NEGARA

Segala pindaan akta ini mendukung tunjang Program Transformasi Ekonomi Negara di mana sektor kejuruteraan turut menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Kecemerlangan sektor kejuruteraan adalah amat penting bagi menarik pelaburan asing Foreign Direct Investment (FDI) dan menggalakkan perkhidmatan reka bentuk kejuruteraan dan inovasi terutamanya bagi khidmat kejuruteraan yang memerlukan kemahiran tinggi pada masa hadapan seperti kejuruteraan angkasa lepas, automobil, teknologi hijau dan teknologi yang berkaitan dengan alam sekitar yang mana ianya memerlukan pelaburan dari syarikat-syarikat korporat gergasi sama ada dari dalam negara mahupun dari luar negara.

Dalam bidang pendidikan Negara, Persepakatan Washington (Washington Accord) yang telah ditandatangani pada tahun 2009 telah memberikan penarafan dan pengiktirafan bertaraf dunia kepada pendidikan kejuruteraan Malaysia. Menerusi perjanjian ini, pendidikan kejuruteraan tempatan diiktiraf sama taraf dengan pendidikan kejuruteraan di 15 negara signatori yang lain.

Ini membolehkan mobiliti graduan dan peluang mendapat pekerjaan oleh jurutera di kalangan negara-negara yang terlibat. Dalam perkataan lain, pendidikan kejuruteraan tempatan telah dinaik taraf dan dimartabatkan. Malaysia kini telah menjadi hab pendidikan kejuruteraan yang menarik di Asia Pasifik.

Secara keseluruhannya, pindaan ini akan menggalakkan persaingan sihat dan di samping itu memperbanyakkan peluang bagi pakar-pakar dalam negara menceburi pasaran baru di luar negara.

Pindaan ini juga akan menjaga keselamatan dan kepentingan orang awam dengan menghalang kemasukan engineering import yang tidak bermutu daripada sumber luaran yang diragui standardnya. Melalui pindaan-pindaan ini, industri perunding kejuruteraan akan lebih teguh dan mantap demi kesejahteraan rakyat dan negara.

**"DALAM USAHA MENINGKATKAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI PULA, DI PERINGKAT KEMENTERIAN TELAH DITUBUHKAN PELAN TINDAKAN PENGUKUHAN INTEGRITI (PTPI) 2014-2015 KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR). YANG MERUPAKAN GARISPANDUAN BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG MEMPUNYAI INTEGRITI YANG TINGGI SAMA ADA DALAM PELAKSANAAN TUGAS HARIAN MAHUPUN SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA SELARAS DENGAN CABARAN KEEMPAT WAWASAN 2020 IAITU "MEMBENTUK SEBUAH MASYARAKAT YANG KUKUH CIRI-CIRI MORAL DAN ETIKANYA.**

**YB. MENTERI KERJA RAYA**
**Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama (Moc) Berkenaan Tadbir Urus, Integriti Dan Pencegahan Rasuah Dalam Industri Pembinaan**
**13 November 2014**

















# 07

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## MAKLUMAT PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN TAHUN 2014

| Perjawatan | KKR | JKR | LLM | CIDB | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| Politik | 3 | 0 | 0 | 0 | **3** |
| Pengurusan & Profesional | 267 | 2,380 | 106 | 84 | **2,837** |
| Sokongan | 714 | 5,607 | 189 | 282 | **6,792** |
| Jumlah Perjawatan | 1,090 | 11,074 | 319 | 374 | **12,857** |
| Jumlah Pengisian | 984 | 7,987 | 295 | 366 | **9,632** |
| Jumlah Kekosongan | 106 | 3,087 | 24 | 8 | **3,225** |

Jadual 13: Maklumat Perjawatan, Pengisian Dan Kekosongan Tahun 2014

### Kedudukan Perjawatan Kementerian/Agensi Tahun 2014




Rajah 5: Kedudukan Perjawatan Kementerian/Agensi Tahun 2014



## PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI KEMENTERIAN KERJA RAYA

Kali terakhir penstrukturan semula organisasi KKR adalah pada 1 Oktober 2008. Selepas mengambilkira perubahan persekitaran dan cabaran semasa baik dari luaran mahupun dalaman, organisasi KKR distruktur semula melalui kelulusan Waran Perjawatan Bil. K188 yang berkuatkuasa mulai 1 Mei 2014.

Objektif penstrukturan semula organisasi KKR antara lain adalah untuk memastikan KKR mencapai visinya menjadi peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara yang terunggul menjelang 2020. Bagi mencapai visi tersebut, struktur organisasi sedia ada KKR pada ketika itu telah disemak semula dan dikenalpasti melalui beberapa kaedah pelaksanaan seperti penyelarasan fungsi, tukar ganti (trade-off) jawatan dan pemansuhan dan penggabungan Bahagian-Bahagian.

Melalui beberapa siri perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), cadangan untuk menstruktur semula organisasi KKR berjaya dilaksanakan. Sebanyak 210 jawatan baru diwujudkan melalui kaedah tukar ganti dengan pemansuhan 240 jawatan yang turut menyaksikan penjimatan kos emolumen berjumlah RM661,275.00 setahun atau 1.23% daripada jumlah peruntukan emolumen KKR.

Adalah diharapkan saiz perjawatan KKR selepas penstrukturan semula organisasi sebanyak 1,090 mampu merealisasikan visi KKR. Dalam masa yang sama, saiz perjawatan dan fungsi setiap Bahagian/Unit akan dikaji secara berterusan bagi memastikan KKR terus kekal relevan dengan perubahan persekitaran yang pantas.




Carta 18 Penstrukturan Semula Organisasi Kementerian Kerja Raya

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## JUMLAH PERJAWATAN KKR

| Bil | Kumpulan | Sedia Ada | Baru |
|---|---|---|---|
| 1 | Pengurusan Tertinggi | 5 | 7 |
| 2 | Pengurusan & Profesional | 281 | 280 |
| 3 | Pelaksana | 816 | 785 |
| | **JUMLAH** | **1,102*** | **1,072*** |

* Tidak termasuk 18 perjawatan di Pejabat Menteri

Jadual 14: Jumlah Perjawatan KKR

## PERJAWATAN BARU YANG DIWUJUDKAN

| Bil | Jawatan | Gred | Bilangan |
|---|---|---|---|
| 1 | PTD | JUSA C | 1 |
| 2 | Penasihat Undang-Undang | JUSA C | 1 |
| 3 | PTD | M52 | 1 |
| 4 | PTD | M48 | 2 |
| 5 | PTD | M44 | 9 |
| 6 | Pegawai Teknologi Maklumat | F48 | 1 |
| 7 | Pegawai Teknologi Maklumat | F44 | 1 |
| 8 | Penolong Juruukur Tanah | NT32 | 2 |
| 9 | Penolong Juruukur Tanah | NT27 | 2 |
| | | **JUMLAH** | **20*** |

* Tidak termasuk 18 perjawatan di Pejabat Menteri

Jadual 15: Perjawatan Baru Yang Diwujudkan



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2013

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kerja Raya bagi Tahun 2013 telah diadakan pada Selasa, 3 Jun 2014 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kompleks Kerja Raya. Sejumlah 903 orang telah dicalon sebagai penerima APC dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Pecahan penerima APC dan PPC adalah seperti berikut:

| Bil | Agensi | Jumlah Penerima |
|---|---|---|
| 1 | Kementerian Kerja Raya | 81 |
| 2 | Jabatan Kerja Raya (JKR) | 736 |
| 3 | Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) | 27 |
| 4 | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) | 59 |
| | **JUMLAH** | **903** |

Jadual 16: Jumlah Pecahan Penerima APC dan PPC

Untuk tahun 2013 juga, dua (2) orang penerima daripada Jabatan Kerja Raya telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) seperti berikut:

1) **Sr. Hajah Roznita binti Othman, Juruukur Bahan J54**
2) **Mohd. Fauzie bin Abd Rahim, Jurutera Awam J48**

Sijil-sijil penghargaan telah disampaikan oleh YB Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof serta pegawai-pegawai kanan lain dari kementerian dan agensi.

**Gambar-gambar Majlis APC 2013**













# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN TAHUN 2014

Bagi tahun 2014, Kementerian Kerja Raya telah diperuntukkan sebanyak RM2.996 juta bagi tujuan pelaksanaan Jadual Latihan Tahun 2014. Sehingga 31 Disember 2014, pencapaian prestasi Latihan 7 hari bagi pegawai dan kakitangan KKR adalah sebanyak 99.77% iaitu seramai 881 orang telah menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari latihan. Beberapa pendekatan baru telah dilaksanakan bagi memastikan pencapaian prestasi latihan antaranya pelaksanaan kursus secara blended approach termasuk pelaksanaan kursus berbentuk seminar secara serentak dalam satu masa, di samping menyediakan program kursus secara walk-in.

Perbandingan prestasi pelaksanaan kursus bagi tahun 2014 dan tahun 2013 adalah seperti berikut:

**2014**
**148 Siri**
JLT Dirancang

93%
**137 Siri**
JLT Dilaksana

Prestasi ini tidak termasuk 24 siri kursus ad hoc yang telah dilaksanakan

**2013**
**151 Siri**
JLT Dirancang

92.1%
**139 Siri**
JLT Dilaksana

Prestasi ini tidak termasuk 15 siri kursus ad hoc yang telah dilaksanakan



Majlis Pelepasan Kembara Cakna oleh KSU KKR YBhg Dato' Sri Zohari Haji Akob

## PROGRAM CAKNA PEMBANGUNAN: KEMBARA BAHASA JALAN PERSEKUTUAN

Program Cakna Pembangunan: Kembara Bahasa Jalan Persekutuan yang telah diadakan pada 19 – 21 Oktober 2014 di Hotel Ibis, Ipoh, Perak. Seramai 30 peserta dari ibu pejabat KKR dan seramai 30 peserta dari JKR negeri Perak terlibat dalam program ini yang dilaksanakan secara kerjasama oleh BPSM, BPF, BKP dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Objektif program ini adalah untuk:

- Menggalakkan penggunaan bahasa Kebangsaan yang baik dan betul secara meluas terutama yang melibatkan papan tanda arah atau papan tanda iklan disepanjang Jalan Persekutuan;
- Memantapkan, memperkukuh dan mempamer jati diri dan citra bangsa Malaysia di kalangan kakitangan-kakitangan dalam pelaksanaan fungsi Kementerian; dan
- Menjalinkan hubungan dan kerjasama yang erat di antara Kementerian dan Jabatan Kerja Raya.

**Fakta :**

Peruntukan
RM2.996 juta
bagi tujuan pelaksanaan Latihan KKR Tahun 2014.

sebanyak
99.77%
iaitu seramai 881 orang telah menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari latihan.

Program telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Sri Zohari Haji Akob, KSU KKR turut dihadiri oleh beberapa pegawai-pegawai kanan Kementerian. Antara pengisian program adalah aktiviti "Menjejak Harta Karun" atau *Treasure Hunt* di sepanjang Jalan Persekutuan dari Kuala Lumpur ke Ipoh, Perak yang bertujuan untuk mengenal pasti kesilapan bahasa yang ditemui pada papan tanda iklan, papan iklan premis perniagaan, gegantung dan sepanduk sepanjang laluan.

Program bermula dengan pelepasan konvoi kenderaan dari KKR, Kuala Lumpur ke Ipoh, Perak melalui Jalan Persekutuan Kuala Lumpur - Rawan - Tanjung Malim - Slim River –Kampar – Tapah – Ipoh, Perak. Selain itu, beberapa aktiviti bahasa lain seperti persembahan yang melibatkan aktiviti berpantun, bersajak, sketsa dan lain-lain turut dilaksanakan.









# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

Kementerian Kerja Raya (KKR) juga diberi kepercayaan untuk menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Kementerian Kerja Raya pada 2 Oktober 2014. Konvensyen ini dilaksanakan sebagai salah satu usaha Kementerian untuk membina warga Kerja Raya yang berketrampilan tinggi bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Selain itu, ia juga bertujuan mengiktiraf anggota organisasi sebagai sumber paling bernilai dengan menyediakan forum kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan seterusnya melaksanakan tindakan yang diputuskan secara berpasukan. Konvensyen ini juga adalah sebahagian daripada aktiviti utama di bawah Program Peningkatan Kualiti dan Inovasi Tahunan KKR.

Sebanyak sembilan kumpulan telah bertanding dan mempamerkan cetusan kreativiti dan inovasi di mana empat kumpulan adalah daripada Kategori Teknikal dan lima kumpulan selebihnya daripada Kategori Pengurusan. Persembahan KIK ini telah dinilai oleh Panel Penilai yang telah dilantik iaitu Dr. Shahila binti Amran (Pejabat Pengarah Amalan Perubatan), Encik Azmi bin Mohd Sayuti (Kementerian Pendidikan Malaysia) dan Encik Ramesh Pillai (MACRI).

Pemenang KIK KKR 2014 adalah seperti berikut:-

**Kategori Pengurusan:-**

| | | |
|---|---|---|
| Johan | : | Kumpulan i-SMART (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KKR) |
| Naib Johan | : | Kumpulan QS INOVATIF 2012 (Jabatan Kerja Raya, Selangor) |
| Tempat Ketiga | : | Kumpulan SORT (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KKR) |

**Kategori Teknikal:-**

| | | |
|---|---|---|
| Johan | : | Kumpulan Aurora (Jabatan Kerja Raya, Seberang Utara) |
| Naib Johan | : | Kumpulan 1-Kinos (Jabatan Kerja Raya, Sepang) |
| Tempat Ketiga | : | Kumpulan Juragan (Lembaga Lebuhraya Malaysia) |



Pegawai kanan KKR bersama Pemenang KIK 2014



KSU KKR Dato' Sri Zohari Haji Akob meninjau booth KIK JKR







## PROGRAM PEMENTORAN

Program Pementoran peringkat Kementerian Kerja Raya tahun 2014 telah dilaksanakan selama enam bulan mulai 27 Mac 2014 dan berakhir pada 27 September 2014. Tujuan utama program ini adalah untuk meneruskan amalan budaya pembelajaran berterusan bagi peningkatkan kompetensi profesional, budaya, peribadi dan sosial. Program ini dijangka memberi impak positif kepada mentor dan menti dari aspek nilai, kesan imej dan identiti kepada organisasi. Selari dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) menti pada penghujung tahun 2014, majoriti menti yang terlibat memperolehi markah LNPT 90% dan keatas. Ini menunjukkan proses pembelajaran dan perkongsian ilmu secara dua hala yang diterapkan dalam proses pementoran dan juga ruang serta peluang yang diberikan oleh organisasi dilihat menyumbang kepada proses perkembangan kerjaya menti dan seterusnya mendukung objektif program pementoran iaitu melahirkan penjawat awam yang cekap, berdaya saing dan mampu menyesuaikan diri dalam suasana kerja yang bertaraf tinggi.

**Bilangan Mentor Mengikut Jantina**




Carta 19: Bilangan Mentor

**Bilangan Menti Mengikut Jantina**




Carta 19: Bilangan Menti

**Pencapaian Kompetensi Profesional**




Rajah 6 : Pencapaian Kompetensi Profesional

**Pencapaian Kompetensi Peribadi**




Rajah8 : Pencapaian Kompetensi Budaya Kerja Kelas Pertama

**Pencapaian Kompetensi Budaya Kerja Kelas Pertama**




Rajah 7 : Pencapaian Kompetensi Peribadi

**Pencapaian Kompetensi Sosial**




Rajah9 : Pencapaian Kompetensi Sosial

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN



## SESI PERJUMPAAN KSU DENGAN PEGAWAI KUMPULAN PROFESSIONAL GRED M41/M44

Sesi perjumpaan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P & P) Gred 41 dan 44 telah diadakan di Bilik Tanjung, Kompleks Kerja Raya yang diadakan pada 15 Ogos 2014 dan telah dihadiri oleh seramai 70 orang pegawai.

Objektif sesi suai kenal ini adalah untuk mewujudkan komunikasi dua hala selain menjadi pentas perbincangan dan perkongsian idea baharu para pegawai muda dengan pihak pengurusan atasan. Ini diharap dapat menerap semangat bergerak bersama ke arah haluan yang seiring dengan agenda transformasi Kerajaan.

Pada majlis tersebut, YBhg Dato' Zohari Haji Akob, KSU KKR turut menekankan pembudayaan Cepat, Tepat dan Berintegriti (CTI) dan Produktiviti, Kreativiti, Inovasi (PCI) dalam urusan kerja seharian setiap pegawai. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Haji Sarani Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).







## PERTANDINGAN IDEA TERBUKA 2014 – OPEN IDEAS COMPETITION 2014

Pertandingan yang terbuka kepada semua universiti, memberikan satu cabaran kepada pelajar untuk mencipta *Innovative Community Disaster Convertible Centre (iC-Dcc)*. Konsep utama iC-Dcc adalah untuk mereka sebuah Pusat Komuniti bagi penduduk sebuah kampung / pinggir bandar / bandar. Pada hari biasa, ia berfungsi seperti mana-mana pusat komuniti lain tetapi sebaik sahaja bencana *(flood / haze / storm / landslide / epidemic)* berlaku, ia berhenti menjadi Pusat Komuniti, sebaliknya bertukar menjadi sebuah Pusat Bantuan yang berfungsi sebagai " *"Accommodation for Disaster Victim"* serta satu pusat *"Operation and Distribution"* dalam masa 60 minit.

Pertandingan telah menarik 60 kumpulan dengan enam pelajar bagi setiap kumpulan, dari 17 buah universiti. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memenangi Open Ideas Competition Challenge Trophy dan hadiah wang tunai RM10,000. Hadiah kedua RM7,000, tajaan Bina Puri Holdings Bhd dianugerahkan kepada UiTM , sementara Universiti Sains Malaysia (USM) pulang dengan hadiah ketiga RM5,000 yang ditaja oleh Steel Siam Yamato.



## ANUGERAH PEREKA-PEREKA MUDA NIPPON PAINT - NIPPON PAINT YOUNG DESIGNERS AWARDS (NPYDA)

NPYDA ialah satu anugerah industri serantau tahunan bertujuan mengasah bakat muda dan menaikkan standard kecemerlangan rekabentuk di Malaysia dan di sembilan negara lain termasuk Vietnam, Thailand, Singapura, Indonesia, Pakistan, China, Jepun, Hong Kong dan Filipina. Tahun ini merupakan tahun ketujuh anugerah ini diberikan secara berturut-turut dan tema tahun ini ialah 'Re:Think. Re:Create. Our Community, Our Home'.

Pertandingan tahun ini menerima sejumlah 623 penyertaan di Malaysia (528 untuk Senibina dan 95 untuk Rekabentuk Dalaman), di mana setiap peserta dicabar untuk mewujudkan sebuah perbandaran mampan berasaskan komuniti yang dapat menyediakan kualiti kehidupan yang lebih baik untuk semua warga dari semua golongan masyarakat. Pemenang Emas ialah Wong Kail Li dari Universiti Putra Malaysia dan Lim Yong An dari KBU International College, masing-masing untuk Architecture and Interior Design.

## KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2014

Negeri Perlis Indera Kayangan telah terpilih menjadi tuan rumah Temasya Kejohanan Sukan Kerja Raya kali ke-10 yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 29 Oktober sehingga 1 November 2014.

Sebanyak 31 kontijen terdiri yang daripada pasukan-pasukan di bawah Kementerian Kerja Raya, Agensi-agensi dan Syarikat-syarikat Konsensi mempamerkan semangat kesukanan dan komitmen yang tinggi dengan menghantar wakil bagi setiap 15 acara yang dipertandingkan.

Johan keseluruhan menjadi milik PLUS Expressway Berhad yang berjaya membawa pulang 6 pingat emas, manakala tempat kedua berpihak kepada Kesas dengan memperolehi 5 emas, tempat ketiga pula dimenangi oleh Kementerian Kerja Raya dengan 3 emas.

Perasmian temasya ini disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin manakala Perasmian penutupannya pula oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof Menteri Kerja Raya. kedua-dua acara besar ini berlangsung di Stadium Mini, Kompleks Sukan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UiTM Perlis.

Temasya sukan ini adalah acara dwitahunan yang dilancarkan bagi menggantikan sukan tahunan Highway Games yang mula diperkenalkan pada tahun 1999 di ITM, Shah Alam dan dianjurkan di bawah usaha bersama Kementerian Kerja Raya dan Syarikat Konsesi bagi memupuk semangat dan merapatkan lagi hubungan antara agensi.



Lintaran pebarisan Hormat oleh Kontijen Kementerian Kerja Raya



Gimik Pelancaran oleh YBTM dengan memasukkan plaq ke dalam bekas



Pemberian Cenderahati daripada YBTM kepada ketua kontijen KKR




Pemenang menerima Hadiah dari Peserta dari KKR



# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) SARAWAK - 16 November 2014







Menteri Bergambar Bersama Agensi dan Syarikat Swasta yang terlibat Dalam Perjanjian MoU




Acara Pertukaran MoU



Penerima Anugerah Bidang Masing-masing



## WORLDSKILLS MALAYSIA – BELIA 2014 (BIDANG PEMBINAAN)

Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) meneruskan kerjasama menganjurkan WorldSkills Malaysia atau lebih dikenali sebagai Pertandingan Kemahiran Malaysia 2014 pada 12 Jun 2014. Pada tahun ini, sebanyak 25 bidang dan 3 bidang pameran dipertandingkan.

Daripada jumlah tersebut, 16 bidang kemahiran diurusetiakan oleh JPK manakala KKR melalui Akademi Binaan Malaysia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengurusetiakan sembilan bidang kemahiran yang membabitkan aspek pembinaan. Sembilan bidang tersebut adalah plumbing and heating; joinery; electrical installation; mechanical engineering design; welding, wall and floor tiling; refrigeration and air conditioning; bricklaying dan decorative painting. Pertandingan ini berlangsung dari 11 hingga 14 Jun 2014 bertempat di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Lumpur.

Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof , Menteri Kerja Raya hari ini bertempat di Pusat Konvensyen CIDB, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah.















# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## WORLD SKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB)

*World Skills Malaysia Belia* (WSMB) merupakan acara tahunan Kementerian Kerja Raya (KKR). WSMB diadakan pada setiap tahun bagi memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul. WSMB terbahagi kepada dua peringkat iaitu WSMB Peringkat Pra Kelayakan dan WSMB Peringkat Akhir. Sebanyak 9 bidang kemahiran akan diurusetiakan oleh KKR iaitu *electrical installations, refrigeration & air conditioning, joinery, mechanical engineering design, bricklaying, welding, painting & decorating, plumbing & heating dan wall & floor tiling.*

WSMB Pra Kelayakan bertujuan untuk memilih 10 peserta yang terbaik dalam setiap bidang untuk bertanding dalam WSBM peringkat akhir. Manakala WSMB peringkat akhir pula akan menentukan peserta yang terbaik dalam setiap bidang kemahiran dan seterusnya mewakili Malaysia di *ASEAN Skills Competition (ASC)* dan *World Skills Competition (WSC)*.

WSMB Pra Kelayakan tahun 2014 telah diadakan di pelbagai pusat latihan kemahiran di Semenanjung Malaysia dari 1 hingga 14 April 2014. WSMB pra-kelayakan juga telah mencatatkan pendaftaran secara talian sebanyak 618 permohonan untuk 9 bidang pembinaan di bawah KKR.

WSMB peringkat akhir pula telah diadakan di Akademi Binaan Malaysia, Wilayah Tengah dari 12 hingga 15 Jun 2014 dan telah dirasmikan oleh YB Menteri Kerja Raya. Kemuncak kepada WSMB Peringkat Akhir ialah Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) yang telah diadakan di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)* pada 29 Januari 2015 yang mana peserta bidang electrical installations, Mohd Hafiz bin Rohani telah dipilih sebagai penerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri Tahun 2014.

## SENARAI PEMENANG PINGAT DI BAWAH BIDANG KKR



**NAMA PESERTA**
Mohd Fariduddin bin Ali Kassim
**PINGAT** : EMAS
**BIDANG :** Plumbing & Heating
**AGENSI** : ILP Labuan



**NAMA PESERTA**
Ng Vui Yee
**PINGAT** : EMAS
**BIDANG :** Refrigeration and Airconditioning
**AGENSI** : ILP, Sandakan



**NAMA PESERTA**
Hasrul Bin Zailan
**PINGAT** : EMAS
**BIDANG :** Mechanical Engineering Design CAD
**AGENSI** : UniKL- MFI



**NAMA PESERTA**
Muhamad Hafiz Bin Rohani
**PINGAT** : PERAK
**BIDANG :** Electrical Installations
**AGENSI** : GIATMARA , Prima Tasek Gelugor



**NAMA PESERTA**
Mohamad Azim Bin Kadis
**PINGAT** : PERAK
**BIDANG :** Refrigeration and Airconditioning
**AGENSI** : ILP, Mersing



**NAMA PESERTA**
Hamdan bin Majeni
**PINGAT** : GANGSA
**BIDANG :** Bricklaying
**AGENSI** : GIATMARA, Saratok

## SENARAI PEMENANG PINGAT DI BAWAH BIDANG KKR



**NAMA PESERTA**
Muhamad Syamir bin Zakaria

**PINGAT** : GANGSA

**BIDANG** : Plumbing & Heating

**AGENSI** : GIATMARA, Setiu



**NAMA PESERTA**
Muhammad Imran Bin Mohd Sahar

**PINGAT** : MEDALLION OF EXCELLENCE

**BIDANG** : Bricklaying

**AGENSI** : Akademi Binaan Malaysia (ABM)



**NAMA PESERTA**
Muhammad Haly Bin Abdul Karim

**PINGAT** : MEDALLION OF EXCELLENCE

**BIDANG** : Electrical Installations

**AGENSI** : GIATMARA, Jelebu



**NAMA PESERTA**
Ahmad Quthaz Bin Azmi

**PINGAT** : MEDALLION OF EXCELLENCE

**BIDANG** : Mechanical Engineering Design CAD

**AGENSI** : UniKL- MFI



**NAMA PESERTA**
Lau King Hieng

**PINGAT** : MEDALLION OF EXCELLENCE

**BIDANG** : Joinery

**AGENSI** : Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu



**NAMA PESERTA**
Mohd Amirol Bin Awang@Jusoh

**PINGAT** : MEDALLION OF EXCELLENCE

**BIDANG** : Wall and Floor Tiling

**AGENSI** : GIATMARA, Setiu



**NAMA PESERTA**
Mohammad Firdaus Bin Hussien

**PINGAT** : MEDALLION OF EXCELLENCE

**BIDANG** : Welding

**AGENSI** : ILP, Jitra



**NAMA PESERTA**
Muhammad Dzulhelme Bin Razali

**PINGAT** : MEDALLION OF EXCELLENCE

**BIDANG** : Welding

**AGENSI** : Pusat Giatmara, Mentakab

## ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC)

*ASEAN Skills Competition (ASC)* dianjurkan setiap dua tahun secara bergilir oleh negara-negara ASEAN. Ia merupakan landasan kepada belia negara untuk bertanding, mendapat pengiktirafan, memperolehi peluang untuk menonjolkan bakat kemahiran di peringkat ASEAN.

Pada tahun 2014, ASC telah diadakan di Hanoi, Vietnam dari 23 hingga 28 Oktober 2014. Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menyertai sebanyak 8 bidang kemahiran iaitu bidang electrical installations, refrigeration & air conditioning, joinery, mechanical engineering design, bricklaying, welding, plumbing & heating dan wall & floor tiling. Daripada 8 bidang kemahiran ini KKR telah mendapat 3 Pingat Emas, 2 Pingat Perak, 2 Pingat Gangsa dan 7 Medallion of Excellence. Jadual 1 merupakan senarai bidang dan pingat yang telah diperolehi oleh kontinjen KKR.

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## MELAHIR TENAGA MAHIR NEGARA - 12 Jun 2014










## TENAGA MAHIR KOLEJ KLIA (KLIA PREMIER HOLDINGS) - 18 Jun 2014


Kolej KLIA lancar kemudahan baharu









**28,000**

Personel binaan akan dilatih pada tahun 2014

## MAJLIS GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA 2014

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mensasarkan akan melatih 28,000 personel binaan tahun ini dalam pelbagai bidang yang mempunyai permintaan tinggi dan dijangkakan sekurang-kurangnya 80 peratus akan terus diserapkan dalam industri sebaik sahaja tamat latihan.

Demikian intipati ucapan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof , sewaktu merasmikan Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) pada 29 April 2014 dan menyampaikan sijil kecekapan kemahiran kepada 300 graduan pada Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Tengah Timur dan Utara milik CIDB, di sini hari ini.

Pada majlis tersebut YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof juga telah sudi menyaksikan perjanjian memorandum persefahaman (MoU) dengan tujuh rakan strategik ABM, termasuk lima syarikat pembinaan antarabangsa iaitu Cementaid Sdn Bhd, Lend Lease Projects (M) Sdn Bhd, UAC Berhad, BWYS Group dan Urbanisma Consulting Group (UCG) serta Yayasan Pelajaran MARA dan persatuan Kontraktor Jentera Melayu Malaysia (PKJMM) bertujuan untuk menjalin kerjasama dalam bidang latihan pembinaan berimpak tinggi.

Pada tahun lepas, CIDB telah berjaya melatih 27,424 personel binaan dan 75 peratus daripada mereka telah berjaya mendapat perkerjaan. Sejak penubuhannya pada tahun 1997, ABM juga telah berjaya melatih hampir 200,000 personel binaan.










# PEMBANGUNAN
# MODAL INSAN

## MAJLIS ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI (MATEPM) 2013




YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Bersama Peserta Pertandingan MySkill 2014












Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2014 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bertempat di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) yang berlangsung pada 23 Januari 2014.

MATEPM merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada pemenang terbaik keseluruhan di Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan Myskills 2013 bagi 22 bidang yang dipertandingkan. Daripada 22 bidang itu, sembilan bidang di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya (KKR) dan 13 bidang di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2013 bagi kategori pengajar Pertandingan MySkills dimenangi oleh Muhammad Hafiz Brahim dari Pusat Latihan Teknologi Tinggi Melaka manakala bagi kategori pelatih (PKM) ia dimenangi oleh Muhammad Izzat Sulaiman dari Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau. Mereka turut memenangi Pingat Emas dengan masing-masing menerima piala, sijil serta RM7,000 dan RM5,000.

Pada majlis itu juga, YAB Perdana Menteri telah melancarkan WorldSkills Malaysia dan Projek Road to WorldSkills Competition (WSC) Sao Paulo 2015. Turut hadir ialah YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof , Menteri Kerja Raya serta Timbalannya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem dan Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Datuk Himmat Singh.



**“KEMENTERIAN INI PERLU MENERUSKAN PEMBUDAYAAN INOVASI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS HARIAN DENGAN MENAMPILKAN LEBIH BANYAK PENDEKATAN KREATIF DAN INOVATIF SELARAS DENGAN VISI TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM..”**



**YB. MENTERI KERJA RAYA**
**Majlis Perasmian Hari Inovasi KKR**
**14 Oktober 2014, Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid Kuala Lumpur**



# 08

## PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

## PENGURUSAN ADUAN AWAM

Sepanjang Tahun 2014, menunjukan jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian Kerja Raya dan agensi dibawahnya pada tahun 2014. Daripada 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014 sebanyak 5,124 aduan diterima dan sebanyak 100% aduan berjaya diselesaikan. Antara Kategori aduan tertinggi yang diterima adalah berkaitan dengan jalan, lampu jalan/lampu isyarat dan pendaftaran lessen kontraktor. Aduan-aduan tersebut diterima menerusi pelbagai saluran dan saluran emel mencatatkan jumlah penerimaan aduan tertinggi iaitu sebanyak 55.05% daripada keseluruhan saluran aduan.

## JADUAL DARI 1 JANUARI SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

**Statistik Aduan Awam KKR Dan Agensi Januari – Disember 2014**

| BULAN | TAHUN 2014 | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Jumlah Aduan | Selesai | Peratus | Dalam Siasatan/ Tindakan |
| Januari | 610 | 610 | 100% | 0 |
| Februari | 485 | 485 | 100% | 0 |
| Mac | 384 | 384 | 100% | 0 |
| April | 471 | 471 | 100% | 0 |
| Mei | 489 | 488 | 100% | 0 |
| Jun | 454 | 454 | 100% | 0 |
| Julai | 273 | 273 | 100% | 0 |
| Ogos | 373 | 373 | 100% | 0 |
| September | 361 | 357 | 100% | 0 |
| Oktober | 424 | 424 | 100% | 0 |
| November | 338 | 338 | 100% | 0 |
| Disember | 462 | 462 | 100% | 0 |
| **JUMLAH** | **5,124** | **5,124** | **100%** | **0** |

Jadual 17: Statistik Aduan Awam KKR Dan Agensi Januari – Disember 2014

**5,124**
Aduan yang diterima

**100%**
Aduan telah Berjaya diselesaikan

**93.27% atau 4,779**
Aduan diambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh aduan diterima

**Statistik Maklumbalas Awal Aduan KKR Dan Agensi Bagi Bulan Januari – Disember 2014**

| Bulan | Aduan Diterima | Maklumbalas Awal Kepada Pengadu (Bilangan Hari) | |
|---|---|---|---|
| | | <1 hari | >1 hari - <3 hari |
| Januari | 610 | 602 | 8 |
| Februari | 485 | 464 | 21 |
| Mac | 384 | 308 | 76 |
| April | 471 | 373 | 98 |
| Mei | 489 | 437 | 52 |
| Jun | 454 | 370 | 84 |
| **Jumlah** | **2893** | **2554** | **339** |
| Julai | 273 | 256 | 17 |
| Ogos | 373 | 309 | 64 |
| September | 361 | 316 | 45 |
| Oktober | 424 | 396 | 28 |
| November | 338 | 320 | 18 |
| Disember | 462 | 433 | 29 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **5124** | **4584** | **540** |
| **PERATUS** | **100** | **89.46%** | **10.54%** |

Jadual 18: Statistik Maklumbalas Awal Aduan KKR Dan Agensi Bagi Bulan Januari – Disember 2014

**Statistik Penyelesaian Aduan KKR Dan Agensi Bagi Bulan Januari – Disember 2014**

| Bulan | Aduan Diterima | Jumlah Aduan Selesai | Aduan Selesai Mengikut Bilangan Hari | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 1-3 hari | 4-7 hari | < 15 hari | >15 hari |
| Januari | 610 | 605 | 339 | 102 | 144 | 25 |
| Februari | 485 | 479 | 270 | 64 | 105 | 40 |
| Mac | 384 | 384 | 176 | 70 | 110 | 28 |
| April | 471 | 471 | 220 | 83 | 124 | 44 |
| Mei | 489 | 489 | 229 | 78 | 155 | 27 |
| Jun | 454 | 454 | 212 | 74 | 139 | 29 |
| **Jumlah (Jan- Jun)** | **2893** | **2,893** | **1446** | **471** | **777** | **199** |
| Julai | 273 | 273 | 135 | 53 | 58 | 27 |
| Ogos | 373 | 373 | 138 | 62 | 148 | 25 |
| September | 361 | 361 | 174 | 58 | 109 | 20 |
| Oktober | 424 | 424 | 152 | 63 | 201 | 8 |
| November | 338 | 338 | 128 | 35 | 128 | 47 |
| Disember | 462 | 460 | 235 | 45 | 163 | 17 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **5124** | **5122** | **2408** | **787** | **1584** | **343** |
| **PERATUS** | **100%** | **100.00%** | **47.01%** | **15.37%** | **30.93%** | **6.70%** |

Jadual 19: Statistik Penyelesaian Aduan KKR Dan Agensi Bagi Bulan Januari – Disember 2014

# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

### Statistik Keseluruhan Aduan KKR Dan Agensi Bulan Januari – Disember 2014

| Bil | Agensi/Jabatan | Bilangan Aduan | Aduan Selesai | Baki Aduan Belum Selesai | Peratus Selesai |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kementerian Kerja Raya (KKR) | 279 | 277 | 0 | 100% |
| 2 | Jabatan Kerja Raya (JKR) | 4,367 | 4,367 | 0 | 100% |
| 3 | Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) | 473 | 473 | 0 | 100% |
| 4 | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) | 5 | 5 | 0 | 100% |
| 5 | Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) | 0 | 0 | 0 | 100% |
| 6 | Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) | 0 | 0 | 0 | 100% |
| 7 | Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) | 0 | 0 | 0 | 100% |
| **Jumlah** | | **5,124** | **5122** | **0** | **100%** |

Jadual 20 : Statistik Keseluruhan Aduan KKR Dan Agensi Bulan Januari – Disember 2014

### Statistik Aduan Awam Mengikut Kategori Bagi Bulan Januari – Disember 2014

| Bil | Kategori | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Jalan (Jalan Rosak/ Berlubang/ Tidak Rata/ Tidak Siap | 144 | 108 | 73 | 110 | 101 | 113 | 64 | 90 | 88 | 112 | 97 | 165 | **1265** | **24.69%** |
| 2 | Perabot Jalan (pembahagi jalan, bonggol, papan tanda dan lain lain) | 71 | 51 | 34 | 42 | 65 | 35 | 45 | 56 | 52 | 92 | 46 | 34 | **623** | **12.16%** |
| 3 | Lampu (Lampu Jalan/Lampu Isyarat/ Lampu Trafik Rosak, Perlu Kaji Sistem) | 104 | 71 | 56 | 83 | 91 | 69 | 48 | 51 | 53 | 48 | 47 | 45 | **766** | **14.95%** |
| 4 | Jambatan & Bangunan | 8 | 9 | 18 | 15 | 17 | 12 | 8 | 7 | 7 | 5 | 1 | 4 | **111** | **2.17%** |
| 5 | Kemudahan Awam (Kawasan Rehat & Rawat/flyover/penghadang bunyi/dll) & Naik Taraf | 2 | 6 | 6 | 13 | 8 | 11 | 5 | 7 | 4 | 1 | 6 | 3 | **72** | **1.41%** |
| 6 | Halangan Di Lebuh Raya (Kesesakan Lalulintas/banjir/pokok-pokok besar menghalang dll) | 7 | 12 | 5 | 12 | 9 | 10 | 1 | 4 | 6 | 2 | 7 | 3 | **78** | **1.52%** |
| 7 | Bayaran Tol (Perkhidmatan TnG/Smart Tag/bayaran atau baki tol dll) | 10 | 6 | 3 | 3 | 7 | 6 | 1 | 21 | 2 | 1 | 6 | 4 | **70** | **1.37%** |
| 8 | Kesan Pembinaan (Mengakibatkan Banjir/ Longkang Tersumbat/ Kerosakan atau keretakan Rumah | 4 | 5 | 6 | 1 | 2 | 1 | 2 | 4 | 5 | 2 | 4 | 6 | **42** | **0.82%** |
| 9 | Polisi Kerajaan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | **2** | **0.04%** |
| 10 | Pendaftaran Lesen Kontraktor | 11 | 6 | 7 | 14 | 3 | 19 | 6 | 52 | 6 | 5 | - | 4 | **133** | **2.60%** |
| 11 | Luar Bidang Kuasa/ Tidak Berkaitan | 164 | 128 | 166 | 94 | 99 | 151 | 39 | 7 | 75 | 156 | 39 | 117 | **1235** | **24.10%** |
| 12 | Lain Lain | 85 | 83 | 10 | 84 | 87 | 27 | 54 | 74 | 63 | 0 | 84 | 76 | **727** | **14%** |
| **Jumlah** | | **610** | **485** | **384** | **471** | **489** | **454** | **273** | **373** | **361** | **424** | **338** | **462** | **5124** | **100** |

Jadual 21: Statistik Aduan Awam Mengikut Kategori Bagi Bulan Januari – Disember 2014



**Statistik Aduan Awam Mengikut Kategori Bagi Bulan Januari – Disember 2014**

| Bil | Saluran | KKR | JKR | LLM | CIDB | LJBM | LJM | LAM | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Laman Web (ISPAAA/) | 139 | 81 | 31 | 0 | 0 | 0 | 0 | **251** | **4.90%** |
| 2 | E-mel | 44 | 2,610 | 167 | 0 | 0 | 0 | 0 | **2821** | **55.05%** |
| 3 | SMS | 0 | 318 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **318** | **6.21%** |
| 4 | Hari Bertemu Pelanggan | 22 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | **27** | **0.53%** |
| 5 | Hadir Sendiri | 2 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | **7** | **0.14%** |
| 6 | Surat/Faks | 8 | 22 | 27 | 1 | 0 | 0 | 0 | **58** | **1.13%** |
| 7 | Telefon/ Talian Bebas Tol | 15 | 284 | 62 | 0 | 0 | 0 | 0 | **361** | **7.05%** |
| 8 | Borang Kaunter Aduan Jabatan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** | **0.00%** |
| 9 | Surat Khabar | 4 | 401 | 104 | 1 | 0 | 0 | 0 | **510** | **9.95%** |
| 10 | Biro Pengaduan Awam | 17 | 233 | 26 | 3 | 0 | 0 | 0 | **279** | **5.44%** |
| 11 | PEMUDAH | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** | **0.00%** |
| 12 | Lain-lain (Nyatakan Web PM/ Facebook/E-MAKLUMBALAS PM/ Web CPK) | 26 | 331 | 42 | 0 | 0 | 0 | 0 | **93** | **1.81%** |
| 13 | 1 MOCC | 2 | 87 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | **93** | **1.81%** |
| **Jumlah** | | **279** | **4,367** | **473** | **5** | **0** | **0** | **0** | **5,124** | **100%** |
| | | **Aduan Selesai** | | | | | | | **5,124** | **100%** |
| | | **Belum Selesai** | | | | | | | **0** | **0%** |

Jadual 22: Statistik Aduan Awam Mengikut Kategori Bagi Bulan Januari – Disember 2014

# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

## BENGKEL PEMANTAPAN MEDIA SOSIAL KKR 2014

Kementerian Kerja Raya melalui Unit Komunikasi Korporat telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Pengurusan Media Sosial KKR selama 3 hari di Legend Hotel, Cherating, Pahang. Bengkel tersebut telah diadakan pada 16 sehingga 18 Jun 2014 yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kerja Raya, Tuan Haji Sarani Bin Dollah. Turut hadir bersama menyertai bengkel ialah Pengarah JKR Negeri antaranya Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka, Perlis, WP Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan. Pengarah Bahagian Senggara Fasiliti Jalan (BFSJ), Pengarah Unit Komunikasi Korporat, Timbalan Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, dan Pegawai Media juga mengikuti bengkel pemantapan ini.

Tujuan utama adalah untuk memperkasakan penggunaan media sosial sebagai satu medium yang mudah untuk menterjemahkan setiap fungsi jabatan dan peranan agensi kepada orang awam menerusi aplikasi laman sosial seperti Facebook dan Twitter. Ianya juga atas saranan YB Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof Yusof untuk menggalakan agensi dibawah KKR untuk lebih mesra pelanggan dalam memberi maklumbalas pantas kepada pengguna berhubung sesuatu isu termasuk mengendalikan pengurusan aduan.

Ianya telah disambut baik oleh orang awam dan pengguna untuk menjadikan laman sosail sebagai salah satu saluran yang pantas untuk menyampaikan setiap maklumat dan maklumbalas aduan tanpa perlu menggunakan perkhidmatan lama dan sentiasa kehadapan mengikuti teknologi serba canggih pada masa sekarang.

Pendekatan positif telah ditunjukkan oleh semua peserta dengan penggunaan media sosial apabila mewujudkan kerangka kerja strategik pasukan media sosial KKR 2014 yang akan menjadi panduan dan *masterplan* hala tuju pasukan media sosial KKR.






YBrs. TKSU (P) menjadi pemudahcara Program Bengkel Pemantapan Media Sosial KKR







## MAJLIS PEMERKASAAN MEDIA SOSIAL KEMENTERIAN KERJA RAYA PADA 19 DISEMBER 2014


KSU KKR Dato' Sri Zohari Haji Akob melancarkan Kerangka Kerja Strategik Media Sosial (KKSMS) KKR


Sesi pembentangan Pemerkasaan Media Sosial yang disampaikan oleh TKSU OPERASI KKR





Sesi Penyerahan Gajet kepada setiap Admin


Anugerah Admin Terbaik Media Sosial daripada JKR Johor



Buku Kerangka Kerja Strategik Media Sosial (KKSMS) KKR.


Gambar Berkumpulan Bersama Admin Media Sosial KKR & Agensi

# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

## LAPORAN ANALISIS MEDIA SOSIAL






**Peningkatan Jumlah Post dan Tweet di Akaun Rasmi Media Sosial KKR Tahun 2014**

| Post (Facebook) | TWEET (TWITTER) |
|---|---|
| 2349 | 9862 |

## MALAM PENGHARGAAN MEDIA

**Malam Media Kuching (14 November 2014)**











# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

## MALAM PENGHARGAAN MEDIA

**Malam Media Hilton Hotel Kuala Lumpur (1 Disember 2014)**
















**Malam Penghargaan Kolaborasi dengan Kementerian Perumahan Tempatan (KPKT) Media Kota Kinabalu (5 Disember 2014)**











YB Menteri Kerja Raya dan YB Menteri KPKT menyampaikan hadiah kepada Tema Pakaian Terbaik

# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

## ENGAGEMENT RAKAN MEDIA SOSIAL KKR

**Cita Rasa bersama Rakan KKR DI TT Gajah Alor Setar pada 17 November 2014**









**Malam Santai Laksa Sarawak bersama YB Menteri Kerja Raya pada 12 Mei 2014**








**Taklimat Kadar Tol CIQ Johor Kepada Ketua Editor Media pada 11 Ogos 2014**


KSU KKR Menyampaikan kata-kata aluan.




Dato' Mafa Ali Pengarang Kumpulan Berita Harian dalam Sesi soal jawab

**Lawatan turun padang YB Menteri Kerja Raya Dan YB Kementerian Komunikasi dan Multi Media (KKMM) Ke CIQ Johor Bharu pada 14 Ogos 2014**


Taklimat disampaikan oleh Ketua Pengarah LLM


Lawatan turun pandang YB Menteri Kerja Raya dan YB Menteri Komunikasi









Lawatan Sekitar Komplek CIQ

Sidang Media oleh YB Menteri KKR dan YB Menteri KKMM

# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

## LAB HALATUJU DAN PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

Program Lab Halatuju dan Pelan Strategik KKR telah diadakan pada 28 – 30 Ogos 2014 bertempat di Hotel Lexis, Port Dickson. Lab ini bertujuan mengkaji semula halatuju bahagian supaya selaras dengan kehendak semasa dasar Kerajaan, penyusunan semula program dan aktiviti yang melibatkan agenda pemerkasaan pembangunan ekonomi bumiputera khusus dalam industri binaan.

Peserta yang akan menghadiri bengkel ini terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan yang berkaitan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam sektor pembinaan. Ia merangkumi Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya (LLM). Pihak Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PerkobF) dan Usahawan Binaan yang giat dalam bidang pembinaan turut dijemput memberi sumbangan dalam lab ini.

## TAKLIMAT MEDIA - PELAKSANAAN SISTEM KUTIPAN TOL ELEKTRONIK 100% DI PLAZA TOL BATU TIGA DAN SUNGAI RASAU

Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah mengadakan sesi taklimat kepada media berhubung pelaksanaan sistem kutipan tol secara elektronik 100 peratus di Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau pada 25 Ogos 2014 yang akan dilaksanakan bermula 1 September 2014.

Bermula pada tarikh tersebut, semua transaksi tol di Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau di Lebuhraya Persekutuan Laluan 2 akan dikendalikan sepenuhnya secara elektronik sama ada menerusi kad PLUSMiles, kad Touch 'n Go atau SmartTAG.
Pelaksanaan sistem ini merupakan salah satu inisiatif untuk mengatasi masalah kesesakan disebabkan oleh pengguna yang beratur untuk membayar tol secara tunai di kedua-dua plaza tol tersebut.

Secara umumnya, lorong elektronik Touch 'n Go dan SmartTAG berupaya mengendalikan 550 dan 1,000 transaksi tol dalam masa satu jam berbanding Lorong Tunai yang berupaya mengendalikan 400 transaksi tol dalam tempoh yang sama.
Sebagai persediaan, orang ramai berpeluang mendapatkan kad PLUSMiles Touch 'n Go (dengan nilai pra bayar RM5) dengan harga promosi RM5 di lorong-lorong tambah nilai dan Pusat Khidmat Pelanggan yang beroperasi di kedua-dua plaza tol terbabit sehingga 30 November ini.

Taklimat yang diadakan di Dewan Bankuet, Persada PLUS ini telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dato' Ir Hj Ismail Md Salleh dan Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad (PLUS), Dato' Noorizah Hj Abd Hamid.








## PELAN TRANSFORMASI KKR TAHUN 2014

Pelan Transformasi Kementerian Kerja Raya yang mengandungi 5 Teras Strategik, 17 Langkah Strategik dan 25 Inisiatif Strategik telah dimuktamadkan oleh YBhg. Dato Sri KSU pada Disember 2014.

**Teras Strategik 1** memberi tumpuan kepada pembangunan serta pelaksanaan Program Transformasi yang melibatkan sumber manusia Kementerian Kerja Raya dan Agensi-agensi di bawahnya. Ia merangkumi 3 Langkah Strategik iaitu :

- memperkukuhkan dasar, polisi dan pelan strategik sumber manusia untuk menarik, membangun, mengembang dan mengekal bakat;
- menggalakkan penjanaan ilmu, mempelbagaikan kemahiran dan meningkatkan kompetensi secara berterusan; dan
- merangsang warga kementerian supaya lebih bermotivasi, berdedikasi dan komited terhadap kerja.

**5 Inisiatif Strategik** iaitu :




**Teras Strategik 2** memberi nafas baru dalam struktur organisasi yang lebih **fleksibel** dan ***purpose driven*** dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Ia merangkumi 3 Langkah Strategik iaitu :

- memperkukuhkan peranan KKR sebagai peneraju pembangunan infrastruktur jalan, lebuh raya dan industri pembinaan;
- memperkukuhkan pengurusan aset menyeluruh; dan
- membangun dan memanfaat sistem teknologi bersepadu yang lebih efisyen dan berkesan.

**4 Inisiatif Strategik** iaitu :



# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

**Teras Strategik 3** mendokong aspirasi "Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan" dalam penyampaian perkhidmatan untuk memenuhi kehendak rakyat dan stakeholders. Ia merangkumi 4 Langkah Strategik iaitu :

- memantapkan perancangan, pembangunan dan penyenggaraan Infrastruktur Negara;
- memantapkan pembangunan industri pembinaan Negara dan perkhidmatan professional;
- memperkasa pembangunan kapasiti dan keupayaan penggiat industri pembinaan; dan
- meningkatkan keperihatinan dan responsif terhadap pandangan, teguran dan aduan pelanggan.

**7 Inisiatif Strategik** iaitu :




**Teras Strategik 4** bertujuan untuk meningkatkan kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan dan pihak yang berkepentingan seperti Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan NGO serta jaringan kerja peringkat antarabangsa dalam menjayakan usaha dan polisi yang lebih holistik kepada rakyat. Ia merangkumi 4 Langkah Strategik iaitu :

- meningkatkan konsultasi dengan pelbagai pihak dalam perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar;
- mengukuhkan hubungan strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- meningkatkan komunikasi dan perhubungan strategik peringkat antarabangsa; dan
- memperluaskan pendekatan Strategi Lautan Biru dan *Smart Partnership*

**4 Inisiatif Strategik** iaitu :





**Teras Strategik 5** memberi tumpuan kepada pengukuhan dan peningkatan nilai-nilai murni dan semangat cintakan Negara di kalangan warga Kementerian Kerja Raya dan Agensi-agensi di bawahnya Ia merangkumi 3 Langkah Strategik iaitu :

- Membudayakan etika perkhidmatan awam, nilai-nilai yang dikongsi bersama dan jati diri di kalangan warga kementerian;
- Memantapkan pengurusan kewangan dan perakaunan; dan
- meningkatkan akauntabiliti dan integriti.

**5 Inisiatif Strategik** iaitu :




Untuk makluman, Bahagian Perancangan Korporat telah melaksanakan :

i) 3 siri Bengkel Penyediaan Pelan Tramsformasi KKR
- Siri 1 pada 19 – 22 Feb 2014 di Hotel Premier, Klang, Selangor
- Siri 2 pada 10 Mac 2014 di Kompleks Kerja Raya
- Siri 3 pada 8,9 dan 15 Mei 2014 di Kompleks Kerja Raya

ii) Lab Transformasi Perkhidmatan Awam telah diadakan di INTAN Kampus Bukit Kiara pada 19 – 22 Mei 2014

iii) 3 siri engagement bersama warga KKR iaitu
- Siri 1 pada 22 September 2014 bersama Gred 1 – 36
- Siri 2 pada 03 Oktober 2014 bersama Gred 41 – 44
- Siri 3 pada 15 Oktober 2014 bersama Gred 48 – 52

iv) Pelan Transformasi KKR telah dibentangkan kepada YBhg. Tan Sri KPPA di dalam Mesyuarat KPPA Bersama KSU / SUK / KP Bil. 3/2014 pada 4 September 2014

v) Sesi pemurnian telah diadakan bersama pegawai yang menghadiri lab Transformasi Perkhidmatan Awam (LTPA) di INTAN Bukit Kiara pada 15 Oktober 2014

vi) Sesi perbincangan Urus Setia bersama Bahagian Trasnformasi Perkhidmatan Awam (BTSA) JPA pada 4 November 2014.

Antara Peserta Bengkel Penyediaan Pelan Transformasi KKR 2014



# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

- **Pelancaran Sistem Pendaftaran Kursus Kontraktor (eKursus)**

  Sistem eKursus merupakan sistem aplikasi yang berasaskan web bagi pendaftaran kursus untuk kontraktor. Sistem eKursus telah dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Kerja Raya (KKR) secara dalaman untuk kegunaan pegawai di Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) KKR bagi memudahkan urusan pendaftaran kursus kontraktor serta memantau bilangan peserta kursus untuk tempoh masa tertentu.




Paparan muka utama sistem eKursus

- **Aplikasi Sistem Legal Case eProcess Solution (LCeS)**

  Sistem LCeS merupakan sistem aplikasi untuk menguruskan kes undang-undang secara elektronik yang merangkumi modul litigasi, nasihat perundangan, penggubalan akta, dokumen perjanjian dan pengurusan dokumen serta rekod yang berkaitan dengan perundangan. Sistem ini dibangunkan untuk kemudahan dan kegunaan pegawai di Pejabat Undang-undang (PUU) Kementerian Kerja Raya (KKR).




Paparan muka utama sistem LCeS

- **Video Korporat**

Video Korporat Kementerian Kerja Raya telah siap dibangunkan pada 16 November 2014. Pembangunan video korporat ini mengambil masa selama 9 bulan untuk disiapkan dengan kerjasama dari pelbagai pihak yang diketuai oleh TKSU(P) yang bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Pembangunan Video Korporat KKR. Video ini berkonsep informatif yang merangkumi peranan KKR secara makro dalam pembangunan infrastruktur, pembinaan rangkaian lebuhraya dan juga prasarana kerajaan. Paparan utama adalah perkhidmatan teras KKR yang melibatkan industri pembinaan serta perancangan, pembinaan dan penyelenggaraan bagi jalan, lebuhraya termasuk bangunan. Turut dimuatkan adalah way forward KKR sebagai peneraju infrastruktur dan industri binaan negara dalam aspek *"The Best Technology With Less Cost," "Green & Space Management"* dan *"Cross Border Construction Industries".*











- **Portal Bertaraf 5 Bintang**

Portal KKR telah diiktiraf sekali lagi sebagai Portal yang bertaraf 5 bintang melalui Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia 2014 oleh Multimedia Development Corporation (MDEC). Ini adalah tahun keempat Portal KKR dinobatkan sebagai Portal 5 bintang. Portal KKR sebagai saluran penyampaian perkhidmatan dan maklumat kementerian kepada orang ramai diantaranya berita-berita mengenai KKR, aktiviti dan program KKR serta pencapaian KKR.



# PENGURUSAN PELANGGAN & TRANFORMASI

## ENGAGEMENT

### PUBLIC ENGAGEMENT LEBUHRAYA BERTINGKAT DAMANSARA-SHAH ALAM (DASH)

| Tarikh | | Persatuan Penduduk/Individu | Tujuan Mesyuarat |
|---|---|---|---|
| 2014 | 2 Disember 2014 | Wakil Penduduk Damansara Perdana/ Say No To DASH (SNTD) | Dipengerusikan oleh YB Menteri Kerja Raya bagi menangani bantahan SNTD. |
| | 30 September 2014 | Surau-surau terpilih di sekitar jajaran | Sumbangan Aidiladha pada lima buah Masjid |
| | 17 Julai 2014 | Masjid An Nur Kampung Melayu Subang | Penajaan buka puasa kepada Majlis An Nur Kampung Melayu Subang |
| | 17 Julai 2014 | Kampung Melayu Subang | Bantuan 35 Keluarga asnaf Kampung Melayu Subang |
| | 10 Julai 2014 | Surau-surau terpilih di sekitar jajaran | Sumbangan Ramadhan pada lima buah Masjid |
| | 7 Julai 2014 | Kampung Baru Subang | Bantuan barangan makanan kepada mangsa kebakaran Kampung Baru Subang |
| | 23 Okt 2014 | Lee Hui Seng, AJK & Biro Publisiti Parti Gerakan Negeri Selangor | Taklimat Awam bagi mendapatkan input dari penduduk dalam menambahbaik projek |
| 2013 | 28 Nov 2013 | Denai Alam Resident Association (DARA) | |
| 2012 | 20 Jul 2012 | Mesyuarat Bersama Mutiara Rini Development | |
| | 24 Apr 2012<br>29 Apr 2012 | Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung Desa Temuan<br>Penduduk Desa Temuan | |
| | 16 Mac 2012 | Taklimat Awam Bersama Persatuan Penduduk anjuran MBPJ | |
| | 15 Mac 2012 | Taklimat Awam Bersama Persatuan Penduduk anjuran MBSA | |
| | 7 & 9 Mac 2012 and 15 Jun 2012 | Persatuan Penduduk Mutiara Damansara PJU7 (PEMUDA 7) | |
| | 7 Mac 2012 | Taklimat Awam Bersama Perdana Emerald Joint Management Body | |
| | 22 Feb 2012 | Taklimat Awam Bersama Persatuan Penduduk Zon 20 Shah Alam (Puncak Perdana) | |
| | 11 Jan 2012 | Taklimat Awam Bersama Bayu Damansara Resident Association (BAYUZEN) | |
| | 7 Jan 2012 | Taklimat Awam Bersama Persatuan Pemilik Dan Penghuni Mutiara Damansara (MUDORA) | |
| 2011 | 23 Nov 2011 | Taklimat Awam Bersama Persatuan Pemilik Dan Penghuni Mutiara Damansara (MUDORA) | |
| | 19 Jul 2011 | Taklimat Awam Bersama Persatuan Penduduk Zon 20 Shah Alam (Puncak Perdana) | |
| | 01 Jul 2011 | Taklimat Awam Bersama NGO Pencinta Alam | |

Jadual 23: Public Engagement Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH)




Taklimat kepada wakil penduduk Damansara Perdana/ Mutiara Damansara pada 2 Disember 2014 dipengerusikan oleh YB Menteri Kerja Raya



Penyampaian sumbangan bantuan air kepada Kg Melayu Subang pada 13 Mac 2014



Pemberian bantuan kewangan kepada mangsa kebakaran Kg Baharu Subang pada 7 Julai 2014



Pemberian bantuan kepada Asnaf dan Majlis Berbuka dengan penduduk Kg Melayu Subang pada 17 Julai 2014



Penyampaian sumbangan korban ke Surau sempena Aidiladha pada 30 September 2014

# KKR DI MEDIA SOSIAL




Tweet
JKR PAHANG
@JKRPAHANG
17/12/14 : 9.45pm FT 002 Jalan Gambang - Maran (Gambang
Tweet
KKR Malaysia
@MOWorks
Untuk makluman @KkrMsia bukan laman twitter rasmi Kementerian Kerja Raya @MOWorks @JKRMalaysia @PetraJayaMP @ZohariAkob @saranidollah
5:25 PM · 29 Dec 14 from Bandar Kuala Lumpur, Kuala Lumpur
13 RETWEETS 2 FAVORITES
Fadillah Yusof @PetraJaya.. 29 Dec 14
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Posted by
26 Dec 2014
Portal Rasmi Pusat Pengurusan Bencana JKR
http://bencanaalam.jkr.gov.my/v2/
Tweet
Sarani Dollah
@saranidollah
Perlu aktif menggunakan media sosial bagi salur maklumat dan urus aduan. @MOWorks @JKRMalaysia @LLMinfotrafik pic.twitter.com/51eVeU1TYS
12:47 PM · 18 Nov 14
Perlu aktif guna media sosial sebar maklumat
Tweet
JKR Malaysia
@JKRMalaysia
Lokasi Jalan Persekutuan tutup setakat 3.1.2015 jam 5pm @PetraJayaMP @RakanKKR @MOWorks @KPKRMalaysia
5:36 PM
Tweet
JKR KOTA BHARU
@JKRKOTABHARU
@JKRKelantan @JKRMalaysia @MOWorks paras air tambatan diraja KB naik 5.41m jam 6pm.Blh limpah tebing jk berterusan pic.twitter.com/ CRhDfrYeH
44 PM · 23 Dec 14 from Cenering, Kuala Terengganu
10:59
Tweet
Tanya Sama Hud-Hud
@Muslim_sejagat
Syabas !!! @MOWorks "Jalan Raya Timur Barat dari Gerik ke Jeli telah dibuka pada 12 tengah hari tadi" - @PetraJayaMP pic.twitter.com/ CNMjuDiP"
PM · 05 Jan 15
Kementerian Kerja Raya M...
PAGE ACTIVITY INSIGHTS
Ucapan tahniah daripada YB. Menteri Kerja Raya kepada semua petugas warga KKR dan JKR. Teruskan mencurah bakti kepada rakyat. #bencanabanjir
TALIAN PERHUBUNGAN BILIK GERAKAN BENCANA JKR MALAYSIA
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, JKR Malaysia
Tel : 03-2610 7727
Faks: 03-2610 7550
e-mail : bencana@jkr.gov.my
http://bencanaalam.jkr.gov.my/v2/
TAHNIAH KEPADA SEMUA PETUGAS WARGA KKR DAN JKR YANG BERTUNGKUS LUMUS UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK DALAM APA JUA BENCANA
Tweet
Dato Sri Zohari Akob
@ZohariAkob
@PetraJayaMP @RakanKKR @MOWorks @JKRMalaysia Komitmen tinggi semua pihak utk pastikan laluan dpt dibuka segera tanpa abaikan keselamatan.
7:05 AM · 05 Jan 15
Tweet
Fazri
@JpFazri
@PetraJayaMP @HishammuddinH2O @MOWorks @JKRMalaysia Semoga kerjasama baik & murni ini diberkati.. insyaAllah rakyat akan hrgai #JP15
6:08 PM · 02 Jan 15
Tweet
Hanif Yon
@hanifhanif8
@PetraJayaMP @SallehHasnul @JKRMalaysia @MOWorks saya nampak akn kepaduan jentera KKR & JKR dlm meniti ujian segetir ini!!syabas kalian
8:02 PM · 04 Jan 15

**"ALHAMDULILLAH, SEPERTI YANG DIRANCANGKAN PROGRAM PADA HARI INI TELAH DISERTAI SERAMAI 250 ORANG KONTRAKTOR BUMIPUTERA (GRED G1-G7) DAN LEBIH 200 PENDUDUK KAMPUNG SEKITAR KAWASAN INI. PROGRAM ANJURAN BERSAMA CIDB DAN ABM INI MERUPAKAN SATU PENDEKATAN SERAMPANG DUA MATA DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI KONTRAKTOR BUMIPUTERA DAN PADA MASA YANG SAMA DAPAT MELAKSANAKAN SATU BENTUK KHIDMAT SOSIAL (CSR) PARA KONTRAKTOR BUMIPUTERA KEPADA MASYARAKAT. IA JUGA MERUPAKAN SATU PENDEKATAN STRATEGI LAUTAN BIRU (BLUE OCEAN STRATEGY) DI ANTARA PKK DAN CIDB DALAM MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN SUMBER ASET DAN PERUNTUKAN KERAJAAN."**

**YB. MENTERI KERJA RAYA**
**Program Khidmat Masyarakat kerja-kerja mengecat dan latihan praktikal anjuran pusat khidmat kontraktor dengan kerjasama ABM CIDB Negeri Sarawak**
**23 Mac 2014 (Ahad), 11.30 Pagi, Balairaya Kg Pulat, Balingian, Sarawak**

# 09

# HUBUNG JALIN RAKYAT DAN ANUGERAH

Tanggungjawab Korporat **134-139**
Anugerah **140-141**

# HUBUNG JALIN RAKYAT DAN ANUGERAH

## Tanggungjawab Korporat

### PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT 2014

Program Khidmat Masyarakat merupakan satu pendekatan serampang dua mata dalam melaksanakan program pembangunan kapasiti kontraktor Bumiputera dan pada masa yang sama dapat melaksanakan program khidmat sosial para kontraktor Bumiputera kepada masyarakat. Ia juga merupakan satu pendekatan Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) di antara Kementerian Kerja Raya dan beberapa agensi dalam mengoptimumkan penggunaan sumber asset dan peruntukan Kerajaan untuk kebajikan rakyat. Berikut adalah beberapa program CSR yang diadakan di seluruh Negara:



- **Program Khidmat Masyarakat Kerja-kerja Mengecat Masjid Al-Huda Kampung Tok Kepak, Jerlun, Yan Kedah pada 21 Februari 2014**

  Program ini merupakan anjuran bersama oleh Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya (JKR) Kedah dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Negeri Kedah yang disertai oleh 300 orang Kontraktor Bumiputera. Aktiviti utama program ini ialah taklimat berkenaan asas-asas pengecatan bangunan oleh Syarikat Bina Paint Marketing Sdn. Bhd dan disusuli dengan latihan praktikal mengecat masjid yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof . Turut hadir sama ialah YBhg. Datuk Himmat Singh, mantan Ketua Setiausaha KKR, Y.Bhg Dato' Zainudin Zakaria , Timbalan Ketua Setiausaha TKSU (DP) dan YBhg. Dato' Seri Ir. Haji Mohd Noor Bin Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).









- **Program Khidmat Masyarakat (CSR) Kerja-kerja Mengecat dan Latihan Praktikal Anjuran KKR dengan kerjasama CIDB di Kampung Pulat, Balingian, Sarawak**

  Program Khidmat Masyarakat Kerja-kerja Mengecat dan Latihan Praktikal di Kampung Pulat, Balingian Sarawak diadakan pada 23 Mac 2014. Program ini turut disertai oleh YB Menteri Kerja Raya dan 250 orang kontraktor Bumiputera (Gred G1 – G7) dan 200 orang penduduk kampung sekitar kawasan.

  Antara aktiviti utama program ini ialah ceramah berkenaan kaedah mengecat oleh tenaga pengajar Akademi Binaan Malaysia (ABM), CIDB dan disusuli dengan latihan praktikal mengecat Balairaya Kampung Pulat. Pihak ABM, CIDB juga telah melaksanakan beberapa penambahbaikan kecil kepada balairaya tersebut sebelum program berlangsung.







- **Program CSR di Kerja-Kerja Mengecat dan Latihan Praktikal Membaikpulih Pagar di Surau Kg. Kulambai Dundau, Kota Belud, Sabah**

  Program ini diadakan pada 20 April 2014 bertempat di Surau Kg. Kulambai, Dundau, Kota Belud Sabah dan dirasmikan oleh YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya.










# HUBUNG JALIN RAKYAT DAN ANUGERAH

## Tanggungjawab Korporat

- **KKR Penyayang – Menjengah Kasih di Pusat Jagaan Warga Tua Al-Ikhlas, Pulau Meranti, Puchong Selangor**

  Kementerian Kerja Raya turut menjadi penganjur utama bagi program khidmat masyarakat dan aktiviti gotong-royong sempena program KKR Penyayang – Menjengah Kasih. Program ini diadakan pada 5 Jun 2014 dan disertai oleh













**WARGA KEMENTERIAN KERJA RAYA BANTU PENGHUNI RUMAH ORANG TUA**

WARGA kerja Kementerian Kerja Raya tidak ketinggalan turun padang untuk memberi bantuan khidmat masyarakat kepada 55 penghuni Rumah Orang Tua Al-Ikhlas, Puchong, Selangor semalam dalam usaha mewujudkan golongan masyarakat penyayang dalam kalangan warga kerja kementerian tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah menaik taraf garaj penyimpanan kerusi roda, mengecat garaj dan pagar, menyediakan rak dan gotong-royong menyediakan lubang tempat pembuangan sampah serta membaik pulih jalan masuk ke rumah itu.

Pada program itu, Penaung Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (Puspanita) kementerian berkenaan, Datin Ruziah Mohd. Tahir turut menyampaikan sumbangan kepada penghuni di rumah kebajikan tersebut. Turut hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) merangkap Penasihat II Puspanita Cawangan KKR, Sarani Dollah.

Program itu dianjurkan bersama oleh Puspanita Kementerian Kerja Raya, Kelab Sukan Kementerian Kerja Raya, Pusat Khidmat Kontraktor, Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

■ RUZIAH Mohd. Tahir (lapan dari kiri) bersama warga kerja Kementerian Kerja Raya selepas program gotong-royong di Rumah Orang Tua Al-Ikhlas, Puchong, Selangor semalam.



## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

- **Program CSR di Pusat Gagaan Al Fikrah**

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) sentiasa prihatin dalam menganjurkan program berbentuk komitmen kemasyarakatan bagi membantu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan. Program Tanggungjawab Sosial dan Korporat (CSR) yang telah dimulakan sejak empat tahun yang lalu, pada 20 Jun 2014 LLM telah memilih Pusat Jagaan Al Fikrah, Kajang. Pada hari pertama aktiviti gotong royong membersihkan kawasan persekitaran dengan bantuan seramai 40 orang sukarelawan daripada LLM dan PSKLM telah diadakan. Program CSR ini diakhiri pada hari kedua dengan penyampaian sumbangan barangan keperluan, perkakasan elektrik dan barangan perubatan bagi meringankan tanggungan pusat jagaan. YBhg. Dato' Ketua Pengarah LLM berharap program sebegini dapat membawa keceriaan dan masa yang diluangkan serta perhatian yang diberikan dapat mengurangkan beban emosi warganya.





- **Program CSR LLM dan PSKLM- bersama Persatuan Kebajikan Ibu Tunggal Negeri Perlis**





# HUBUNG JALIN RAKYAT DAN ANUGERAH

## Tanggungjawab Korporat

- **Back to school Anjuran LLM bersama Persatua Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM)**




- **Majlis Penyerahan Sumbangan Banjir oleh KKR, LLM dan PSKLM**




- **Majlis Pelancaran MyGHI**

Perkhidmatan TMC kepada pengguna lebuhraya yang beroperasi dari jam 0700 pagi hingga 1000 malam setiap hari.

Dalam usaha mempertingkatkan tahap perkhidmatan bagi memastikan kepuasan pengguna, pada Februari 2011 LLM telah memperkenalkan kaedah hebahan maklumat trafik terbaru iaitu melalui Twitter (www.twitter.com/LLMinfotrafik). Ia berfungsi menyalurkan semua maklumat bagi lebuh raya bertol di Malaysia bermula 7.00am hingga 10.00pm.










Laman Twitter rasmi @ Infotrafik LLM

## LEKAS SHIMANO HIGHWAY CHALLENGE 2014

Shimano Highway Lekas Challenge 2014 merupakan penganjuran kali ke-2 oleh pihak pengurusan Lekas Highwayyang telah dilangsung pada 23 November 2014. Acara pertandingan berbasikal ini diadakan di Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS) berjarak 73 kilometer bermula dan berakhir di Plaza Tol Kajang Selatan. Laluan highway ini telah ditutup seawal jam 4pagi sehinggalah pukul 12 tengahari semata-mata bagi memberikan laluan pada acara ini.

Cukup meriah dan berjalan dengan sempurna dari segi pengurusan lalu lintas, aturcara majlis, penyediaan makanan dan minuman yang mencukup, lucky draw yang mantap serta medal yang cukup menarik. Seramai lebih kurang 3000 orang mengayuh dalam suasana yang dingin serta menyegarkan.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timabalan Menteri Kerja Raya YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dato' Ismail Md. Salleh yang telah bekerjasama dengan pihak pengajur dengan menyediakan lokasi perlumbaan.


YB Timbalan Menteri memberi sokongan kepada para peserta



YB Timbalan Menteri bergambar bersama para pemenang



Acara Perlumbaan bermula



Cenderahati daripada pihak penganjur

# HUBUNG JALIN RAKYAT DAN ANUGERAH

## Anugerah

### ANUGERAH EMAS MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) PWTC 20-22 FEBRUARI 2014

'Kumpulan 'DF TooL' (Aplikasi kalkukator interaktif pengiraan daylight factor)









### ANUGERAH PERAK, 25TH INTERNATIONAL INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX), KLCC CONVENTION CENTRE 8-10 MEI 2014

'Kumpulan 'Hujan' (Aplikasi kalkukator interaktif pengiraan saiz tangki air hujan)

### ANUGERAH PENGURUSAN PROJEK TERBAIK 2014

Kategori Pasukan Pengurusan Rekabentuk (HODT) bagi Projek Pembinaan Perpustakaan Awam Negeri Pahang

Unit Reka Bentuk & Fasiliti Bangunan Am2, Caw. Arkitek









### ANUGERAH SIJIL PLATINUM BANGUNAN PERDANA PUTRA, PARCEL A PUTRAJAYA

**Pengiktirafan Daripada** : GREEN BUILDING INDEX SDN. BHD.
**Pengiktirafan kepada** : Unit perunding kecekapan tenaga elektrik (upkte), cawangan kejuruteraan elektrik






## MENERIMA ANUGERAH EMAS DI 25TH INTERNATIONAL INVENTION & TECHNOLOGY EXHIBITION ITEX 2014

**Pengiktirafan daripada :** ITEX Malaysia
**Pengiktirafan kepada :** JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik Pahang






## INOVASI & REKACIPTA MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2014

**Peringkat Kebangsaan**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 20 - 22 Februari 2014 |
| Pencapaian | : | Anugerah Pingat Perak - Civil Engineering Progress Payment (CEPP)<br>Anugerah Pingat Gangsa - Rates On-Line (RATOL) |
| Peserta | : | Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan |

## ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN 2014




Jabatan Kerja Raya Malaysia melalui Bahagian Kejuruteraan Cerun telah berjaya merangkul Anugerah Geospatial Kebangsaan 2014 bagi Kategori Anugerah MyGDI Kebangsaan. Projek yang dipertandingkan bertajuk Sistem Pengurusan maklumat Cerun Bersepadu (Integrated Slope Information System, ISIS). Pembentangan kepada Panel Penilai telah dilakukan oleh Ir. Shabri Shaharom dan dibantu oleh En. Roslan Majid pada 7 Mac 2014. Penyampaian Anugerah ini telah disempurnakan oleh Y.B Datuk Seri G.Palanivel, Menteri di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) pada 17 Mac 2014 bersempena dengan Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan NGIS ke 6 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Anugerah Geospatial Kebangsaan 2014 (AGK 2014) merupakan satu inisiatif bagi mengiktiraf agensi-agensi yang bergiat aktif dan inovatif dalam bidang geospatial. Anugerah ini juga adalah bagi menyuntik kesedaran dan mencetuskan gelombang perubahan di kalangan organisasi/ agensi dalam meperkasa aktiviti-aktiviti geospatial pada masa kini dan akan datang.

Anugerah ini terbahagi kepada dua kategori iaitu:

a). Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)
b). Anugerah Kecermerlangan Geospatial (Umum)

**KEMENTERIAN KERJA RAYA MENGANGGARKAN RM56.9 JUTA UNTUK MEMBAIK PULIH JALAN RAYA, CERUN DAN JAMBATAN YANG TERJEJAS BANJIR DI TERENGGANU, PAHANG DAN JOHOR. DARIPADA JUMLAH ITU, RM41.5 JUTA DIAGIHKAN UNTUK PAHANG, RM10.3 JUTA UNTUK TERENGGANU DAN RM5.1 JUTA UNTUK JOHOR.**



**YB. MENTERI KERJA RAYA**
**27 Januari 2014 – Kemaman Terengganu**















# 10

# PENGURUSAN BENCANA DAN KRISIS

# PENGURUSAN BENCANA DAN KRISIS

## PROJEK BERKAITAN BANJIR TAHUN 2014

### LAWATAN TURUN PADANG YB MENTERI KERJA RAYA KE KAWASAN BENCANA BANJIR 2014

Negara telah dilanda banjir sejak 19 Disember 2014 terutamanya di negeri-negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Perak. Kejadian banjir tersebut telah mengakibatkan jalan, jambatan dan cerun runtuh dengan mendapan kritikal yang menyebabkan jalan ditutup selorong ataupun sepenuhnya. Banjir besar ini juga telah merosakkan perumahan rakyat dan mengakibatkan mangsa-mangsa banjir kehilangan penempatan kekal mereka.

YB Menteri Kerja Raya turut mengadakan lawatan ke kawasan Bencana Banjir iaitu di lokasi cerun runtuh (KM69, Gerik, Perak) serta lokasi banjir di Daerah Kuala Krai, Kelantan dan Daerah Temerloh, Pahang pada 1 Januari 2015. YB Menteri Kerja Raya telah mengadakan lawatan ke penempatan mangsa banjir dan juga rumah-rumah mangsa banjir bagi menghulurkan bantuan banjir.

YB Menteri Kerja Raya melawati salah sebuah tapak yang musnah akibat banjir



KKR memberi sumbangan gula² kepada kanak² mangsa banjir



YB Menteri Kerja Raya dan pengurusan tertinggi KKR beramah mesra bersama mangsa banjir di pusat penempatan





Tinjauan yang dilakukan oleh rombongan daripada KKR terhadap salah satu tinjauan yang musnah teruk



Salah seorang peniaga motosikal membersih motor jualan yang ditenggelami banjir di Bandar Gua Musang





YB Menteri Kerja Raya melawat ke salah satu taman perumahan yang musnah akibat akisan daripada laluan banjir



YB Menteri Kerja Raya bertanyakan khabar salah seorang pesakit yang terlantar di pusat penempatan mangsa banjir di Sek. Menengah Yahya Petra II, Kuala Krai

# PENGURUSAN BENCANA DAN KRISIS

## PROJEK BERKAITAN BANJIR TAHUN 2014

### PEMBINAAN RUMAH KEKAL MANGSA BANJIR 2014

Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk menyediakan rumah kekal bagi mangsa banjir yang telah hilang penempatan dan juga memberi bantuan pembaikan rumah rosak (bukan berbentuk tunai dan bukan menggantikan sepenuhnya aset/ rumah yang rosak) bagi membantu meringankan beban mangsa banjir.

Kementerian Kerja Raya telah diberi mandat untuk menerajui pembinaan rumah kekal. Sehubungan itu, Jawatankuasa Penempatan Kekal dan Pembaikan Kerosakan Rumah Pasca Banjir telah ditubuhkan di peringkat Kementerian bagi memastikan pembinaan rumah kekal dengan segera dan berkesan serta memastikan pembaikan rumah rosak diselaraskan. Pembaikan rumah rosak akan diterajui oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Bagi pembinaan rumah kekal, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan 2 opsyen pembinaan penempatan kekal iaitu rumah binaan batu bata sebuah atau teres berkeluasan 816 kaki persegi yang mempunyai 3 bilik tidur, 1 ruang tamu, 1 dapur, 1 ruang makan, 1 tandas dan 1 bilik air yang dibina di atas tanah di kawasan tanah tinggi atau rumah binaan batu bata sebuah atau teres berkeluasan 660 kaki persegi dengan tiang konkrit setinggi 8 kaki yang mempunyai 3 bilik tidur, 1 ruang tamu, 1 dapur, 1 ruang makan, 1 tandas dan 1 bilik air yang dibina di atas tanah di kawasan tanah rendah dengan anggaran kos RM48,000 serta tempoh pembinaan maksimum selama 75 hari. Lokasi penempatan akan diselaraskan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersama pihak pentadbiran negeri.

Bagi menyegerakan pembinaan rumah kekal untuk mangsa banjir, Kementerian Kewangan telah memberikan kebenaran kepada Kementerian Kerja Raya untuk membuat lantikan terus di kalangan kontraktor tempatan kelas G1, G2, G3 bertaraf Bumiputera yang berwibawa dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dengan menggunakan Jadual Kadar Harga Jabatan Kerja Raya (JKR).

Peruntukan sebanyak RM174 juta (3,000 unit) kepada Kementerian Kerja Raya melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) bagi pembinaan rumah kekal baru. Peruntukan awal sebanyak RM58 juta yang merangkumi RM48 juta bagi 1,000 unit rumah dan RM10 juta bagi kos infrastruktur (pembersihan tapak, penambakan tanah, pembinaan jalan dan penyambungan utiliti) telah pun disalurkan oleh MKN.












## LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE MISI BANTUAN BANJIR GRIK PERAK 2014 PADA 1 JANUARI 2015



YB Timbalan Menteri Kerja Raya melawat mangsa banjir di di Grik Perak




YB Timbalan Menteri Kerja Raya turun menyampaikan bantuan sumbangan bahan keperluan kepada mangsa banjir di perak Tengah



YB Timbalan Menteri Kerja RayaBeramah mesra bersama anak-anak mangsa banjir dengan memberi sumbangan gula-gula

# PENERBITAN




**Isu 1/2014**
Tema Bulletin QS-Link Isu 1/2014 ialah Meet Our Minister. Isu kali ini memberi peluang untuk mengetahui secara peribadi serta mengenali Menteri Kerja Raya iaitu YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof .




**Isu 2/2014**
Tema Bulletin QS-Link Isu 2/2014 ialah Change Agent: Inspiring Others. Isu kali ini mengetengahkan kisah inspirasi dari Juruukur Bahan Berdaftar iaitu Y. Bhg Datuk Sr Chia Lui Meng, Sr Basar Bin Juraimi dan Pn Sariah Bte Karib.




**Buletin KKR Edisi 1/2014**
Tema Buletin KKR Jan-Feb Jilid 1/2014 ialah *Ke Arah Kesejahteraan Rakyat 1 Malysia*




**BINA KKR Edisi 2/2014**
Tema BINA KKR Mac-Apr Jilid 2/2014 ialah *Jambatan Sultan Abdul Halim Muazam Shah Mula Beroperasi*




**Buletin KKR Edisi 3/2014**
Tema Buletin KKR Mei-Jun Jilid 3/2014 ialah *Ke Arah Melahir Tenaga Mahir Industri Pembinaan*




**Kerangka Kerja Strategik (KKS) Pasukan Media Sosial (PMS) Kerja Raya**




**Buletin KKR Edisi 4/2014**
Tema Buletin KKR Julai-Ogos Jilid 4/2014 ialah *Lebuhraya Pemangkin Sosio Ekonomi Negara*




**Buletin KKR Edisi 5/2014**
Tema Buletin KKR Sept-Okt Jilid 5/2014 ialah *Inovasi Pemangkin Transformasi*




**BINA KKR Edisi 6/2014**
Tema BINA KKR Nov-Dis Jilid 6/2014 ialah *Pengurusan Menghadapi Bencana*

# SIDANG REDAKSI


## PENAUNG

**Y.Bhg Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob**
Ketua Setiausaha

## PENASIHAT

**Y.Brs. Tuan Haji Sarani Bin Dollah**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

## KETUA PENGARANG

**Puan Noreha Binti Mohd Ripin**
Ketua Komunikasi Korporat

## PENGARANG

**Encik Mohd Rizal Bin Hashim**
**Encik Fauzi Bin Baharudin**
**Puan Aisah Binti Ghazali**
**Cik Nur Athirah Binti Masron**

## FOTOGRAFI

**Encik Rosdin Bin Sabni**

## URUSETIA

**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**
Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Unit Audit Dalam (UAD)
Unit Integriti (UI)
Unit KPI
Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
Bahagian Kewangan (BK)
Bahagian Perancangan Korporat (BPK)
Bahagian Akaun (BA)
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
Bahagian Pembangunan dan Penswastaan (BPP)
Bahagian Perancang Jalan (BPJ)
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)
Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF)
Bahagian Dasar dan Antarabangsa (BDA)

**AGENSI**
Jabatan Kerja Raya (JKR)
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)
Lembaga Arkitek Malaysia (LAM )
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)

## REKA BENTUK/PENCETAK

**Qaisworks Sdn. Bhd.**
Tel: +603 7832 2144



**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

Kementerian Kerja Raya, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

www.kkr.gov.my

pro@kkr.gov.my

03-8000 8000

@MOWorks

03-2711 1101

Kementerian Kerja Raya Malaysia

Kementerian Kerja Raya Malaysia

android Kod

Iphone Kod